

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 22**

**Khamis**

**14 Disember 2017**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Meminda Susunan Aturan Mesyuarat  
di Bawah P.M. 13(2)

(Halaman 26)

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 57)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2017

(Halaman 27)

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017

(Halaman 35)

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti

Perniagaan Labuan (Pindaan) (No. 2) 2017

(Halaman 39)

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017

(Halaman 41)

Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017

(Halaman 81)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

Khamis, 14 Disember 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah mekanisme penentuan harga minyak petrol dan diesel secara mingguan ini berkesan terhadap pengguna sedangkan perbandingan harga yang dibuat lebih banyak kenaikan dari penurunan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain di atas soalan. Selamat pagi, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berpandangan bahawa penetapan harga runcit petrol dan diesel secara mingguan adalah satu mekanisme yang memberikan kesan segera dan adil kepada para pengguna dan pihak industri. Penetapan harga minyak adalah selaras dengan perubahan harga pasaran minyak dunia dan ia membolehkan trend harga jualan minyak yang lebih stabil berbanding penetapan harga secara bulanan sebelum ini. Penetapan harga secara mingguan melibatkan perubahan harga yang lebih pendek iaitu tujuh hari dan harga runcit yang ditetapkan adalah lebih hampir kepada kos produk petroleum berkenaan.

Sejak pelaksanaan harga runcit petrol dan diesel secara mingguan, kenaikan harga jualan runcit petrol RON95 berlaku sebanyak 20 kali dengan nilai keseluruhan kenaikan sebanyak 82 sen. Manakala penurunan harga berlaku sebanyak 15 kali dengan nilai keseluruhan penurunan sebanyak 87 sen. Ini bermakna harga jualan runcit petrol RON95 adalah lebih rendah sebanyak 5 sen sejak pelaksanaan penetapan harga mingguan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan soalan tambahan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana semalam hari Rabu adalah hari yang menjadi hari yang ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat Malaysia sekarang. Ia bukan lagi hari Sabtu atau Ahad. Tuan Yang di-Pertua, hari Rabu merupakan hari yang dinanti-nantikan.

Jadi semalam saya rasa terkejut apabila melihat media sosial ini senyap, senyap sepi. *WhatsApp group* senyap, semuanya senyap kerana harga minyak turun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima sen.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omarin:** Turun lima sen untuk RON97 dan empat sen untuk RON95. Jadi senyap. Jadi saya hendak ucap terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana prihatin soal rakyat terutamanya melibatkan harga minyak ini.

Cuma soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan akan mengkaji semula soal pemberian subsidi petrol dan diesel secara pukal kembali kepada pengguna seperti mana yang dicadangkan oleh banyak pihak dan juga individu-individu supaya mungkin harga minyak boleh kembali seperti dahulu dengan adanya pemberian subsidi secara pukal. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri soal pemberian secara subsidi pukal ini. Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain. Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memberikan subsidi bagi harga minyak petrol dan diesel secara pukal perlu diteliti implikasinya agar bantuan diberikan oleh kerajaan ini benar-benar membantu mereka yang memerlukan.

Untuk makluman, penduduk Malaysia menggunakan hampir dua bilion liter petrol dan diesel sebulan. Sekiranya subsidi 50 sen diberikan bagi setiap liter, kerajaan akan menanggung belanja sebanyak RM1 bilion setiap bulan atau RM12 bilion setahun. Namun perlu diingatkan bahawa penggunaan petrol dan diesel bagi setiap orang adalah berbeza. Sebagai contoh, mereka yang berkemampuan menggunakan kereta yang besar sekali isi petrol mungkin mencecah 30 liter dengan subsidi RM15. Manakala rakyat di kawasan kampung dan luar bandar yang menggunakan motor mungkin hanya menggunakan 30 liter untuk sebulan.

Ini menunjukkan bahawa subsidi secara pukal ini adalah tidak adil dan hanya menguntungkan mereka yang berkemampuan. Oleh yang demikian kaedah pemberian subsidi atau bantuan bersasar seperti BR1M perlu diperkenalkan untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar memerlukan diberikan bantuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

#### ■1010

**2. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Pendidikan menyatakan, keadaan sebenar berkaitan dengan SJKT Ladang Minyak memandangkan semua jaminan kerajaan yang diberi sebelum ini iaitu "pembinaan telah pun dimulakan pada bulan Oktober 2014, akan siap pada 19 Mei 2017" dan "akan siap pada Januari 2018" merupakan janji-janji kosong.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini sebelum menjawab soalan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada 424,973 pelajar yang menduduki PT3 akan menerima keputusan mereka hari ini. Saya berdoa agar mereka berjaya dalam masa depan. Saya hendak ucapkan terima kasih juga kepada semua guru yang telah membimbing mereka dan ibu bapa yang telah terus memberi sokongan kepada anak-anak kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Tuan Yang di-Pertua, projek Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Minyak dilaksanakan secara reka dan bina dengan kos berjumlah RM6.4 juta. Projek ini masih berhadapan

dengan masalah isu pemilikan tanah yang diperlukan bagi permohonan kebenaran merancang. Isu milikan tanah perlu diselesaikan oleh Lembaga Pengelola Sekolah terlebih dahulu dan barulah permohonan kebenaran merancang dapat dilaksanakan.

Seterusnya projek boleh dimulakan setelah kebenaran merancang diluluskan. Isu milikan tanah adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya Lembaga Pengelola Sekolah dengan dibantu oleh Syarikat ECL Management Sdn. Berhad selaku *project management consultant*. Sekiranya terdapat isu berbangkit, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dapat meneruskan projek ini sehingga isu berkenaan diselesaikan sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah selaku *custodian* di sekolah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi isu saya kalau kita tengok kepada soalan-masalah LPS dan itu semua okey, terima ada masalah dengan LPS. Soalan saya dua, kalau kementerian sedar ada masalah dengan tanah, kenapa masa jawab saya dalam tiga kali di Parlimen, *first* bulan Disember 2014, jawabannya ialah kerja telah mula, satu. Selepas itu dua kali tahun 2016, tahun 2017 kementerian memberi satu tarikh akan siap. Kalau betul-betul *problem* dengan tanah, cakup pada masa itu ada *problem* dengan tanah. Itu satu.

Soalan yang kedua, kalau betul-betul ada masalah dengan tanah, kenapa buat *ground breaking ceremony*? *You* kena *solve problem* dengan tanah dahulu sebelum buat *ground breaking ceremony*. Tuan Yang di-Pertua, untuk sekolah ini diumumkan pada tahun 2010, masa *by election*. *Ground breaking ceremony* sebanyak dua kali. *Minister* buat pada tahun 2012, Timbalan Menteri buat pada tahun 2015.

So, isu saya kalau betul-betul *problem* dengan tanah, *explain problem* dengan tanah. Kementerian fasal tanggungjawab LPS pun, kalau kita tengok *Education Act 1960* pun di bawah tanggungjawab kementerian. *Solve problem* itu. Akan tetapi apabila *you* buat *ground breaking ceremony*, *you* bagi harapan kepada rakyat tempatan. So, soalan saya dua. Kenapa buat *ground breaking ceremony*? Kenapa beri saya jawapan-jawapan yang berlainan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menanti soalan seumpama ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya juga mengalu-alukan pelawat kita dari Kolej Islam As-Sofa, Ampang... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat Senator rujuk balik kepada semua jawapan itu, dalam setiap jawapan itu kita telah pun memberi masalah kelewatan pembinaan SJKT Ladang Minyak berlaku disebabkan oleh isu status pemilikan tanah April 2017. Semua, memang ada kita bagi masalah-masalah wujud di sana, *clear*.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita- tanah ini disediakan oleh *UMW Corporation*. Saya ucapkan terima kasih kepada *UMW Corporation* yang telah mengagihkan sebidang tanah dua

ekar untuk pembinaan sekolah. Hasrat kita murni, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin melihat bagaimana kita dapat membantu dan menggunakan tanah yang sedia ada untuk membina sekolah ini. Yang Berhormat benar, saya pun pernah menjawab soalan ini akan bermula. *In fact*, dalam satu jawapan kepada Yang Berhormat, saya kata projek ini dijangka siap pada Januari 2018, betul.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menerima sepucuk surat seperti ini daripada Majlis Daerah Hulu Selangor, yang memaklumkan kepada saya bahawa pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah menerima surat daripada satu peguam yang mewakili Lembaga Pengelola Sekolah bahawa mereka tidak mahu membenarkan kerja ini berlaku.

Apabila ada tuntutan daripada pemegang amanah menghantar surat peguam kepada Majlis Daerah Hulu Selangor yang sebelum ini memberi kelulusan melalui MDHS/TP/38 2015 bertarikh 15 Jun 2015. Sebelum ini kita telah membuat perancangan. Kalau tidak ada surat ini kita terima daripada Majlis Daerah Hulu Selangor, Januari 2018 sekolah itu boleh beroperasi. Akan tetapi apabila kita menerima sepucuk surat seperti ini menghentikan segala impian kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib. Maka ada mereka bermusuh yang tidak mahu melihat sekolah ini bergerak. Kita akan melaksanakan janji, kita akan melakukan—

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan juga kepada Dewan yang mulia ini. Pada awalnya Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk sekolah ini hanya RM4.3 juta tetapi oleh kerana kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Yang Berhormat Pekan begitu peka kepada pembangunan pendidikan kaum India khususnya sekolah Tamil, kita telah berjaya meningkatkan daripada RM4.3 juta kepada RM6.4 juta khusus untuk penambahbaikan...  
[Tepuk]

Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja kita juga telah membina sebuah jambatan baru spesifik kepada sekolah itu kosnya RM500,000. Bukan sahaja itu, untuk membina jambatan itu, kita terpaksa membuat satu pencawang elektrik kosnya RM150,000. Semua ini ditampung oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib. Yang Berhormat, ini bukan janji kosong ya, ini janji akan dilaksanakan. Akan mengambil masa. Mengapa mengambil masa? Ini kerana kita telah menerima surat-surat seumpama ini. Sehingga hari ini Yang Berhormat ya, kita prihatin untuk menyelesaikan masalah.

Akan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tahu apa maksud janji-janji kosong? Saya beri definisi janji-janji kosong ini. Tahun 2011 Yang Berhormat Menteri Besar Selangor, Kerajaan Pakatan Rakyat atau Pakatan Harapan, saya tidak tahulah ya. Kerajaan itu janji telah mengumumkan di lokasi SJKT Ladang Coalfields ke tapak dua kilometer, tapak asal dengan cadangan 24 bilik darjah dan bilik-bilik khas dan asrama diumumkan tahun 2011, pecah tanah Julai 2011 tetapi tujuh tahun Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** Belum jadi.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Hari ini, jadi, tetapi apa sahaja? Daripada 24 bilik darjah dan asrama dikurangkan kepada enam bilik darjah... [Dewan riuh] Enam bilik darjah, tidak ada asrama. Ini Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, ini *standing order*.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Yang Berhormat, saya tidak beri laluan ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Standing order.*

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Saya tidak beri laluan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Standing order.*

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Saya tidak beri laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat,

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tolong, tolong *learn the system. This is standing order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Apa laluan? Mana ada laluan. Ini *standing order.*

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Mana *standing order?* *Standing order* apa? *Standing order* apa?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Standing Order 35(1)*

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** *Standing* apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Biar Tuan Yang di-Pertua tanya, biar Tuan Yang di-Pertua tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, sila duduk. *Standing order* apa?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** 35(1), *confine* kepada *subject matter*. Satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila duduk. Yang Berhormat, silakan.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hendak buat *ruling*, petua di sini sekejap. Yang Berhormat, dalam soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat ada cakap fasal janji kosong... [*Dewan riu*] Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Ini dia hanya menjawab soalan Yang Berhormat mengenai janji-janji kosong.

**Seorang Ahli:** Jawapan tepat itu.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Okey, okey. Akan tetapi *the subject matter* kena fokus. Kita kena fokus...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Itu adalah sebahagian. Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Okey, okey. Tidak apa, biar dia jawab. *Then, I* akan jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memang sentiasa prihatin ke atas pembangunan. Saya memberi definisi janji kosong, yang kita buat 'Janji akan ditepati'. Yang Berhormat, daripada tahun 2013 sehingga hari ini kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan telah melaksanakan lebih 50 buah sekolah Tamil, sekolah baru, pembangunan semula. Okey, itu harus terima hakikatnya.

Apa yang saya katakan sekarang definisi janji kosong ialah tahun 2011. Kerajaan Negeri Selangor yang mana Yang Berhormat wakil telah janji akan buat 24 bilik darjah, hari ini dia mula enam tahun Yang Berhormat. Tanah orang bagi, duit orang bagi. Hendak buat sekolah apa masalahnya? Kita

tanah orang bagi, duit kerajaan bagi. Yang Berhormat, jangan bagi- saya bagi definisi janji kosong. Kalau tidak tahu, pohon penjelasan. Ini penjelasan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, ini *misleading*. Jawapannya *misleading*, saya kena jelaskan. Kalau tidak ada, saya akan pakai *standing order* yang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tidak ada, jawapan. Jawapan *misleading*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak bangkitkan *standing order*. Yang Berhormat, saya sudah buat *ruling* bahawa soalan ini kena faham. Ahli-ahli Yang Berhormat ini apabila bangkitkan soalan kena faham. Apabila Yang Berhormat Menteri jawab, dia kena jawab seluruh soalan Yang Berhormat. Kalau yang janji-janji kosong dia hendak beri alasan ataupun kesimpulan mengenai janji kosong.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti sekejap.

#### ■1020

Apa yang saya dengar dari jawapan Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan yang dibangkitkan sudah pun dijawab. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, isu dia bukan perkataan 'janji kosong'. Sebelum itu, jawapan sebelum itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *No, no*. Jawapan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong, Yang Berhormat. Sekejap. Apa juga jawapan yang diberi oleh kementerian ataupun Menteri-Menteri terbabit, suka atau tidak suka, itu adalah jawapan kementerian. Nanti sekejap. Yang Berhormat boleh membuat atas perbincangan atas mana-mana yang isu lain. Dalam sini, yang utama saya hendak cakap, kalau Yang Berhormat ingat yang Menteri itu bohong, *you* boleh *refer to*, dengan izin, *the respective committee*. Kalau tidak ada, suka atau tidak suka, itu jawapan Menteri.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Okey. *I* terima nasihat ini. Dalam isu ini, kerana ada maklumat yang tidak betul- saya tidak pakai perkataan 'bohong'. Ada maklumat tidak betul dua kali- Disember 2014 dan pagi tadi ada maklumat yang tidak betul. *I will write in officially* kepada ini. Kerana banyak *misleading*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan, jangan. Sudahlah Yang Berhormat, duduk... *[Disampuk]* Tidak. Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bila kita tujukan soalan, tohmahan-tohmahan itu jangan. Kalau buat tohmahan... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bila kita buat tohmahan dan kementerian ini kena harus diberi peluang untuk menjawab.

**3. Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilakah kementerian akan membentangkan *Voluntary Health Insurance Scheme (VHIS)* di Parlimen, dan apakah mekanisme yang dipertimbangkan mengenai skim ini yang dikatakan bertujuan mengawal kos tinggi perubatan di hospital swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chai Kim Sen. Soalan ini berkenaan dengan isu insurans kesihatan sukarela, Tuan Yang di-Pertua, ataupun VHI.

Tuan Yang di-Pertua, insurans kesihatan sukarela ataupun VHI ini telah pun mendapat kelulusan Kabinet pada 20 Julai 2016 dan Menteri Kesihatan sendiri telah mengumumkan pada 22 Julai 2016 dan akan mula dilaksanakan mulai tahun 2018.

Konsepnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah insurans kesihatan sukarela ini dibangunkan berlandaskan konsep utama seperti berikut:

- (i) tidak berasaskan keuntungan; dan
- (ii) penyertaannya adalah secara sukarela.

Pengoperasiannya, Tuan Yang di-Pertua, akan dilaksanakan oleh satu agensi milik kerajaan dan ia di bawah Kementerian Kesihatan. Ia akan memberi manfaat kepada rakyat sebagai alternatif kepada skim insurans kesihatan swasta dan akan beroperasi untuk kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan di sini bahawa perkhidmatan yang sekarang ini akan diteruskan iaitu kerajaan tetap komited untuk meneruskan penyampaian perkhidmatan sedia ada di klinik dan hospital kerajaan kepada rakyat di mana mereka mendapat akses kepada fasiliti dan perkhidmatan kesihatan kerajaan yang komprehensif termasuklah perkhidmatan pencegahan, promosi kesihatan, rawatan perubatan dan rehabilitasi seperti biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membangunkan skim insurans kesihatan sukarela ini ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Dari segi perancangan atau pembangunan VHI ini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan skim ini adalah sukarela, maka aspek perincian seperti kos, kadar caruman dan skop perlindungan adalah bergantung kepada pakej manfaat atau *benefit package* yang dikehendaki oleh populasi sasaran yang bakal membeli produk yang dibangunkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah perbezaan skim ini dengan cadangan sebelum ini iaitu *universal health coverage* (UHC), dengan izin, atau dengan skim insurans kesihatan yang ada di pasaran ini? Satu soalan lagi, apakah respons dan sejauh mana perbincangan kementerian dengan *stakeholders*, dengan izin, yang terlibat dalam sektor kesihatan mengenai skim ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dalam Malaysia, kita ada dua perkhidmatan kesihatan iaitu yang satu oleh publik ataupun oleh kerajaan dan yang kedua oleh pihak swasta. Setakat ini, rakyat Malaysia kalau ikut *survey* yang ada, sebanyak 20 peratus rakyat Malaysia yang membeli insurans, yang mampulah membeli insurans swasta. Ada banyak syarikat insurans, saya ingat dalam 25 syarikat-syarikat insurans yang ada. Itu yang 20 peratus. Dan 39 peratus lagi *out of pocket*. Maksudnya dia bayar tanpa insurans, dia bayar duit sendiri. Sama ada dia pergi klinik swasta ataupun hospital swasta, dia bayar duit sendiri. Lain-lainnya adalah daripada perkhidmatan kerajaan.



Memang dari segi kadar insurans sekarang memang makin lama makin tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana mungkin *coverage*-nya lebih banyak, maka kos ataupun premium yang kena dibayar adalah tinggi sebab dia ada unsur keuntungan di situ, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dalam hal VHI ini, seperti yang saya sebut tadi, dia tidak ada keuntungan. Kalau ada pun sedikit sangat untuk kita menguruskan. Itu sahaja. Bukan ada konsep keuntungan. Tidak ada di situ.

Dijangka bahawa premium pada *coverage* yang tertentu, dia punya premium akan jadi lebih rendah daripada syarikat swasta yang lain. Ini oleh sebab dijalankan oleh pihak agensi kerajaan di bawah KKM sendiri. Contoh saya beri, contoh macam SPIKPA sekarang. SPIKPA adalah insurans untuk pekerja asing. Premium dia RM120 setahun, *coverage* dia ialah RM20,000 dan semua kes pekerja asing ini dirujuk kepada hospital kerajaan. *Coverage* RM20,000.

Akan tetapi dijangkakan kalau bila dilancarkan program VHI ini, maka premiumnya akan lebih rendah dan *coverage*-nya akan lebih tinggi. Bila dirujuk kepada hospital kerajaan, maka unsur elemen-elemen hutang akan mungkin dapat dikurangkan. Sekarang terdapat juga dalam satu atau dua peratus yang berhutang, pihak pekerja asing ini berhutang dengan pihak Kementerian Kesihatan. Jadi saya yakin dengan kekurangan jumlah premium dan *coverage* lebih tinggi, maka unsur hutang itu mungkin dapat dikurangkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, tentang perbincangan dengan pihak swasta, memang perbincangan dijalankan daripada awal lagi. Sebenarnya tidak ada kesan kepada mereka sebab mereka- ini adalah *voluntary*. Apa yang kita buat ini adalah *voluntary*. *Target* dia adalah *population* yang jenis yang rendah sedikit. *Population* yang berpendapatan tinggi, dia beli insurans biasa, tetapi yang *population* yang berpendapatan yang rendah sedikit, dia beli insurans ini. Bermakna bila sudah beli insurans ini, dia ada pilihan sama ada hendak pergi ke hospital kerajaan ataupun swasta, Tuan Yang di-Pertua.

**[Soalan No. 4 – YB. Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim tidak hadir]**

**5. Tuan Haji Muhammad bin Mustafa** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah nasib institusi-institusi yang diberi amanah oleh kerajaan untuk membuat kajian dan membina Dasar Wassatiyyah Negara, dan sejauh manakah kemajuan pergerakan dan pencapaiannya setakat ini; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk institusi-institusi ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff bertarikh 18 Disember 2017 kerana menyentuh isu yang sama iaitu Dasar Wassatiyyah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan Institut Wassatiyyah Malaysia (IWM) di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 3 Disember 2012. Selaras dengan matlamat untuk melahirkan

sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni, kerajaan meluluskan Dasar Wassatiyyah Negara pada 21 Oktober 2016.

■1030

Namun usaha-usaha mewujudkan Dasar Wassatiyyah Negara (DWN) ini telah mula dilakukan sejak dari awal tahun 2014 lagi. Beberapa siri bengkel, sumbang saran atau *brainstorming* serta perbincangan yang berkonsepkan Strategi Lautan Biru-Kebangsaan (N-BOS) telah dilaksanakan yang melibatkan pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, pemimpin masyarakat, pertubuhan belia dan juga mahasiswa. Hasil daripada siri-siri bengkel dan perbincangan tersebut, maka satu dasar telah dirangka dan memberi tumpuan kepada enam bidang strategik seperti berikut:

- (i) pendidikan dan belia;
- (ii) ekonomi dan pembangunan;
- (iii) pentadbiran dan perundangan;
- (iv) perpaduan dan sosial;
- (v) politik dan kenegaraan; dan
- (vi) keselamatan dan pertahanan.

Oleh yang demikian, kerajaan telah mengamanahkan hanya Institut Wassatiyyah Malaysia (IWM) untuk membangunkan dan mewujudkan Dasar Wassatiyyah Negara. Maka hanya IWM sahaja yang diberikan peruntukan untuk membangunkan Dasar Wassatiyyah Negara. Berhubung pelan jangka panjang menerapkan Dasar Wassatiyyah Negara kepada golongan belia dalam menghadapi Transformasi Nasional 2050 atau TN50 sememangnya DWN memberi tumpuan golongan belia melalui bidang strategik yang pertama iaitu pendidikan dan belia. Antara inisiatif yang difokuskan dalam bidang strategi ini ialah:

- (i) falsafah dan pendekatan *wassatiyyah* perlu ditonjolkan sebagai salah satu elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran bermula daripada sekolah rendah, menengah dan universiti;
- (ii) penerapan nilai-nilai murni yang terkandung dalam pendekatan *wassatiyyah* dan pengamalan yang dapat direalisasikan; dan
- (iii) pemerksaan generasi muda melalui penghayatan nilai-nilai *wassatiyyah* dalam usaha melahirkan belia yang seimbang dan berketerampilan bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

Bagi merealisasikan penghayatan *wassatiyyah* kepada generasi muda dalam menghadapi TN50, penekanan diberikan kepada pembentukan nilai, pemikiran dan tindakan berdasarkan kepada prinsip 4K iaitu kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan. Ini ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Negara peringkat kebangsaan kali kedua pada 2 November 2017. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah dalam istilah *wassatiyyah* ini terdapat dua perkara yang penting. Pertama tidak cuai, yang kedua tidak melampau. Apabila sesuatu itu dilakukan dengan sempurna dan tidak cuai,

maka berlakulah *wassatiyyah*. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat tentang kajian, tentang kecuai-kecuai yang dilakukan oleh semua pihak yang bercanggah dengan Dasar Wassatiyyah ini dan juga maknanya dua ekstremlah, ekstrem dalam kecuai dan juga ekstrem dalam melampau. Jika kedua-dua ini tidak dilakukan, maka berlakulah istilah *wassatiyyah* itu.

Dari segi pelaksanaannya dan kajian yang dibuat sejauh mana setakat ini Dasar Wassatiyyah ini dapat diterapkan dalam semua sektor? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benar apa yang Yang Berhormat Senator sebutkan apabila kita bercakap soal *wassatiyyah*, dia adalah perseimbangan ataupun keseimbangan. Dia salah satu daripada makna *wassatiyyah* yang disebutkan tadi- 4K tadi merangkumi makna *wassatiyyah* secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua yang bermaksud kesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan juga keadilan. Apabila kita bercakap soal keseimbangan ataupun perimbangan, dengan izin... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Keseimbangan antara ekstrem yang bersifat radikal dan ekstrem yang bersifat pencuaian ataupun kecuai.

Ini amat ditekankan oleh kerajaan seperti yang saya pernah berbahas di dalam Dewan yang mulia ini, saya sebutkan bahawa kerajaan amat menitikberatkan bukan sahaja soal bagaimana kita hendak menangani gejala-gejala ekstrem yang bersifat radikal tetapi juga ekstrem yang bersifat pelanggaran agama ataupun *tasahul fiddin* yang dibawa oleh pelbagai ideologi-ideologi yang melampau seperti liberalisme yang melampau ataupun ateisme yang melampau dan sebagainya.

Oleh sebab itulah kalau kita melihat Dasar Wassatiyyah Negara, dia harus dibaca bersekali dengan dasar-dasar yang lain termasuk juga apa yang kerajaan perkenalkan pada hari ini iaitu Indeks Syariah. Itu adalah salah satu cara, kaedah untuk kerajaan mengukur di semua kementerian, sejauh manakah angkuab-angkuab yang salah satunya adalah dasar-dasar yang berkaitan dengan *wassatiyyah* itu dilaksanakan dan diimplementasikan.

Ini akan diunjurkan ataupun di analisa oleh pihak ketiga, bukannya kerajaan. Dia dilakukan oleh pihak universiti-universiti tempatan yang akan melihat lapan bidang utama itu sama ada dia menepati prinsip yang terkandung dalam *wassatiyyah* dan juga *maqasid syariah* dan ini terkandung di dalamnya juga angkuab-angkuab yang berkaitan dengan aspek ekstrem tadi, kedua-dua ekstrem. Termasuklah soal kecuai. Saya bagi contoh ya.

Contohnya apabila di bawah KKR, apabila dibangunkan program apa dipanggil sebagai *Rawang Bypass*. Dasar Wassatiyyah Negara diterapkan sebagai satu asas apabila mereka hendak membangunkan *Rawang Bypass* ini, seberapa banyak pokok yang dipotong, hutan yang ditarah bagi membangunkan kawasan *Rawang Bypass* ini, sebanyak itu jugalah kementerian sebutkan bahawa ia akan digantikan dan ia akan ditanam balik supaya menunjukkan bahawa kita berlakunya keseimbangan. Oleh sebab itulah *wassatiyyah* ini merangkumi aspek keseimbangan sebagaimana yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan soalan tambahan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa Dasar Wassatiyyah ini perlu untuk semua kaum di negara kita. Soalan saya apakah usaha atau program kerajaan dalam menjelaskan Dasar Wassatiyyah ini kepada kaum bukan Islam. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang Yang Berhormat sebutkan dengan tepat, Dasar Wassatiyyah Negara apabila dikatakan dasar negara, ia bukan hanya mengkhususkan kepada satu kaum ataupun satu agama sahaja. Apatah lagi konsep *wassatiyyah* ini adalah konsep yang bersifat universal. Dia bukan hanya terkait kepada orang Islam sahaja.

Oleh sebab itu maksud *wassatiyyah* ini adalah 4K tadi, kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan. Bagi agama-agama lain pun sama juga. Semua agama akan memfokuskan kepada bagaimana menjadikan penganutnya cemerlang, bagaimana menjadikan penganutnya sederhana, bagaimana menjadikan penganutnya adil dan seimbang.

Oleh sebab itulah asas kepada konsep dasar *wassatiyyah* ini supaya negara kita dalam apa juga keadaan kita bersifat sederhana, seimbang, adil dan juga mestilah sentiasa memikirkan kepentingan semua pihak. Oleh sebab itu dalam konteks ini kerajaan sudah memulakan proses ataupun program-program memberikan pencerahan kepada semua pihak termasuk kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Program-program melalui televisyen, program-program seminar yang diadakan oleh Institut Wassatiyyah Malaysia bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Hari ini Institut Wasatiyyah Malaysia bekerjasama dengan semua kementerian-kementerian supaya bukan sahaja hendak memastikan dasar ini benar-benar dapat dijemakan dan direalisasikan di semua kementerian seperti mana yang saya sebutkan tadi. Contohnya di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Institut Wassatiyyah Malaysia bekerjasama dengan KPM supaya nilai-nilai kesederhanaan itu dapat dijemakan dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang berkaitan dengan bukan sahaja agama, tetapi juga Pendidikan Moral dan sebagainya. Ini kerana kita mahu melihat bahawa sesiapa sahaja yang berpegang kepada agama ia harus berpegang kepada prinsip yang sederhana dan adil. Jangan ada nilai radikal dalam mana-mana agama.

Hari ini apabila kita bercakap soal radikalisme, dia bukan hanya terkait dengan Islam. Dia juga terkait dengan agama-agama lain dan sudah tentu apabila wujud sahaja radikalisme dalam mana-mana agama, ia bertentangan dengan agama tersebut. Dengan sendirinya dia tidak mewakili agama-agama tersebut. Apa yang berlaku di Myanmar umpamanya, segala yang dilakukan oleh puak-puak ekstrem, satu penganut agama tersebut. Saya kira itu tidak mewakili agama tersebut. Oleh sebab itulah sama juga dalam konteks Islam, kalau ada puak-puak yang mengambil pendekatan yang ekstrem dan radikal, itu juga tidak mewakili dan tidak menzahirkan wajah sebenar Islam.

#### ■1040

Oleh sebab itulah penting sangat untuk kita memberikan pemahaman dan kesedaran ini kepada semua pihak tanpa mengira agama, tanpa mengira kaum. Sekian, terima kasih.

**6. Puan Hajah Azizah binti Haji Harun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sebab kren tumbang di tapak pembinaan Kampung Baru, Kuala Lumpur serta apakah jaminan JKKP dalam memastikan semua kren menara yang dipasang di tapak pembinaan tidak berisiko kepada orang awam.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengambil pelbagai pendekatan dalam memantau penggunaan kren menara bagi memastikan ia selamat digunakan dan tidak berisiko kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, satu kemalangan kren menara telah berlaku di tapak pembinaan Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 9 November 2017. Kemalangan ini berlaku semasa menjalankan aktiviti mengangkat besi tetulang atau *rebar* yang beratnya lebih kurang 4,000 kilogram. Ketika operator mengendalikan kren tersebut dengan mengangkat naik beban, tiba-tiba *luffing boom* telah tumbang sehingga ke aras bawah iaitu *ground*. Kejadian ini Tuan Yang di-Pertua, mengakibatkan tiga orang mangsa mengalami kecederaan dan telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan. Pegawai kita, pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mengadakan siasatan dan telah mengeluarkan notis larangan.

Di samping itu, JKKP iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui Bahagian Kejuruteraan Forensik sedang membuat analisa kegagalan untuk mengenal pasti punca kejadian. Kertas siasatan sedang disediakan. Jika terdapat bukti pelanggaran terhadap perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, tindakan mahkamah akan diambil.

Jabatan telah mengambil langkah-langkah bagi menjamin penggunaan kren-kren menara sentiasa berada pada keadaan yang selamat. Sebelum sesuatu kren menara dibenarkan beroperasi, satu ujian beban hendaklah terlebih dahulu dijalankan ke atas kren tersebut. Setiap kren menara yang telah lulus ujian beban dan pemeriksaan pertama oleh pegawai JKKP, akan diberi Sijil Perakuan Kelayakan Jentera dan dikeluarkan dalam tempoh sah perakuan kelayakan adalah 15 bulan daripada tarikh pemeriksaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh kren menara tersebut beroperasi di tapak binaan, pihak pemunya kren menara bertanggungjawab untuk memastikan kren menara tersebut diselenggarakan dengan secara berkala. Bagi tujuan ini, pemunya hendaklah melantik firma yang kompeten, yang berdaftar dengan JKKP untuk melakukan penyelenggaraannya.

Firma yang berkompeten berdaftar dengan JKKP sebagai pemasang penyelenggara dan perombak mesin angkat kren menara yang dilantik pula adalah bertanggungjawab untuk menjalankan beberapa aktiviti untuk menjalankan beberapa peringkat penyelenggaraan seperti berikut:

- (i) kren menara perlu di selenggara oleh juruteknik daripada firma yang berkompeten sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan;
- (ii) pemeriksaan menyeluruh ke atas keadaan fizikal dan tahap keselamatan kren menara perlu dijalankan oleh Orang Yang Bertanggungjawab atau OYB yang berkhidmat dengan firma yang kompeten sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan; dan,
- (iii) pada setiap 15 bulan, pemeriksaan ulangan akan dijalankan oleh orang yang bertanggungjawab, bersama-sama dengan pegawai JKKP bagi memperbaharui perakuan kelayakan kren menara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjawab soalan, memberi jawapan yang terperinci dan amat jelas. Soalan tambahan saya.

Saya mendapat maklumat bahawa terdapat kekangan bilangan Pemeriksaan Kilang dan Jentera (PKJ) di Selangor dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak mencukupi bagi memeriksa semua jentera bersijil seperti kren yang digunakan di tapak-tapak binaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Oleh itu, apakah perancangan paling efektif agar masalah kekangan dan integriti pemeriksaan jentera dan tahap keselamatan di tapak binaan ini dipelihara dengan baik? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan ini amat baik. Memang kekangan berlaku bukan sahaja di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, bahkan kekangan pegawai atau kakitangan berlaku di jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Tenaga Kerja.

Tuan Yang di-Pertua, di Selangor terdapat- saya sebut di sini bermula dengan negara kita dahulu. Pada tahun 2013, sebanyak 331,635 buah jentera perakuan kelayakan yang berdaftar dan aktif. Jumlah ini meningkat dari tahun ke tahun kepada 442,871 buah setakat ini di seluruh negara.

Bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan pula, daripada 442,871 buah jentera yang aktif ini, 114,597 buah di Selangor dan 49,409 buah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun ini sahaja sehingga bulan November, sebanyak 49,584 buah jentera perakuan kelayakan telah diperiksa oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor dan 19,365 buah jentera perakuan kelayakan telah diperiksa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kementerian kita telah membuat satu apa yang kita namakan, telah mengajukan permintaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar kekangan dari segi kekurangan pekerja, *labour inspectors* termasuk *inspector* atau pemeriksa sama ada dari segi *labour* atau buruh di Jabatan Tenaga Kerja dan juga Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sedang menunggu jawapan daripada pihak KKPA. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari ke lapan kita bersidang.

*Semalam hari ketujuh,  
Soalan saya nombor tujuh.*

7. **Datuk Haji Abidullah bin Salleh** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah bantuan yang telah disalurkan melalui skim *MyDeposit* dan berapa ramai yang telah dibantu sepanjang pelaksanaan skim tersebut.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada pantun dua kerat itu.

## ■1050

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tak pandai berpantun tetapi pandai menyanyi... [*Dewan ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengalu-alukan kehadiran Persatuan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Daerah Kuala Selangor ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Selamat datang dan kita harapkan lawatan rakan-rakan daripada Persatuan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Daerah Kuala Selangor ke Dewan Negara ini akan dapat memberikan manfaat yang baik kepada tuan-tuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah pun mengemukakan soalan berkaitan dengan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama ataupun kita panggil secara ringkas, *MyDeposit*.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama ataupun *MyDeposit* ini adalah merupakan satu produk baru yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagai satu produk khusus yang diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan M40, Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka mempunyai keupayaan dan kemampuan memiliki rumah pertama.

Skim *MyDeposit* ini untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah, telah pun dilancarkan oleh kerajaan pada 6 April 2016 dan skim ini adalah merupakan satu lagi inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi meningkatkan keupayaan pemilikan rumah pertama yang berharga di bawah RM500,000 ke bawah kepada rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan isi rumah antara RM3,000 sehingga RM15,000 sebulan. Itu adalah kriteria atau syarat yang paling utama.

Skim *MyDeposit* ini Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan satu bentuk subsidi geran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada bakal-bakal pembeli melalui Skim *MyDeposit* ini bagi pembelian rumah pertama sahaja, di bawah projek perumahan swasta yang tidak mendapat sebarang dana, subsidi ataupun insentif daripada pihak kerajaan. Skim *MyDeposit* ini juga Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh digunakan bagi mana-mana projek kerajaan yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan ataupun yang dibina oleh kerajaan negeri sama ada projek seperti PP1M, PR1MA, SPNB, RUMAWIP, PPR dan sebagainya.

Untuk makluman kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, dari 7 April 2016, kita lancar 6 April 2016, Yang Berhormat. Kita mula menerima permohonan pada 7 April 2016 sehinggalah kepada 31 Oktober 2017, status pelaksanaan Skim *MyDeposit* adalah seperti berikut. Jumlah permohonan *MyDeposit* secara keseluruhan daripada tarikh yang telah pun saya sebutkan tadi adalah berjumlah 6,298 orang.

Jumlah yang ditawarkan *MyDeposit* adalah berjumlah 2,871 orang dan jumlah yang diluluskan *MyDeposit* adalah seramai 1,469 orang. Jumlah *MyDeposit* yang kita bayar kepada 1,469 yang telah pun diluluskan tawaran mereka ini adalah berjumlah RM39,408,147,900.66, ada sen juga dekat situ. Sebanyak RM39,408,147,900.66 sen, tiga puluh sembilan juta. Jumlah nombor panjang ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya pun keliru. Kalau nombor *IC* suami ingat sangat [*Ketawa*] Sebanyak RM39,408,147 yang telah pun dibelanjakan bagi yang diluluskan tawaran iaitu sebanyak 1,469.

Bagi tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah, kementerian telah pun diperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi kita teruskan pelaksanaan Skim *MyDeposit* pada tahun depan Yang Berhormat. Saya nak memaklumkan kepada Yang Berhormat supaya lepas ini balik bolehlah beritahu dengan orang-orang dalam kawasan kepada mereka yang berminat, boleh buat pendaftaran secara *online MyDeposit* yang akan kita buka mulai pada 5 Disember 2017 ini dan sehingga 15 Februari 2018 melalui laman sesawang <https://sprn.kpkt.gov.my>. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Silakan soalan tambahan.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kerana memberi jawapan yang begitu lengkap. Memang petah menjawab soalan, Yang Berhormat Datuk Halimah. Beri satu tepukan kepada Datuk Halimah ini yang menceriaikan selalu Dewan ini... [*Tepuk*]

Dua soalan yang saya sediakan memang dah dijawab tetapi satu lagi soalan ada Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab ada permohonan *MyDeposit* yang ditolak? Ada juga di antara permohonan yang telah menerima tawaran tetapi tawaran mereka ditolak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagus Yang Berhormat ya, dengar betul jawapan saya. Kalau Yang Berhormat Datuk tak dengar dengan baik tadi, Yang Berhormat tidak akan membangkitkan soalan tambahan berkaitan dengan kenapa tawaran dikemukakan dan kemudian tawaran itu tidak diluluskan. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat. Maknanya Yang Berhormat memang amat maklum tentang program Skim *MyDeposit* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebutkan tadi daripada jumlah yang telah pun saya nyatakan iaitu jumlah permohonan keseluruhan adalah berjumlah 6,298 orang. Kita tawarkan ialah 2,871 orang dan sepatutnya kalau ditawarkan dah boleh diluluskan tetapi yang ditawarkan 2,871 tetapi daripada yang ditawarkan itu, yang kita luluskan cuma sekadar 1,469 orang. Kenapa tawaran mereka dibatalkan?

Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang menyebabkan tawaran yang ditawarkan kepada 2,871 orang pemohon ini yang menerima tidak seperti jumlah yang ditawarkan kerana yang pertama, pemohon-pemohon yang layak Tuan Yang di-Pertua, akan diberikan kelulusan bersyarat. Selepas kita pilih daripada jumlah 6,298 tadi, kita ambil 2,871, mereka ini diberikan surat kelulusan bersyarat.

Pemohon yang layak akan diberikan kelulusan bersyarat selama 30 hari Tuan Yang di-Pertua. Untuk pertama ialah menandatangani perjanjian jual beli rumah (SNP) serta mendapatkan kelulusan pembiayaan perumahan. Ini syarat kita. Dalam tempoh 30 hari bila mereka menerima tawaran. Ada di antara mereka ini kita tolak kerana selepas kita buat semakan Tuan Yang di-Pertua, pemohon ataupun pasangan telah memiliki rumah. Kita dah beritahu Skim *MyDeposit* ini adalah bagi pembelian rumah pertama kepada pembeli-pembeli rumah pertama. Maknanya kalau suami adalah pembeli rumah pertama yang dihajatkan, isteri tak boleh ada rumah. Dia adalah bagi pasangan suami isteri yang belum ada rumah dan ini adalah pilihan pembelian rumah pertama. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, pemohon gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari seperti yang saya sebutkan tadi.



Diberikan kelulusan bersyarat 30 hari dan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebutkan juga tadi, pemohon gagal mengemukakan perjanjian jual beli ataupun SNP dalam tempoh yang ditetapkan.

Jadi ini adalah tiga sebab utama Yang Berhormat, kenapa mereka yang dah ditawarkan Skim *MyDeposit* tetapi ditolak dan tidak diluluskan permohonan mereka kerana tidak memenuhi kepada kelulusan bersyarat selama 30 hari yang saya nyatakan tadi. Saya harap saya dah menjawab persoalan daripada Yang Berhormat ya? Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Shahanim dulu.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kini tabung geran bantuan *MyDeposit* ini mencukupi untuk menampung permohonan orang ramai? Bagaimanakah perancangan KPKT agar skim yang diinisiatifkan ini akan terus membantu golongan pembeli rumah pertama, dibantu dalam perolehan mendapatkan rumah pertama? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### ■1100

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Shahanim. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini Yang Berhormat Dato' Shahanim, terdapat beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian bagi memberi ruang dan peluang kepada rakyat sama ada di peringkat M40 ataupun yang berpendapatan B40 memiliki rumah iaitu rumah pertama.

Bagi mereka yang berpendapatan bawah RM3,000, pendapatan isi keluarga bawah RM3,000 iaitu bagi B40, kementerian menyediakan perumahan PPR seperti mana Yang Berhormat Dato' Shahanim maklum dan PPR yang kita sediakan ini Tuan Yang di-Pertua, dia terdapat dua jenis; satu dimiliki dan satu lagi untuk dijual. Bagi PPR yang dibina dalam kawasan-kawasan bandar ia adalah khusus untuk disewakan, diberikan sewaan kepada mereka yang tidak mampu, yang tidak ada tabungan kewangan untuk membeli rumah lagi tetapi ada kemampuan untuk membayar sewa dan pada kadar yang sangat rendah iaitu RM124 sahaja, sewa mana-mana unit PPR yang ada dalam kawasan bandar. Dalam kawasan bandar ini, kita keputusan Yang Berhormat Menteri kita tidak jual PPR ini supaya kita dapat memberikan lebih banyak ruang rumah sewaan dalam pada mereka menyediakan tabungan perumahan untuk membeli rumah baru pada masa yang akan datang.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita bina juga rumah PPR ini untuk kita jual. Kita jual kos antara RM140,000 hingga RM180,000 kita jual pada rakyat Malaysia kawasan Semenanjung pada kadar RM35,000, Sabah dan Sarawak RM42,000. Sangat tinggi subsidi yang ditanggung oleh kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik bagi kategori RM3,000 ke bawah bagi kategori B40.

Selain daripada itu, terdapat juga Skim *MyHome*. Yang ini, *MyDeposit* ini Tuan Yang di-Pertua, adalah bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 hingga RM15,000 seperti yang saya sebutkan tadi. Bagi rumah-rumah yang berharga RM500,000 ke bawah, terdapat Skim *MyHome*,

Skim MyHome1 harga rumah RM80,000 sehingga RM120,000 bagi pendapatan RM3,000 hingga RM4,000. Bagi Skim MyHome2 Tuan Yang di-Pertua, rumah bernilai RM120,001 sehingga RM250,000 bagi pendapatan RM4,000 hingga RM6,000. Jadi yang lain atas daripada itu, M40 bawah Skim *MyDeposit* dan mana yang bawah daripada itu boleh memohon melalui Skim *MyHome* dan penyediaan rumah-rumah ini adalah untuk memberikan ruang selain daripada projek baru yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri menyediakan perumahan bagi belia-belia melalui rumah transit dan sebagainya.

Jadi baik dari segi peruntukan, sudah tentulah kalau kita membicarakan soal peruntukan apabila keperluan untuk membina lebih banyak lagi rumah bagi menampung keinginan untuk memiliki rumah pertama bagi mereka yang berpendapatan rendah, peruntukan sudah tentu tidak memadai. Akan tetapi hasrat kerajaan untuk terus menyokong kepada usaha yang sedang dijalankan oleh kementerian.

Kalau tahun 2016 pada waktu kita mula *MyDeposit* ini Yang Berhormat Dato' Shahanim, kita dapat peruntukan RM10 juta sahaja dan pada tahun 2017 kita dapat peruntukan RM20 juta. *Alhamdulillah* tahun depan kita akan dapat peruntukan sebanyak RM25 juta. Kita mulakan pada yang ada Tuan Yang di-Pertua, dengan disokong oleh perumahan mampu milik yang akan terus dibina oleh kementerian yang lain seperti Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Sebenarnya saya suka kepada Yang Berhormat Datuk Halimah ini kerana jawapan dia terlalu kemas, tersusun dengan begitu rapi sekali... [*Dewan tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya..

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Soalan saya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status permohonan *MyDeposit* mengikut harga rumah seperti yang dinyatakan pembelian rumah RM500,000 ke bawah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya pun suka. Sila. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua saya ada soalan tambahan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua suka saya atau suka cara saya jawab?... [*Dewan ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Suka cara jawab.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pagi-pagi ini kita kena gurau kerana saya nampak Tuan Yang di-Pertua sangat menceriaikan suasana Dewan Negara ini dan kami semua sayang dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Ya, saya sebut tadi pembelian bagi Skim *MyDeposit* ini pembelian rumah adalah bernilai RM500,000 ke bawah. Apabila kita sebut RM500,000 ke bawah mungkin ada yang kata, siapa yang mampu beli RM500,000 ke bawah? Bagi Skim *MyHome* ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan insentif ataupun geran.

Kita sediakan insentif, geran berupa 10 peratus daripada harga nilai rumah ataupun maksimum RM30,000. Maknanya kalau dia beli rumah RM500,000 maksimum dia dapat ialah RM30,000, 10 peratus daripada nilai harga rumah atau maksimumnya adalah RM30,000. Kalau kita tanya siapa nak bagi RM30,000? RM30,000 yang kerajaan bagi 10 peratus ataupun maksimum RM30,000 ini dia boleh merupakan menjadikan sebagai *downpayment* kepada mana-mana rumah yang kita nak beli. Kalau Skim *MyDeposit* ini Tuan Yang di-Pertua, pembeli boleh pilih mana-mana rumah yang dibangunkan oleh pemaju swasta di seluruh negara.

Akan tetapi kalau Skim *MyHome* yang saya sebutkan, menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim tadi, ia adalah pemilihan kepada pembeli rumah kepada mana-mana pemaju yang berdaftar di bawah Skim *MyHome* dengan kementerian. Maknanya dia punya pilihan itu *limited*, hanya kepada pemilihan rumah daripada pemaju yang berdaftar di bawah Skim *MyHome*. Jadi dia *very limited*, dengan izin.

Akan tetapi kalau Skim *MyDeposit* ini dia luas, mana-mana boleh pilih, asal RM500,000 ke bawah. Tuan Yang di-Pertua, bila sebut RM500,000 persoalan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, saya ingin memaklumkan daripada jumlah yang saya sebutkan tadi 6,298 orang pemohon kalau kita buat pecahan dari segi permintaan kepada harga rumah, 230 ataupun 3.65 peratus membuat permohonan kepada rumah berharga bawah daripada RM100,000, Tuan Yang di-Pertua.

Seramai 978 iaitu 15.53 peratus membuat permohonan bagi rumah yang berharga RM101,000 hingga RM200,000 dan bagi rumah yang bernilai RM201,000 sehingga RM300,000 seramai 1,791 orang iaitu 28.44 peratus yang telah pun membuat permohonan. Bagi rumah RM301,000 sehingga RM400,000 melibatkan 1,772 pemohon iaitu 28.14 peratus. Akhir sekali bagi rumah yang bernilai RM401,000 sehingga RM500,000 melibatkan pemohon seramai 1,382 orang iaitu 21.94 peratus yang menjadikan jumlah keseluruhan 6,298. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**8. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah menerusi kepakaran perubatan di negara ini dapat menjadi penanda aras kecemerlangan kepada hab rawatan kesuburan termasuk IVF dan kardiologi di Asia.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah, ini kawan saya lama ini sudah jadi Senator bukan main aktif lagi dalam Dewan. Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian untuk soalan ini satu tentang rawatan kesuburan, yang kedua kardiologi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan rawatan kesuburan atau *infertility* yang ditawarkan di negara ini telah mencapai tahap yang membolehkan Malaysia diiktiraf sebagai penanda aras

kecemerlangan di peringkat Asia. Rawatan kesuburan *infertility* yang ditawarkan di negara ini adalah antara yang terbaik di rantau Asia dari segi kebolehdapatan ataupun *availability* dan kebolehcapaian ataupun *accessibility* serta kualiti dengan sejumlah 16 *facility* swasta di bawah *Malaysian Healthcare Tourism Council* (MHTC), Tuan Yang di-Pertua. Mereka menawarkan perkhidmatan kesuburan yang komprehensif seperti yang ditawarkan oleh negara-negara maju yang lain.

Terdapat 47 pakar obstetrik dan ginekologi dalam bidang perubatan reproduktif di hospital-hospital swasta di bawah MHTC. Mereka menerima bimbingan rawatan kesuburan di *facility* terkemuka di serata dunia seperti di UK, di Amerika dan juga di Australia. Tuan Yang di-Pertua, rawatan kesuburan yang disediakan adalah melalui kaedah *intrauterine examination* dan kaedah *Assisted Reproductive Technology* (ART). Pada tahun 2011, Tuan Yang di-Pertua, rawatan ART yang telah dijalankan adalah sebanyak 643 kes dan telah meningkat sebanyak 30 peratus kepada tahun 2016, telah meningkat kepada 869 kes ataupun *cycle*.

#### ■1110

Kalau lihat dari segi kejayaan, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2011, kejayaan hanya 29 peratus hingga 40 peratus. Akan tetapi sekarang pada sehingga tahun 2016, kejayaan adalah di tahap 30 peratus sehingga 62 peratus, Tuan Yang di-Pertua. Pendek kata kejayaan ini adalah disebabkan pusat ERT ini mempunyai pakar kesuburan dan embriologis yang berpengalaman, yang berupaya untuk melakukan pemindahan embrio beku dan mempunyai teknologi pengawasan embrio ataupun *time lapse* kepada mereka yang menjalani rawatan ERT.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rawatan jantung pula, ataupun kardiologi yang ditawarkan oleh perkhidmatan kardiologi di negara ini adalah di antara yang terbaik di rantau ini dari segi kebolehdapatan atau *availability*, dan kebolehcapaian ataupun *accessibility*. Dengan sejumlah 73 buah hospital, 15 hospital kerajaan dan 58 hospital swasta menawarkan perkhidmatan kardiologi yang komprehensif, dengan makmal intensif invasif kardiologi di semua negeri di Malaysia, kecuali di Perlis.

Perkhidmatan kardiologi di negara ini merangkumi hampir kesemua perkhidmatan rawatan jantung yang ditawarkan oleh negara-negara maju yang lain. Dari segi pengiktirafan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 150 pakar-pakar kardiologi di negara ini juga telah diiktiraf sebagai *Fellows of American College of Cardiology*, *European Society of Cardiology*, *Asian Pacific Society of Cardiology* dan *ASEAN Society of Cardiology*. Pusat-pusat rawatan dengan sub-kepakaran kardiologi di negara ini juga turut diiktiraf antarabangsa sebagai pusat latihan bagi melatih pakar-pakar kardiologi dari negara-negara ASEAN. Ini melibatkan hospital-hospital Kementerian Kesihatan iaitu Hospital Serdang, Hospital Pulau Pinang, Pusat Jantung Sarawak dan institusi bukan kerajaan seperti IJN dan Pusat Perubatan Universiti Malaya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato'. Ada soalan tambahan?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pelancong kesihatan ini. Oleh kerana pada tahun lepas, kiraan yang dibuat pelawat-pelawat yang telah datang ke Malaysia adalah 921,000 dan angka ini amat besar. Saya tertarik juga Yang Berhormat Menteri kerana IVF dan kardiologi ini meningkat 15 peratus dalam masa lima tahun.

Setakat ini, IVF, Yang Berhormat Menteri, dikatakan sebanyak 5 juta *baby* IVF yang dilahirkan. Saya melihat angka-angka ini dan saya *compare* kan dengan harga-harga daripada negara-negara lain. Di Malaysia, bagi *private clinics* RM14,000 sehingga RM15,000. Klinik-klinik swasta. Jadi, kerajaan dikatakan RM5,000 sehingga RM10,000. Kemudian saya bandingkan dengan Australia USD3,000 dan ada pilihan. Hendak pilih *baby* lelaki atau *baby* perempuan. Saya tidak tahu di Malaysia ini boleh pilih atau tidak. Oleh kerana *advertisement* nya begitu. *You can choose baby boy or baby girl*, dengan izin, dan dibayar dengan harga 3,000. Di Jepun, 200,000 yen.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Siapakah yang menentukan harga-harga ini? Di klinik swasta seperti mana yang saya sebutkan tadi sehingga RM20,000. Kalau kita pergi di Pulau Pinang, harganya turun. Kalau kita datang ke Kuala Lumpur, harganya naik. Kita pergi ke Johor, lagi naik. Jadi, siapakah yang menentukan harga ini? Adakah kementerian menentukan harga ini bagi seluruh pelancong-pelancong yang akan datang ke Malaysia? Oleh kerana setakat ini sudah 4 bilion yang dibawa masuk ke Malaysia, pelancongan kesihatan ini.

Soalan saya yang kedua. Saya melihat kepada *age factor*, dengan izin. Kalau sekiranya perempuan itu berumur di antara 20 hingga 24 tahun - *success rate* nya 86 peratus. Antara umur 25 hingga 29 tahun - 78 peratus. Antara 30 ke 34 tahun - 63 peratus. Masih tinggi. Umur 35 hingga 39 tahun - 52 peratus; 40 hingga 44 tahun, masih lagi tinggi - 36 peratus; 45 hingga 49 tahun, elok belacuculah kerana 5 peratus sahaja. Jadi, soalan saya Yang Berhormat. Kementerian menyokong wanita-wanita yang di tahap umur mana sekiranya mereka ingin mengadakan mendapatkan *baby* IVF ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, penat juga hendak jawab ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal promosi Malaysia ini di bawah MHTC...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebaik mungkin yang Yang Berhormat boleh jawab. Yang lain itu boleh bagi secara bertulis.

**Dato' Seri Hilmi bin Yahaya:** ...Di bawah MHTC, Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang ini *the growth of* pelancongan perubatan ini *double digit*, Tuan Yang di-Pertua. Angka yang disebut oleh Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah tadi tentang 2016 memang 921,000. Pendapatan lebih kurang RM1 bilion. Itu untuk daripada pendapatan hospital.

Akan tetapi sebenarnya *spin-off* mereka datang ini, mereka datang bukan seorang. Mereka datang dengan keluarga. Bermakna *spin-off* daripada itu, mereka datang dan duduk hotel, *shopping* dan sebagainya. Itu *estimated another* lebih kurang *another* 5 bilion lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tahun ini kita jangka pendapatan kita tahun 2017 ini ialah 1.3 bilion dan jumlah pesakit yang datang ialah lebih kurang dalam 1 juta. Itu bermakna, pendapatan selain daripada pendapatan daripada hospital, juga pendapatan sampingan pelancongan tadi. Jadi, bermakna *the spin-off* memang cukup tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

IVF sekarang ini memang popular di kalangan rakyat China, Tuan Yang di-Pertua. China sekarang ini ubah dasarnya. Dulu satu keluarga, satu anak. Sekarang sudah jadi dua anak. Jadi, mereka yang berumur 40 tahun, 45 tahun pun hendak anak lagi. Jadi, mereka datang ke destinasi

mereka ialah di Malaysia. Mereka tahu bahawa kita punya *success rate* sehingga 60 peratus. Bermakna, satu kadar yang cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal *charges*, Tuan Yang di-Pertua. Yang ini kita di Malaysia ini, kita ada dipanggil kadar yang telah ditetapkan oleh kementerian. Untuk hospital kerajaan lain, untuk swasta lain. Sudah memang ada kadar ditetapkan dan semua pihak, hospital swasta tidak boleh *charge* lebih daripada itu. Untuk apa? Untuk *consultation* dan untuk prosedur. Yang lain-lain, kita tidak kawal. Bermakna, dari segi bilik yang *presidential suite*, lain lah ataupun bilik *single*, lain kosnya ataupun yang ramai-ramai lain pula kosnya dan lain-lain aktiviti tidak dikawal. Yang kawal hanya *consultation fees* dan juga prosedur.

Jadi bermakna, yang lain terpulang kepada hospital masing-masing. Kalau yang lima bintang kah, enam bintang kah, bermakna *charge* nya lebih, Tuan Yang di-Pertua. Yang kita kawal hanya itu sahaja. Itulah yang disebut Dato' Suhaimi tadi tentang *success rate*.

Jadi, itulah. Bila makin lama, memang kita tidak nasihatkan ada anak sebab macam-macam akan berlaku, tentang *chromosomal defect*, dan sebagainya, *trisomi 21- down syndrome* boleh berlaku kalau umur emaknya meningkat. Jadi, kita hendak elak itu, kita nasihatkan yang muda sahaja yang dapatkan perkhidmatan fertiliti ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**9. Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bagaimanakah kerajaan dapat menaikkan jumlah enrolmen pelajar dari keluarga B40 yang pada ketika ini berjumlah 53 peratus sehingga mencapai peratusan yang lebih bermakna dan lebih besar dalam memastikan anjakan mobiliti sosial lebih signifikan menjelang 2020 dan merapatkan jurang ekonomi desa dan bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Dato' Hajah Fahariyah. Soalan yang berkenaan dengan peningkatan enrolmen pelajar daripada B40.

■1120

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan enrolmen pelajar kita. Kita ada inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mempunyai pelan yang khusus untuk kita meningkatkan enrolmen kita. Contohnya enrolmen untuk sekolah rendah pada tahun 2013 adalah berjumlah 94.4 peratus meningkat sehingga tahun 2016 berjumlah 97.2 peratus.

Begitu juga dengan enrolmen untuk sekolah menengah rendah daripada 93.5 peratus kepada 95 peratus dan sekolah menengah atas daripada 84.4 peratus kepada 85.8 peratus dan prasekolah, peningkatan yang tinggi daripada 81.7 peratus kepada 85.4 peratus. Peningkatan-peningkatan enrolmen ini kita tidak mengira sama ada mereka B40, M40 ataupun T20. Kita meningkatkan enrolmen kepada semua rakyat Malaysia supaya akses pendidikan kita kepada semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian kita juga mempunyai pelbagai intervensi kepada mereka yang tercicir daripada sistem persekolahan kita, khususnya mereka yang berada di keluarga B40. Murid-murid daripada keluarga B40 ini disediakan pelbagai bentuk bantuan seperti Rancangan

Makanan Tambahan (RMT), Program Susu 1Malaysia, bantuan awal persekolahan dan bantuan Kumpulan Wang Amanah dan Murid Miskin.

Di samping itu sekolah-sekolah khas seperti Sekolah Model Khas Komprehensif, Sekolah K9 iaitu murid sekolah menengah Tingkatan 1, 2 dan 3 ditempatkan di sekolah rendah yang berasrama. Sekolah Model Khas- murid sekolah rendah Tahun 4, 5, dan 6 ditempatkan di sekolah menengah yang berasrama. Turut diwujudkan oleh KPM bagi membantu murid-murid di pedalaman mendapat akses kepada pendidikan.

Sekolah Berpusat juga diwujudkan di kawasan kepulauan bagi memberi kemudahan kepada murid-murid yang tinggal di pulau-pulau berhampiran. Kemudahan-kemudahan ini dilaksanakan bagi merapatkan lagi jurang pendidikan desa dan bandar serta jurang ekonomi desa dan bandar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj. Md. Nordin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi ada disebutkan oleh Menteri Sumber Manusia dalam jawapan beliau tentang kekurangan kompeten, pegawai-pegawai kompeten dari segi jentera. Saya hendak bertanya tentang soalan TVET kemasukan B40 ini, saya hendak tanya apakah dengan Pelan Induk TVET di Kementerian Pendidikan dapat menerapkan minat kemasukan pelajar terutamanya pada anak-anak B40 di luar bandar ke bidang TVET bagi memenuhi kompetensi yang diperlukan oleh pasaran kerja.

Soalan saya yang kedua, apakah inisiatif-inisiatif kerajaan dalam usaha menarik minat dan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prospek kerjaya yang boleh diceburi graduan KV terutamanya sekali lagi bawah B40 dan di luar bandar. Ini kerana kita tahu pelajar-pelajar di luar bandar ini kadang-kadang tidak mendapat pendedahan tentang prospek kerjaya TVET yang mana sebenarnya ia sangat besar dan gajinya lagi banyak daripada akademi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju bahawa adalah penting untuk kita membangunkan pendidikan TVET kerana itu merupakan satu saluran cara pendidikan yang lebih efektif kepada mereka yang ingin mencari kerja atau mendapatkan pendidikan yang lebih menjaminkan. Jadi TVET itu kita laksanakan sebagai satu sistem pembangunan pendidikan kita yang induk. Kita menggalakkan anak-anak kita ataupun ibu bapa menghantar anak-anak mereka yang mempunyai minat yang tinggi dari segi kemahiran ataupun mereka yang kurang berminat dari segi akademik.

Jadi bukan semua anak-anak kita sesuai mengikuti sekolah dalam segi akademik daripada Tingkatan 5 sampai Tingkatan 6. Jadi kita telah menyediakan lebih banyak lagi sekolah menengah teknik dan kolej-kolej vokasional yang kita bina dan dari situ kita mempunyai pelbagai program. Program TVET yang mematuhi permintaan industri di mana 86 peratus daripada pelajar-pelajar kita telah mendapat pekerjaan sebelum mendapat sijil tamat di kolej vokasional.

Jadi kita menggalakkan bukan sahaja dari segi B40 mana-mana keluarga yang anak-anak mereka mempunyai minat untuk memasuki TVET. Kita telah menyediakan lebih banyak peluang dan pada masa yang sama kita juga menggalakkan swasta menyediakan tempat yang lebih besar kerana TVET itu mempunyai pasaran yang tinggi dan mereka mempunyai permintaan kerja yang tinggi dan mempunyai pendapatan yang lebih menjaminkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul. Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila berikan nama untuk perbahasan rang undang-undang kerana buat masa ini banyak yang tidak beri nama. So, pada Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas rang undang-undang sila kemukakan nama. Silakan, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk bertanya soalan ini khusus untuk Sabah dan Sarawak iaitu apakah perancangan masa depan Kementerian Pendidikan bagi membantu keciciran murid-murid di luar bandar? Adakah kementerian akan memperluaskan lagi sekolah model khas komprehensif atau sekolah K9 ini dan juga membina beberapa asrama desa bagi membantu keciciran murid-murid luar bandar, terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, soalan tambahan. Seperti mana jawapan saya yang pertama tadi bahawa kita telah merancang untuk memperluaskan sekolah K9 khususnya untuk pedalaman ataupun kumpulan bumiputera dan kumpulan Orang Asli di mana mereka sukar meninggalkan keluarga mereka pergi ke bandar ataupun pinggir bandar untuk meneruskan pengajian mereka di sekolah menengah.

Oleh itu kita mengadakan sekolah K9 ini supaya mereka berada di sekolah yang sama, sekolah rendah tetapi meneruskan pendidikan yang lebih tinggi iaitu Tingkatan 1, 2 dan 3 sebelum mereka boleh melanjutkan ke sekolah menengah atas ke kawasan-kawasan bandar. Pada masa yang sama juga kita sedang membina dalam perancangan kita meningkatkan lebih banyak sekolah-sekolah yang mempunyai asrama untuk membantu mereka yang di pedalaman, sukar untuk mereka menjelajah, pergi ke sekolah yang jauh tetapi itu semua berdasarkan kepada keupayaan pendapatan kerajaan kita. Akan tetapi dari segi aksesnya kita hendak memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang seimbang dan saksama tidak kira mereka di bandar atau di pedalaman. Terima kasih.

**10. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah kerajaan bagi memastikan rawatan dan penjagaan kesihatan warga emas terus terjamin dan setakat manakah Dasar Kesihatan Warga Emas Negara telah dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Ini berkenaan dengan tentang Dasar Kesihatan Warga Emas di negara ini Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini untuk makluman dijangka pada tahun 2035 rakyat Malaysia yang berumur daripada 60 tahun ke atas akan mencapai tahap 15 peratus dianggap sebagai negara tua, Tuan Yang di-Pertua.

Berbanding dengan Jepun sekarang ini, Jepun 27 peratus ini pun dikira umur 65 tahun ke atas bermakna Jepun lebih tua daripada Malaysia lah. Jangka hayat kita rakyat Malaysia ini laki-laki 72 tahun dan wanita 76 tahun. Bermakna umur wanita lebih panjang daripada kita laki-laki ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kesihatan Warga Emas Negara telah digubal pada tahun 1997 bagi memastikan penjagaan kesihatan yang lebih berkesan selaras dan menyeluruh. Strategi-strategi utama yang digariskan dalam Dasar Kesihatan Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Malaysia adalah pertama- menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan



bersinambungan melalui pendidikan dan promosi kesihatan, perkhidmatan penjagaan kesihatan peringkat primer, sekunder dan juga *tertiary*; dan kedua- perancangan serta pembangunan sumber manusia yang akan diselarikan dengan penambahan penduduk warga emas dan keutamaan akan diberikan kepada latihan anggota kesihatan kepada semua peringkat.

#### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2017, sebanyak 10 buah hospital menempatkan pakar geriatrik residen dan pakar perubatan geriatrik ini juga turut menyampaikan perkhidmatan secara berkala ke tujuh buah hospital yang lain yang tidak mempunyai kepakaran. Perkhidmatan wad geriatrik pula disediakan di sembilan buah hospital KKM dan kementerian juga mempunyai perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan wad ini ke semua hospital utama KKM secara berfasa bergantung pada sumber kepakaran pakar perubatan yang terhad.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas di peringkat primer telah dilaksanakan di semua klinik kesihatan meliputi aspek pendidikan dan promosi kesihatan, saringan, penilaian dan pemeriksaan kesihatan dan kaunseling, perawatan, rujukan, lawatan dan perawatan di rumah, perkhidmatan rehabilitasi iaitu fisiologi dan fisioterapi dan cara kerja serta penubuhan kelab-kelab warga emas untuk melaksanakan aktiviti rekreasi, sosial serta kebajikan. Sehingga Jun 2017, seramai 2,258,232 warga emas telah didaftarkan di klinik kesihatan dan seramai 246,297 orang warga emas telah disaring untuk status kesihatan mereka.

Selain itu, perkhidmatan perawatan di rumah (PPD) dilaksanakan mulai tahun 2014. Ia adalah satu perkhidmatan perawatan holistik yang diberikan di rumah kepada pesakit terlantar yang stabil dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan selepas *discharge* daripada hospital.

Tuan Yang di-Pertua, untuk permulaan, pesakit strok *traumatic brain injury* dan *spinal cord injury* akan diberi keutamaan untuk perawatan di rumah. Pesakit akan menerima rawatan untuk tempoh tiga bulan dan akan dinilai kemajuan kesihatannya. Sehingga bulan Jun 2017, secara keseluruhannya seramai 7,612 orang pesakit telah menerima perkhidmatan ini dan majoritinya adalah golongan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan sumber manusia, sehingga Jun 2017, kira-kira 32,000 orang penjawat awam kesihatan telah dilatih dalam penjagaan kesihatan warga emas. Hampir 27,000 orang penjaga ataupun *care givers* dilatih dalam aspek penjagaan warga emas dan mereka ini terdiri daripada penjaga warga emas, petugas pusat jagaan dan juga sukarelawan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, hendak tidak hendak, tahun 2035 ini negara kita akan mempunyai 15 peratus warga emas. Mengikut pelan *Global Strategy and Action Plan on Ageing and Health* tahun 2016 sehingga 2020 telah menggariskan lima strategi termasuklah menggesa diwujudkan sistem kesihatan yang memenuhi kehendak warga emas.

Soalan saya, memandangkan warga emas ini mempunyai latar belakang, pengalaman dan keadaan kesihatan yang berbeza, apakah jaminan kerajaan bagi memastikan warga emas ini akan mendapat layanan yang selesa dan dihormati serta mesra warga emas dalam menerima rawatan kesihatan di hospital dan klinik kerajaan?

Keduanya, adakah kerajaan bercadang menyediakan wad khas kepada warga-warga emas ini di semua hospital dan mewujudkan insurans seperti mana yang telah diperuntukkan dalam Bajet 2018 yang lalu sebanyak RM50 juta kepada skim insurans kesihatan sukarela ini? Sejauh manakah ia meliputi kepada golongan warga emas ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat tentang soalan-soalan tambahan tadi. Tentang layanan warga emas, memang diberi layanan istimewa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia pergi ke klinik kerajaan, dia ada laluan khas untuk warga emas. Dia tidak payah tunggu *queue* dengan orang lain. Dia *special lane* ya, dan percuma. Semua warga emas percuma. Jadi masuk sama ada *out patient* ataupun *in patient*, percuma. Ini layanan cukup istimewa dengan orang-orang tua sebab kita pun dah nak jadi tua ini. Memang dah tua pun dah.

Hal yang disebut tentang- Yang Berhormat tadi sebut tentang peruntukan yang telah dimasukkan dalam Bajet 2018. Ini adalah untuk permulaan pengendalian VHR yang saya sebut awal tadi, dalam soalan pertama tadi, tentang *voluntary health insurance* untuk memulakan skim ini. Yang ini, kita masih lagi di peringkat penggubalan dan juga perkara-perkara yang perlu dibuat sebelum dijangka dilaksanakan dalam pertengahan tahun 2018.

Apa yang ditekankan di sini ialah bahawa, Tuan Yang di-Pertua, tentang warga emas ini, kebanyakan mereka adalah terlibat ataupun dia kena penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini seperti diabetes, *hypertension*, *hypercholesterolemia* ini, memang inilah mereka banyak yang terlibat dengan ini dan juga kanser, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali kalau lelaki banyak *colorectal cancer*, kalau wanita, payudara ya.

Bila diabetes ini tidak terkawal, dia akan banyak dapat *complication*, seluruh badan akan mendapat *complication*, dan akhirnya dia dapat *kidney failure*. *Kidney failure* ini satu perkara yang amat menyulitkan bukan hanya pada diri dia tetapi pada keluarga mereka kerana beban dialisis ini memang cukup tinggi.

Kalau ikut-ikutan perangkaan yang kita ketahui, yang ada, bebannya adalah amat tinggi kerana seorang yang kena *kidney failure* peringkat lima ini, dia kena buat dialisis tiga kali seminggu, sebulan 12 kali, setahun 152 kali dan termasuk ubat-ubatan yang lain lebih kurang RM40,000 setahun seorang. Sekarang ini kita ada 40,000 pesakit yang memerlukan hemodialisis. RM40,000 kali 40,000 orang setahun, lebih kurang RM1.6 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk dialisis sahaja. Setiap tahun kita terima lebih kurang enam hingga tujuh ribu kes baru. Yang mati, matilah. Kemudian yang kes baru, enam hingga tujuh ribu setahun kes hemodialisis.

Sebab itu penting kita- sebab itu hari ini pihak kementerian, kita menuju ke arah *primary care*, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak kesan awal. Buat pelbagai program, *outreach programme*, hendak kesan penyakit-penyakit ini awal supaya kita dapat buat *intervention* awal supaya tidak sampai ke peringkat *kidney failure*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Saya dalam lawatan ke kampung-kampung, biasanya bila bercakap fasal warga emas ini biasanya dia

mengalami penyakit kronik. Biasanya penyakit kronik ini tidak ada rawatan di hospital. Kalau pergi hospital pun doktor kata, "Nak duduk hospital atau balik rumah?". Kebanyakannya bawa balik rumah.

Jadi saya hendak tahu, apakah pihak Kementerian Kesihatan ada perancangan untuk membuat rawatan ke rumah? Sebab saya tengok bila penyakit kronik ini, bila hantar ke rumah, tidak ada rawatan, tunggu mati saja. Hendak beli ubat pun kadang-kadang, saya lawat itu, hendak beli ubat pun tidak ada duit. Jadi saya hendak tanya Kementerian Kesihatan, apakah ada perancangan supaya yang warga emas sakit kronik ini hantar ke rumah, duduk rumah dia sakit itu biar juga mendapat rawatan daripada doktor? Jangan tunggu mati saja.

Kedua, saya dulu Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital. Sekarang tidak boleh sebab Senator. Jadi hendak tanya Menteri, betul atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebut tadi tentang perkhidmatan sambungan ini. Kita ada program yang disebut sebagai PPD, perawatan domisiliari ataupun kita hantar pegawai kita yang terdiri daripada jururawat dan MA untuk pergi rumah ke rumah di mana mereka bila *discharge* daripada hospital, kemudian pegawai kita akan ikut sampai- maknanya akan melawat pesakit ini di rumah dan dia bagi apa yang perlu untuk perawatan.

■1140

Kalau perlu fisioterapi, dia bagi fisioterapi. Kita sudah *start*, bukan menyeluruh lagi Tuan Yang di-Pertua. Mungkin tidak sampai ke Pasir Mas lagi. Bukan menyuruh tetapi sudah mula dan nampaknya berkesan. Kita lihat dari segi pesakit yang kita lihat memang 75 peratus adalah warga-warga emas belaka, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita sudah *start* mungkin tidak sampai kawasan Yang Berhormat lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sudah tiga kali datang Dewan tidak dapat jawab, hari ini kita bagi tiga soalan pula. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawab soalan lisan selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## USUL

### **MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 13(2)**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mohon mencadangkan bahawa perbahasan ke atas DR. 42/2017 Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017 bagi Bacaan Kali Kedua yang dijadualkan sebagai No.3 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, didahulukan kepada No.2. Manakala rang undang-undang yang lain dijadualkan semula mengikut aturannya selepas itu."

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2017**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

**11.42 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. [Berucap dalam bahasa Arab]* Salam Sejahtera, selamat pagi, salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Kewangan 2013, dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2017 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah-langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2018 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 25 fasal yang dibahagikan kepada lima bab seperti berikut.

Bab I – Permulaan. Dalam bab permulaan, terdapat dua fasal seperti berikut; Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No. 2) 2017. Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014.

Bab II – Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II yang terdiri daripada 12 fasal iaitu fasal 3 hingga 14 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 4, 7 dan 8 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2019. Fasal 5, 9, 10, 13 dan 14 disifatkan mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 6 dan 12 disifatkan mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018. Fasal 11, disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 21A(3A) yang menghendaki supaya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi memaklumkan Ketua Pengarah mengenai pertukaran tempoh perakaunannya.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 44(12) bagi menjelaskan bahawa tempoh asas bagi tahun taksiran perkongsian liabiliti terhad adalah sama bagi maksud subseksyen (6), (6)(a), (8) dan (11) di bawah Akta 53.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 60AA seperti berikut:

- (a) menggantikan subperenggan 60AA(9)(b)(iii) dan 60AA(10)(b)(iii) dengan peruntukan baharu bagi menjelaskan perluasan skop potongan perbelanjaan pengurusan kepada apa-apa fi boleh terima lain bagi penentuan pendapatan larasan di bawah subseksyen 60AA(9) dan (10); dan
- (b) memasukkan peruntukan baharu subseksyen 60AA(10B) bagi menjelaskan semua pengiraan perbelanjaan pengurusan yang akan diberi potongan bagi mana-mana fi yang boleh diterima lain.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 107C(11B) baharu yang berbangkit dari subseksyen baharu 21A(3A). Peruntukan ini adalah bagi menjelaskan bahawa apa-apa kenaikan dan jumlah yang dikenakan di bawah seksyen 107C adalah kekal dan dianggap cukai kena dibayar kepada kerajaan sekiranya syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi gagal memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan kepada Ketua Pengarah seperti termaktub di bawah subseksyen baharu 21A(3A).

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 112(3A) baharu yang berbangkit dari subseksyen baharu 21A(3A). Ia bagi menjelaskan bahawa apa-apa penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 112(3) adalah kekal sekiranya syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah ataupun pertubuhan koperasi gagal memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan kepada Ketua Pengarah seperti termaktub di bawah subseksyen baharu 21A(3A).

Tuan Yang di-Pertua, fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 120(1) dengan memasukkan perenggan baharu (i) bagi menjelaskan bahawa adalah suatu kesalahan sekiranya gagal memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan seperti dikehendaki di bawah subseksyen baharu 21A(3A).

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 127(5) bagi mengadakan peruntukan bayaran balik cukai pegangan ke atas pendapatan yang diagihkan oleh amanah pelaburan harta tanah kepada pemegang unit jika pemegang unit itu dikecualikan cukai.

Fasal 11 bertujuan untuk memotong subseksyen 140A(4). Dengan ini peruntukan berkaitan dengan permodalan tipis bagi bantuan kewangan antara orang berkaitan dimansuhkan. Pindaan ini juga adalah selaras dengan pengumuman kerajaan untuk memperkenalkan *Earning Striping Rules* (ESR) dengan izin, mulai tahun taksiran 2019.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda Perenggan 1, Bahagian I, Jadual 1 bagi mengurangkan kadar cukai yang akan dikenakan ke atas pendapatan individu yang boleh dikenakan seperti berikut:

- (a) dengan memotong lima peratus kepada tiga peratus bagi banjaran pendapatan antara RM20,001 hingga RM35,000;
- (b) dengan memotong 10 peratus kepada lapan peratus bagi banjaran pendapatan antara RM35,001 hingga RM50,000; dan
- (c) dengan memotong 16 peratus kepada 14 peratus bagi banjaran pendapatan antara RM50,001 hingga RM70,000.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda perenggan 61A(5), Jadual 3 bagi menjelaskan pengiraan yang akan terpakai dalam menentukan baki perbelanjaan aset dalam tahun taksiran selepas aset tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda subperenggan 33(b), Jadual 6 bagi memotong definisi “penghibur awam”. Pindaan ini berbangkit daripada pindaan ke atas seksyen 2, Akta 53 yang telah dibuat dalam Akta Kewangan 2017 [Akta 785] yang menjelaskan takrif ‘penghibur awam’ yang baharu.

#### ■ 1150

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Bab III pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab III yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 15 hingga 18 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut.

Fasal 15 bertujuan menyatakan tarikh luput kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 16, 17 dan 18 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 21B bagi memasukkan peruntukan baharu (1A). Peruntukan baharu ini bagi menjelaskan jumlah yang dipegang simpan berhubung dengan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai melibatkan pelupus bukan warganegara dan juga bukan pemastautin tetap adalah sebanyak 7 peratus.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda perenggan 3 dan 16, Jadual 2 seperti berikut:

- (a) meminda perenggan tiga dengan menomborkan semula sebagai subperenggan (1). Memasukkan subperenggan (2), menjelaskan bahawa transaksi pindah milik aset disifatkan sebagai harga pelupusan sama dengan harga perolehan, dengan izin, *no gain no loss* jika aset yang hendak dilupuskan itu adalah:
  - (i) antara suami, isteri, yang berstatus warganegara; atau,
  - (ii) aset yang dimiliki oleh individu, isteri dan orang berkaitan yang berstatus warganegara kepada syarikat terkawal.
- (b) meminda subperenggan 16(a) bagi menjelaskan bahawa tarikh pelupusan bagi kontrak bersyarat adalah pada tarikh kelulusan oleh Kerajaan Malaysia atau kerajaan negeri sahaja.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda Bahagian III, Jadual 5 bagi menjelaskan bahawa kadar cukai di bawah Bahagian III turut dikenakan bagi pelupusan harta tanah pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Bab IV yang terdiri daripada lima fasal iaitu fasal 19 hingga 23 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut.

Fasal 19 bertujuan untuk memaklumkan bahawa fasal 20, 21, 22 dan 23 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda perenggan 22(3)(a) bagi menetapkan bahawa pembekalan barang yang telah atau akan dibekalkan oleh mana-mana orang akibat pemberhentian perniagaan, nilai pembekalan itu tidak diambil kira dalam penentuan nilai *threshold*.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 43(1A) untuk membenarkan Ketua Pengarah Kastam membuat taksiran ke atas mana-mana orang selain daripada orang kena cukai di bawah seksyen 42.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 64 untuk meluaskan ketidakpakaian akta GST kepada apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Dengan pindaan ini, semua pembekalan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan, tidak akan dikenakan GST.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda perenggan 2, Jadual Kedua untuk menjadikan pembayaran levi pembangunan sumber manusia di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001 oleh majikan sebagai bukan pembekalan barang atau perkhidmatan. Melalui pindaan ini, levi pembangunan sumber manusia yang telah dibayar oleh majikan tidak tertakluk kepada GST.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V pindaan kepada Akta Kewangan 2013. Bab V yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 24 dan 25 adalah bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2013 seperti berikut.

Fasal 24 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 25 mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018. Fasal 25 bertujuan untuk meminda subseksyen 23(7) bagi melanjutkan masa bagi tuntutan potongan peribadi sehingga RM6,000 bagi deposit yang dimasukkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional sehingga tahun taksiran 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa saya dengan ini mengalu-alukan kedatangan Menteri Undang-undang Romania, H.E Professor Dr. Tudorel Taoder ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih... [Tepuk]

Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta

Tanah 1976, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Kewangan 2013 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Saya terima satu di sini, kalau ada sesiapa hendak lagi boleh hantar nama dengan segera ya. Kita mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

**11.56 pg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 12, pindaan perenggan 1, Bahagian I dan Jadual 1 bertujuan bagi mengurangkan cukai pendapatan individu bagi yang berpendapatan mengikut julat tahunan. Julat pendapatan RM20,001 hingga RM35,000, kadar semasanya sebanyak 5 peratus, kadar baru 2018 selepas potongan ialah tiga peratus. Bagi julat pendapatan RM35,001 hingga RM50,000, kadar semasanya sebanyak sepuluh peratus dan kadar baru lapan peratus. Bagi julat pendapatan tahunan RM50,001 hingga RM70,000, kadar semasanya ialah 16 peratus dan kadar baru 2018 selepas potongan sebanyak 14 peratus.

Jumlah perkiraan manfaat pengurangan cukai adalah RM3,100 kepada setiap individu M40. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri:

- (i) apakah dengan pelarasan potongan ini, anggaran kutipan pendapatan kerajaan ke atas kutipan cukai pendapatan individu akan mengalami pengurangan yang signifikan dalam perolehan cukai langsung kerajaan?;
- (ii) berapakah anggaran perincian bilangan pembayar cukai yang berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang akan menerima manfaat pengurangan cukai ini?; dan
- (iii) apakah dengan pengurangan kadar cukai pendapatan dalam taksiran 2018 ini, lebih wang tunai yang diperolehi oleh kumpulan M40 ini akan merancakkan ekonomi setempat?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, kerajaan telah memberikan beberapa pengecualian terutama kepada semua pembekalan atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan. Soalan saya, terdapat beberapa caj perkhidmatan Indah Water dikenakan GST seperti mana caj-caj berikut iaitu:

- (a) perkhidmatan pembedung bersambung;
- (b) perkhidmatan pengosongan untuk premis yang menggunakan Tangki Septik Individu;
- (c) perkhidmatan responsif seperti mengeluarkan sekatan daripada saluran pembedung persendirian, pengosongan enapcemar dari sistem tangki tradisional; dan,
- (d) perkhidmatan profesional seperti pengiktirafan sistem pembedung baru, perundingan pengurusan projek EIA HAZOP, latihan teknikal, pembangunan kapasiti dan perkongsian pintar.



**■1200**

Persoalan yang ingin saya kemukakan, semua caj Indah Water Konsortium (IWK) dikenakan GST, manakala pengguna yang sistem pembetulan oleh PBT tidak kena GST. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana isu GST, PBT dan IWK ini akan menimbulkan pertikaian awam kerana perkhidmatan pembetulan ini adalah perkhidmatan kerajaan kepada awam dan apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengecualikan GST kepada pengguna IWK? Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin, dipersilakan.

**12.01 tgh.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak berbahas panjang lebar, *just straight to the point* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Berkenaan dengan fasal 30 tetapi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan menyebut fasal 25, so saya tidak pasti tetapi dalam buku ini fasal 30 bertujuan untuk meminda subseksyen 3(7). Akan tetapi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan fasal 25, subseksyen 23(7). So, saya tidak tahulah yang mana satu.

Akan tetapi ia berkenaan dengan melanjutkan masa untuk seseorang individu membuat tuntutan potongan peribadi sebanyak RM6,000 bagi deposit ke dalam akaun Simpanan Pendidikan Nasional sehingga tahun taksiran 2020. Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengemukakan beberapa persoalan dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan bilangan pembayar cukai yang terlibat dan nilai kehilangan hasil kepada kerajaan daripada pengecualian cukai ini.

Keduanya, apakah statistik terkini penyimpan atau pendeposit SSPN? Berapakah amaun pendeposit sehingga kini? Ketiganya, saya mohon penjelasan tentang apakah geran sempadan yang diberikan oleh kerajaan sebanyak RM500 iaitu *the matching grant* RM500 layak untuk perlepasan cukai yang termasuk dalam fasal ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin ya. Ada lagi sesiapa yang hendak bercakap? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Dipersilakan.

**12.03 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat seramai dua orang yang turut berbahas berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan yang baru dibentangkan.

Pertama, daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang bertanya berkaitan dengan fasal 12. Fasal 12 berkaitan dengan pengurangan cukai individu sebanyak 2 peratus mengikut banjaran.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, jumlah pembayar cukai yang terlibat ketika ini adalah sebanyak 2.3 juta orang daripada sejumlah 14,700,000 ataupun 14.7 juta yang bekerja. Jadi maksudnya yang membayar cukai ini kira-kira hanya sekitar dalam 15 peratus daripada jumlah pekerja-pekerja yang berdaftar dengan pihak kerajaan ketika ini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah pembayar cukai yang terkeluar daripada tindakan ataupun maklumat terkini selepas Bajet 2018 ini adalah sebanyak 261,000 orang. Maksudnya mereka ini dahulu kena bayar, sekarang ini tidak perlu bayar.

Kedua, jumlah kehilangan hasil daripada tindakan pengurangan banjaran ini. Kalau daripada lima tinggal tiga, 10 tinggal lapan dan 14 jadi 10 peratus, semua-semua ini adalah sebanyak RM1.23 bilion. Ini adalah pengorbanan kerajaan yang diberikan kepada rakyat. Kemudian jumlah M40 ataupun kalangan masyarakat kita yang dimasukkan dalam kategori M40 yang berpendapatan antara RM46,800 sehingga RM96,000 setahun adalah seramai 124,143 orang.

Kemudian kalau dahulu dari segi implikasi cukai ini contoh kita ambil sehingga tahun 2016, kalau seseorang individu dia tidak kahwin, dia duduk solo, gaji dia bermula RM2,851 dia sudah mula kena potong Potongan Cukai Berjadual (PCB). Akan tetapi kesan daripada langkah pengurangan ini seorang individu bujang, dia mula dikenakan PCB pada kadar gajinya pada RM3,141.

Kalau orang yang berkahwin, berkahwin ini isterinya tidak bekerja. Dahulu daripada RM3,851, ketika ini dengan kadar baru ini, gajinya hanya mula dipotong untuk cukai pada kadar pendapatannya bermula RM3,996. Kalau dia contohnya berkahwin tetapi isterinya bekerja, dia kena mula potong gajinya, PCB bermula RM3,141. Jadual detilnya Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat hendak, *insya-Allah* kita boleh berikan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga lebih tunai kepada kumpulan M40 ini tadi kita jangkakan kalau banjaran pendapatan RM2,000 ke RM35,000 ini, dia boleh *save* sekitar dalam RM300 sebulan. Kalau yang RM70,000 itu dia boleh buat *saving* sekitar RM1,000. Jadi itulah yang menjadikan jumlah RM1.23 bilion itu yang boleh dijadikan *saving* ataupun penjimatan kepada mereka ataupun kalau dilontarkan balik dalam ekosistem ekonomi, ia boleh menjana sebanyak lebih belanjawan dalam sistem itu RM1.23 bilion. Kalau kita ambil dari segi *multiplayer effect* mungkin ia boleh jadi sampai tujuh, lapan bilion berlegar dalam sistem ekonomi.

Itu adalah kesan kepada tindakan kerajaan mengurangkan perbelanjaan ataupun bayaran cukai. Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya lompat dahulu kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin sebelum saya pergi kepada isu berkaitan dengan PBT ataupun Indah Water, *point* yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, SSPN dalam cukai ini, pelepasan ini diperkenalkan bagi menggalakkan simpanan untuk pendidikan tinggi anak-anak di masa depan, itu matlamat asal. Kita mula memperkenalkan pada tahun 2007, dan semasa itu kita hanya memberikan RM3,000 pelepasan ataupun tuntutan. Kemudian dinaikkan kepada tahun taksiran tahun 2012 sehinggalah tahun 2017 dan kita lanjutkan pula kepada rakyat ini untuk sambung daripada 2018 hingga 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelepasan ini dapat dinikmati sekurang-kurangnya 169,856 pembayar cukai individu dengan anggaran kehilangan hasil kepada kerajaan sebanyak RM67.9 juta. Jadi soalan selanjutnya Yang Berhormat ingin tahu berkaitan dengan statistik.

Untuk makluman, sesungguhnya kita berbanggalah dengan rakyat Malaysia apabila kita bagikan galakan-galakan seperti ini. Sehingga kinilah daripada tahun 2011 sehingga tahun 2017 sejumlah 1,823,371 orang ataupun akaun telah dibuka dan kita telah mengumpul melalui akaun-akaun ini sebanyak RM2.218 bilion.

Jadi sebenarnya ini adalah merupakan satu langkahlah sebab selalunya kita ini selalu bercakap soal-soal menangani kos sara hidup, kita *dok* sebut kos sara hidup yang tinggi tetapi ramai orang jarang bercakap soal berjimat cermat, malahan untuk menyimpan dan juga melabur. Jadi ini merupakan satu langkah yang bijak yang saya kira untuk menjamin masa depan anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran apabila mereka besar kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, geran sempadan RM500 yang dimaklumkan dalam bajet tidak layak dikira sebagai maksud pelepasan cukai. Jadi kita tidak boleh buat *double* lah. Jadi yang RM500 itu adalah yang berkaitan dengan RM500 geran sempadan.

#### ■1210

Untuk makluman Yang Berhormat Datin Rahimah lagi sekali berkaitan dengan cukai yang dikenakan berkaitan dengan IWK. Perkhidmatan pembedung, pada masa ini, utiliti bekalan air dan perkhidmatan elektrik sahaja yang dikenakan GST kosong, maknanya tidak dikenakan GST lah tu. Bahasa dikenakan GST kosong bermaksud tidak kena GST. Perkhidmatan pembedung sama ada yang dibekalkan oleh IWK atau mana-mana pihak swasta yang lain dikenakan GST enam peratus. Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai cadangan untuk mengubah layanan tersebut.

Pada masa ini, semua perkhidmatan pembedung yang dijalankan oleh IWK, jika ada perkhidmatan yang dibuat oleh PBT ianya tidak akan dikenakan GST. Maksudnya, dalam konteks GST ini kepada PBT, ia berkait rapat dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang kita sebutkan dulu, yang kena cukai ini, semua GST dikenakan, termasuklah bekalan-bekalan seperti sewaan dewan, tapak perniagaan, bangunan dan sebagainya. Akan tetapi mulai cadangan yang dibuat dalam bajet baru-baru ini, PBT tidak perlu lagi berdaftar GST. Mana-mana PBT telah berdaftar GST perlu menyangkut pendaftaran GST mulai April 2018 atau Oktober 2018 mengikut pilihan masing-masing. PBT tidak perlu lagi mengenakan GST ke atas semua bekalan yang dibuat termasuk yang bersifat komersial.

Kemudian, seterusnya pelepasan dari membuat bayaran GST ini, PBT akan diberikan pelepasan *relief* dari membuat bayaran GST ke atas semua jenis barang kecuali motokar, petroleum dan bangunan komersial. Tiada pelepasan diberikan ke atas perolehan perkhidmatan, ini bermaksud PBT perlu membayar GST ke atas perolehan perkhidmatan seperti konsultan dan juga bil telefon. Impak, melalui cadangan ini, rakyat tidak lagi perlu membayar GST ke atas perkhidmatan yang dibekalkan oleh PBT, penjimatan yang diperolehi oleh rakyat adalah sebanyak RM65 juta. Tarikh berkuat kuasa 1 April 2018 ataupun 1 Oktober 2018 tertakluk kepada pilihan PBT berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua saya ingat itu sahaja penggulungan saya, Terima kasih.  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Wira. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.14 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua sekarang. Saya mohon mencadangkan suatu Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua. Pindaan ini melibatkan tiga klausa berkaitan iaitu seksyen 112A, seksyen 113A, dan seksyen 119B.

Tuan Yang di-Pertua, selaku negara yang mengamalkan ekonomi terbuka semenjak 2014, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk bersama-sama dengan negara OECD dan dengan izin G20 untuk mematuhi amalan baik percukaian yang bersesuaian terutamanya melibatkan transaksi perniagaan rentas sempadan. Antara komitmen ini termasuklah, penyertaan dalam inisiatif yang diperkenalkan oleh OECD. Sebagai contoh, pelaksanaan pelan tindakan bagi mengekang ketirisan asas cukai dan pemindahan keuntungan atau, dengan izin, *base erosion and profit shifting action plan* dan di pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara automatik atau, dengan izin, *automatic exchange of information*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi terus memantapkan pentadbiran percukaian negara, kerajaan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara automatik bermula tahun 2018. AEOI akan dilakukan secara berkala setiap tahun antara pentadbir cukai menerusi satu platform elektronik yang dibangunkan oleh OECD, amalan ini merupakan penambahbaikan kepada pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara permohonan atau, dengan

izin, *by request* yang dilakukan oleh pihak berkuasa kompeten percukaian pada masa ini secara bilateral.

Bagi membolehkan AEOI dilakukan, terdapat peruntukan khusus di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, bagi memperkenalkan subsidiari berkaitan obligasi dan pengenalan penalti. Menerusi peruntukan berkenaan, obligasi adalah kepada pembayar cukai untuk mengemukakan maklumat berkaitan dan kegagalan boleh dikenakan denda atau hukuman penjara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi pindaan terhadap seksyen 112A, seksyen 113A dan seksyen 119B Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tujuan pelaksanaan AEOI di Malaysia.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017.

Fasal 2, fasal 3 dan fasal 4 bertujuan untuk memastikan pembayar cukai memberikan maklumat yang tepat apabila mengemukakan pelaporan mengikut negara dan pertukaran maklumat secara automatik di bawah seksyen 132, berkaitan perjanjian pengelakan percukaian dua kali. Seksyen 132A bagi tujuan perkiraan pertukaran maklumat percukaian dan seksyen 132B, bagi perkiraan bantuan pentadbiran bersama. Sebelum ini, seksyen 112A, seksyen 113A dan seksyen 119B hanya memperuntukkan penalti sekiranya pertukaran maklumat berkenaan dilakukan di bawah seksyen 132B.

#### ■1220

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira komitmen Malaysia kepada OECD. Pindaan terhadap akta ini adalah amat penting bagi memastikan maklumat yang diperoleh dari pembayar cukai adalah tepat dan berdasarkan piawaian yang telah dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten percukaian seluruh dunia. Ini bagi membolehkan pelaksanaan AEOI di laksanakan secara efektif dan sepenuhnya mulai tahun 2018. Selain itu, bidang ini juga menunjukkan komitmen penuh Malaysia bagi mematuhi amalan terbaik yang menekankan kepada ketelusan dan ketepatan maklumat berkaitan percukaian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

12.21 tgh.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Rabbishrohlisadri wayassirliamri wahluluqdatam minlisaani yafqahuqawli.*

Tahniah Yang Berhormat Menteri di atas pembentangan rang undang-undang bagi meminda Akta Cukai Pendapatan bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkongsi maklumat

dengan negara-negara *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) dalam melaksana Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali di antara negara pejanji OECD.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Malaysia telah mempunyai rangkaian Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) dengan beberapa negara pejanji, dengan adanya sijil taraf pemastautin ini, pembayar cukai yang bermastautin di Malaysia layak menuntut di bawah PPPDK dan bagi mengelak dikenakan cukai dua kali bagi pendapatan yang sama. Banyak manfaat yang akan di peroleh negara dengan pindaan ini. Di mana pelabur-pelabur luar negara akan merencanakan aktiviti pelaburan di Malaysia dan tidak akan gusar dikenakan cukai keuntungan perniagaan dua kali apabila Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali ditandatangani oleh negara-negara pejanji, terutama yang menganggotai OECD.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui kerjasama serantau dan pelaburan aktif negara China di Malaysia dilihat akan memanfaatkan kutipan cukai keuntungan perusahaan di kalangan peniaga-peniaga di kedua-dua negara. Malaysia dengan China menandatangani Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali pada tahun 1985, menandatangani Protokol Pindaan pada tahun 2000 dan mulai November 2016, menandatangani *Exchange of Notes* untuk tujuan pelaksanaan Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali Malaysia-China.

Tuan Yang di-Pertua, banyak manfaat yang akan diperoleh negara bila mana syarikat-syarikat dari luar negara datang membuat pelaburan dan melaksana projek-projek pembangunan di Malaysia seperti Projek Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru atau ECRL. Justeru, dengan kerangka kerjasama *Automatic Exchange of Information* (AEOI) portal akan menyedia petunjuk kerangka kerja OECD dan *global forum* ke atas transpirasi dan keyakinan pentadbiran pengelakan cukai dan sebagai media perkongsian maklumat pengurusan cukai dalam aturan pertukaran maklumat automatik yang akan menggunakan aturan standard piawaian pelaburan cukai di antara negara anggota pejanji.

Tuan Yang di-Pertua, justeru soalan saya kepada pihak kerajaan. Pertama, bagaimanakah manfaat kerangka Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali ini dalam negara OECD yang akan memanfaatkan pertumbuhan peratusan kutipan *corporate tax* berbanding GDP serta unjuran pertumbuhan kutipan cukai langsung negara? Kedua, bagaimana persediaan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), terutama dalam menyediakan data pemegang sijil taraf pemastautin entiti perniagaan yang didaftar dengan SSM dan kerangka audit percukaian pegangan dalam aturan sistem pertukaran maklumat automatik, *automatic information tax data exchange* bagi memudahkan perkiraan cukai dan bantuan pentadbiran rejim cukai bersama antara kedua-dua negara dan berapakah bilangan pembayar cukai yang terlibat?

Soalan saya yang ketiga. Berapa ramai kah Sijil Taraf Pemastautin yang dikeluarkan bagi memastikan kerangka kerja ini dilaksanakan sehingga kini? Soalan saya yang keempat. Sehingga 30 November 2017, berapakah bilangan negara yang telah bersedia untuk menzahirkan permulaan perkongsian Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali ini dan apakah dengan pindaan akta ini, pengurusan dan kutipan cukai pegangan ke atas keuntungan perniagaan dan pelaburan mengalami penokokan pertumbuhan pendapatan kerajaan secara signifikan?

Akhir kata, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 ini akan memanfaatkan aktiviti kutipan cukai langsung negara dan merencanakan pertumbuhan ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim bt Mohamad Yusoff, dan saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.26 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dari Sungai Petani di atas perbahasan yang saya kira saya dapat rumuskan beliau faham dengan tujuan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini jumlah negara-negara OECD adalah sebanyak 35 negara. Jumlah negara-negara yang masuk dalam *inclusive framework* berkaitan dengan *base erosion and profit shifting* ini maksudnya yang tidak mahu mana-mana syarikat yang cuba untuk mengelak ataupun bukan hendak kata menipu tetapi tidak memberi maklumat-maklumat yang betul ini, kita ada perkongsian sebanyak 108 buah negara.

Jadi, soalan-soalan yang telah dibagi oleh Yang Berhormat tadi ini berkaitan jumlah pendapatan negara, hasil daripada ini, sebenarnya kita tidak dapat nyatakan secara tepat di sinilah buat masa ini. Saya mohon izin kepada Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk saya jawab secara bertulis. Oleh sebab semua ini jawapan yang berkaitan dengan *figures*.

Apa pun saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang sudi untuk berkongsi maklumat berkaitan ini untuk saya jawab. Maklumlah kepada Dewan tujuan pindaan ini hanya untuk pertukaran maklumat kemudian ia satu mekanisme pertukaran maklumat menunjukkan bahawa negara kita dan juga negara-negara yang kita sebutkan tadi, 108 buah negara, termasuk 35 negara anggota OECD memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa kita hendak memudahcarakan urusan-urusan mereka.

Akan tetapi apa pun, jawapan-jawapan yang berkaitan *figures* yang diperlukan oleh Yang Berhormat, saya tidak boleh bagi sekarang. Saya bagi kemudian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]

■1230

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) (NO.2) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.31 tghari.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang. Pindaan ini hanya melibatkan satu klausa sahaja iaitu seksyen 21.

Bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai, kerajaan telah memberikan komitmen kepada OECD untuk mengadakan pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara automatik atau, dengan izin, *Automatic Exchange of Information (AEOI)* bermula pada tahun 2018. Amalan ini akan dilakukan secara berkala setiap tahun bersama-sama pihak berkuasa kompeten percukaian negara yang turut memberikan komitmen yang sama kepada OECD bagi melaksanakan AEOI. Antaranya, negara G20, Kesatuan Eropah, China, Jepun, India dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi pindaan terhadap seksyen 21 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 bagi tujuan pelaksanaan AEOI di Labuan. Pindaan ini merupakan, dengan izin, *consequential amendment* kepada seksyen 112A, 113A dan seksyen 119B Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk dipanjangkan kepada pembayar cukai di bawah Akta Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Ia bertujuan untuk memastikan pembayar cukai memberikan maklumat yang tepat apabila mengemukakan pelaporan mengikut negara dan pertukaran maklumat secara automatik di bawah seksyen 132 berkaitan perjanjian pengelakan percukaian dua kali. Seksyen 132A bertujuan perkiraan pertukaran maklumat percukaian dan seksyen 132B bagi perkiraan bantuan pentadbiran yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, dengan mengambil kira komitmen Malaysia kepada OECD, pindaan terhadap akta ini adalah amat penting bagi memastikan pindaan terhadap akta ini amat penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi dari pembayar cukai adalah tepat dan berdasarkan piawaian yang telah dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten percukaian seluruh dunia. Ini bagi membolehkan pelaksanaan AEOI dilaksanakan secara efektif dan sepenuhnya mulai tahun 2018. Selain itu, pindaan ini juga menunjukkan komitmen penuh Malaysia bagi mematuhi amalan terbaik yang menekankan kepada ketelusan dan ketepatan maklumat berkaitan percukaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?



**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampak tiada yang Ahli-ahli Yang Berhormat yang minta, dan saya teruskan. Tidak ada? Silakan Berhormat Menteri.

**12.35 tghari.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendengar pembentangan tadi dan memahami, dan saya kira semua pakat menyokong sebulat suara. Jadi terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohd. Sadique) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 12.39 tghari.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada setiap masa merangka pelbagai strategi, inisiatif dan program selaras dengan Dasar Dadah Negara dalam memerangi musuh nombor satu negara ini dari semakin merebak.

#### ■1240

Namun begitu, statistik Polis Diraja Malaysia tetap menunjukkan peningkatan kes pada setiap tahun. Dari Januari 2014 sehingga Oktober 2017, seramai 702,319 orang individu ditahan polis atas kesalahan mengedar dadah dan memiliki dadah, seramai 21,731 individu ditangkap di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) ataupun di panggil Akta 234.

Seterusnya, sebanyak 13,036 Kertas Siasatan telah dibuka dan sebanyak 10,878 kes telah dituduh di mahkamah dalam masa yang sama. Lebih membimbangkan adalah sebanyak 1,743 tangkapan melibatkan penuntut sekolah dan sebanyak 1,953 tangkapan melibatkan penuntut institut pengajian tinggi di bawah Akta 234 dari Januari 2014 sehingga Oktober 2017.

Pada masa yang sama, sebanyak 68 *kingpin* telah ditangkap dalam tempoh tersebut. Lebih parah lagi, sebanyak 106 makmal haram memproses dadah yang beroperasi secara aktif telah diserbu oleh pihak berkuasa dengan tangkapan mereka yang mengendalikan makmal ini seramai 409 orang.

Perangkaan ini amatlah membimbangkan kerana walaupun dengan adanya hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39B Akta 234, jumlah kes di bawah seksyen tersebut masih mencatatkan jumlah yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1952, Ordinan Dadah Bahaya 1952 dilahirkan sebagai satu ordinan yang tunggal bagi kesemua negeri di tanah Melayu untuk mengawal kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan dadah di Tanah Melayu pada masa itu. Perwujudan ordinan ini adalah bukti bahawa dadah merupakan ancaman kepada tanah Melayu pada masa itu dan telah membanjiri negara kita sejak tahun 50-an yang ketika itu kita masih di bawah jajahan Kerajaan British.

Undang-undang itu bertujuan untuk mengawal pengimportan, pengeksportan, penghasilan, penjualan, penggunaan dan pemilikan opium dan dadah berbahaya dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta 234 serta apa-apa maksud yang berkaitan dengannya.

Pada 30 April 1975, ini selepas merdeka, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan asal seksyen 39B mula dimasukkan ke dalam Akta 234 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975. Tujuan akta ini dibuat antara lain adalah untuk memerangi peningkatan aktiviti pengedaran dan perdagangan dadah

berbahaya dengan memperkenalkan hukuman mati atau hukuman penjara seumur hidup dan sebatan untuk jenayah tersebut memandangkan hukuman yang diperuntukkan di dalam akta itu sebelum ini didapati tidak berkesan. Ini tahun 1975 ya, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1983, seksyen 39B telah dipinda melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983 [Akta 553] untuk memperuntukkan hukuman mati sebagai satu-satunya hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen ini. Hal ini disebabkan berlakunya ketidakselarasan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah untuk jenayah pengedaran dadah di bawah seksyen 39B, Akta 234 yang diperkenalkan pada tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 2 November 2012 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, telah bersetuju agar Jabatan Peguam Negara mengkaji secara menyeluruh cadangan memansuhkan hukuman mati mandatori di bawah, antara lain, Akta 234 agar hakim diberi kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 2012 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan satu kajian untuk dilakukan. Ini membuktikan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini sentiasa melihat jauh ke hadapan dan bersedia membuat perubahan mengikut peredaran masa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, satu kajian yang menyeluruh dan holistik berkaitan hukuman mati telah dijalankan oleh *International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS)* di bawah Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini dari tahun 2013 hinggalah tahun 2016.

Pada 5 September 2016, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas berkaitan hukuman mati. Pelbagai isu berkaitan hukuman mati telah dibincangkan dalam mesyuarat ini sebagai proses *consultative* dalam semua pihak-pihak berkepentingan termasuk Ahli-ahli Parlimen parti pembangkang. Begitu terbuka Kerajaan Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua.

Lantaran itu, pada 1 Mac 2017, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju agar seksyen 39B Akta 234 dipinda dengan memasukkan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam hal keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta 234.

Seterusnya, kerajaan bersetuju pada 27 November 2017 supaya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 ini yang telah dibuat bacaan kali yang pertama di Dewan Rakyat pada 23 November 2017 dipinda dengan meniadakan perakuan bertulis daripada pendakwa raya tentang bantuan yang diberikan oleh orang yang disabitkan tetapi mengekalkan perkataan "dan" supaya niat utama kerajaan untuk memberikan mesej pencegahan yang serius dan meningkatkan keberkesanan operasi bagi agensi penguatkuasaan dalam membanteras masalah pengedaran dadah di negara ini masih boleh dicapai.

Dalam masa yang sama, pindaan ini juga secara langsung akan memberikan kuasa budi bicara sepenuhnya kepada mahkamah untuk menentukan hukuman berdasarkan hal keadaan sesuatu kes, Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini akan memberi ruang budi bicara kepada mahkamah serta mengekalkan prinsip *consistency* dan *fairness*, dengan izin, dalam menjatuhkan hukuman

berdasarkan kepada kategori dan *severity*, dengan izin, kesalahan yang dilakukan. Misalnya, bagi kesalahan mengedar dadah yang melibatkan *innocent carriers*, dengan izin, dan *drug mule*, dengan izin, yang mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara sedang dibacakan di Dewan ini pada hari ini.

Cadangan pindaan ini digubal dengan teliti dengan mengambil kira niat utama kerajaan untuk melindungi kepentingan awam, dengan izin, *public interest* dengan memberikan mesej pencegahan yang serius dan meningkatkan keberkesanan operasi bagi agensi penguatkuasaan termasuk PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam membanteras masalah pengedaran dadah di negara ini.

Cadangan pindaan ini memberi peluang kepada orang yang disabitkan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memberi maklumat yang mereka memiliki khususnya berkaitan pihak-pihak terlibat dalam sindiket pengedaran dadah. Maklumat berkenaan boleh membantu agensi penguatkuasaan dalam usaha-usaha untuk membawa kepada penangkapan, penahanan atau pendakwaan mana-mana orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 ini mempunyai tiga fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan berkuat kuasanya.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 39B Akta 234 seperti yang berikut:

- (a) dengan menggantikan subseksyen 2 sedia ada dengan subseksyen 2 yang baru bagi memasukkan hukuman selain hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 kali; dan
- (b) memasukkan subseksyen 2A dan 2B baharu antara lain bagi menyatakan hal keadaan tertentu yang hanya boleh diambil kira oleh mahkamah.

Fasal 3 adalah berkaitan peruntukan peralihan. Peruntukan akta ini dicadangkan hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang telah dituduh tetapi belum disabitkan di bawah seksyen 39B, Akta ibu oleh mahkamah yang berwibawa pada tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini. Cadangan pindaan baru kepada seksyen 39B, Akta 234 tidak terpakai bagi kes yang menunggu rayuan yang mana kes tersebut perlu melalui proses wajar sedia ada. Walau bagaimanapun, mereka yang telah disabitkan mempunyai peluang merayu ke Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan atau selanjutnya membuat petisyen di Lembaga Pengampunan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini merupakan satu inisiatif bagi pihak kerajaan bagi memastikan keadilan yang sewajarnya kepada mereka yang tidak sepatutnya dikenakan hukuman mati mandatori. Sesungguhnya kerajaan tidak pernah dan tidak akan berlembut dalam menguatkuasakan undang-undang pencegahan dadah demi menjamin ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia tidak akan sama sekali berkompromi dengan jenayah-jenayah dadah yang merupakan ancaman kepada masyarakat umum dan negara.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga merupakan Ketua Majlis pernah mengatakan bahawa masyarakat perlu mengelak daripada bersikap, dengan izin, *not*

*missyndrome* sebaliknya bersama memainkan peranan dalam memahami, mengambil tindakan dan menjadi barisan hadapan dalam menangani isu dadah di dalam komuniti masing-masing. Beliau menegaskan bahawa usaha membanteras penyalahgunaan dadah perlu ditangani secara kolektif oleh semua pihak untuk mengelakkannya menjadi lebih buruk dan membawa ancaman keselamatan kepada negara kita dan kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang berlatar belakangkan undang-undang. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, kali ini dengan benarnya saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam catatan saya ini ramai nampaknya Yang Berhormat hendak berbahas. Bagus. Mana tokoh dadah kita Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah ya.

Dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Silakan.

**12.51 tgh.**

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesan positif yang boleh dilihat akibat pindaan ini ialah mangsa ketua pengedar dadah dapat menuntut keadilan. Hampir semua *kingpin* dadah menggunakan *courier* ataupun keldai dadah untuk menjalankan operasi mereka. Ini adalah kerana kebanyakan orang menjadi keldai dadah mendapat tawaran kewangan yang menarik dan lumayan.

Kebanyakan mangsa *kingpin* dadah adalah terdesak atau kurang cerdas dan juga terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur. Mereka direkrut untuk mengangkut, membawa, menghantar atau mengirim dadah berbahaya. Namun begitu, boleh dilihat bahawa hukuman penjara seumur hidup dengan sebatan tidak kurang daripada 15 sebatan agak berat terutama untuk golongan yang dipaksa atau telah ditipu dalam situasi tersebut. Saya mencadangkan agar mahkamah diberi ruang bagi menggunakan budi bicara semasa menjatuhkan hukuman dalam konteks sebatan. Hakim dalam kes sebegini haruslah diberi fleksibiliti untuk membuat keputusan dan sebatan minimum ini haruslah dipertimbangkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, ada sesetengah pihak yang rasa bahawa mereka tidak akan disabitkan kesalahan pengedaran dadah jika ditangkap memandangkan perlu ada bukti yang kukuh di mahkamah. Perlu ada lebih banyak usaha oleh pihak kerajaan untuk mendidik dan menyedarkan anak-anak muda atau para remaja tentang hukuman yang berat jika tersabit dengan kesalahan ini agar mereka tidak tergoda untuk menyertai dalam aktiviti ini.

Pada pengetahuan saya, pindaan baharu ini adalah mengeluarkan peruntukan di bawah hukuman alternatif selain hukuman mati hanya boleh dilaksanakan jika pendakwa raya mengeluarkan

perakuan secara bertulis mengenai kerjasama orang yang disabitkan iaitu di seksyen 39B(2A)(d). Saya faham bahawa ini bermaksud mahkamah memberi kuasa untuk menentukan hukuman selain daripada hukuman mati. Dalam seksyen 39B(2A)(d) yang menyatakan, dengan izin, "*The person convicted has assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within or outside Malaysia,*" dengan izin.

Saya ingin bertanya bagaimana tahap bantuan ini iaitu *assistance* boleh ditentukan dan macam mana jika bantuan yang diberi tidak mencukupi untuk membantu dalam penangkapan *kingpin*? Hal ini kerana orang seperti keldai dadah adalah orang yang diperalatkan oleh sindiket dadah dan mungkin tidak mempunyai atau memiliki maklumat yang cukup walaupun mereka ingin bekerjasama dengan pihak penguat kuasa. Untuk kes seperti ini adakah mahkamah masih boleh memberi hukuman alternatif?

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya adalah berkaitan dengan pihak yang disabitkan mungkin tidak memiliki maklumat yang diperlukan kerana mereka telah dimanipulasikan oleh *kingpin* dadah yang tertentu. Dalam semua sindiket dadah, *courier* atau keldai dadah adalah berada di hierarki terendah dan mereka tidak akan memiliki maklumat yang penting dalam sindiket tersebut. Ini terutamanya bagi mereka yang ditipu, dipaksa ataupun tidak sedar bahawa mereka melakukan aktiviti pengedaran dadah. Saya juga minta kementerian menyatakan bilangan kes tertunggak sekiranya mengikut pindaan baharu ini dan berapa kes yang melibatkan pesalah di bawah umur.

Sekiranya *courier* atau keldai dadah yang ditangkap mempunyai maklumat yang akan membawa kepada penangkapan pihak yang memiliki kedudukan tinggi dalam hierarki sindiket rela memberi maklumat tersebut kepada pihak berkuasa ini mungkin akan membahayakan kepada ahli-ahli keluarga individu tersebut. Jadi adakah mereka diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa usaha membanteras gejala dadah perlu dilihat dan dirancang secara holistik. Dalang dadah tidak pernah kekurangan bilangan keldai yang bekerja dengan mereka dan penangkapan keldai ini tidak akan menghapuskan industri dadah secara keseluruhan. Apa yang lebih penting adalah pendakwaan terhadap *kingpin* dan pengguna dadah untuk menangani bekalan dan permintaan dadah. Kita tidak boleh memberikan semua tumpuan cuma kepada *courier* dadah sahaja. Pihak berkuasa perlu memastikan bahawa barang yang dirampas dihapuskan di khalayak ramai. Kita mesti menunjukkan kepada para masyarakat bahawa kita sedang menyerang dan membanteras perdagangan dadah.

Kita juga harus mempersoalkan peranan ibu bapa dalam isu ini. Penggunaan dadah dalam kalangan remaja amat membimbangkan sejak kebelakangan ini. Justeru, peranan ibu bapa amat penting, mereka perlu mengawasi aktiviti anak-anak mereka agar tidak terjebak dalam gejala sosial. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

**12.59 tgh.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya jangka sekarang jam di Dewan ini 12.59 dan cuma saya ada satu minit sahaja sebelum ditangguhkan untuk makan tengah hari. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan perbahasan saya ini saya hendak ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya sebagai pembahas kedua untuk rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Kita minta Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff teruskan selepas kita tangguh ya. Jadi jam tepat pukul 1. Dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat ini hingga pukul 2.30 petang ini. Terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan sambung perbahasan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli.

**2.33 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini sebelum saya mula, saya akan fokuskan ataupun hadkan perbahasan ini kepada peruntukan yang dicadangkan iaitu ada dua peruntukan. Pertama sekali, soal hukuman mandatori. Kedua, dari segi peralihan apabila ada sabitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah mengambil satu inisiatif yang baik, positif dan juga perlu bagi melindungi dan menjaga hak asasi seseorang individu di dalam negara kita ini. Seperti mana yang saya sebut tadi, fokus ataupun aspek yang akan saya sentuh ialah dari segi hukuman. Oleh sebab cadangan pindaan ini berkaitan banyak kepada peruntukan apabila seseorang itu telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar. Ini ada dari JPM ada orang atau tidak, pegawai yang hadir dengar perbahasan ini?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada ya. Kalau saya hendak, saya akan tangguhkan Dewan. Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana keperluan ini untuk kita memberi input-input kepada kerajaan. Di bawah fasal 2 seksyen 39B cadangan pindaan ini, ia merujuk kepada soal kuasa hakim, apabila kesalahan itu telah disabitkan, maka proses hukuman ini. Jadi kuasa hakim sekarang, Kerajaan Barisan Nasional iaitu Kerajaan Persekutuan mengambil inisiatif ini untuk memberi kuasa pilihan dan budi bicara kepada hakim yang mengadili kes-kes dadah.

Kalau dahulunya hakim-hakim kita tidak mempunyai pilihan kecuali apabila disabitkan dengan kesalahan dadah, maka pilihannya adalah untuk menjatuhkan hukuman mati mandatori. Kuasa hakim

dalam menjatuhkan hukuman ini telah diperluaskan. Itulah dan kita nampak kerajaan memperlihatkan dan juga memperkuat aspirasi ataupun prinsip demokrasi negara ini iaitu pengasingan kuasa di mana kami sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan Dewan Rakyat, di mana di akhirnya, harus dibahaskan di Dewan Negara ini bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan, untuk menyokong rang undang-undang pindaan untuk memberi pilihan dan fleksibiliti dan juga budi bicara kepada hakim-hakim.

Jelas pindaan ini memperkuat prinsip pengasingan kuasa iaitu Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan Dewan Rakyat sebagai penggubal. Sudah sampai masanya dari segi hasrat rakyat, kerajaan mengambil inisiatif ini membawa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu kita sebagai penggubal. Maka hari ini adalah suatu hari yang mustahak dan penting dan signifikan kepada proses undang-undang dadah iaitu yang selalu diperkatakan di dalam negara dan juga di luar negara tentang apakah negara kita ini suatu negara yang- suatu undang-undang ini *draconian*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu yang tidak memberi pilihan kecuali hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah.

Maka hari ini jelas, kerajaan memberi peluang kerana Kerajaan Barisan Nasional menghormati hak asasi manusia. Tidak seperti mana yang dilaung-laungkan oleh NGO dan juga masyarakat-masyarakat negara ini sendiri dan juga masyarakat antarabangsa.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih pembentangan daripada Yang Berhormat Senator. Dalam meletakkan budi bicara ini, adakah perlu kita meletakkan limitasi budi bicara itu? Kita khuatir, budi bicara yang tidak ada limitasi juga akan mengundang kepada manipulasi daripada kes-kes contohnya yang keldai dadah tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini, ia masih mengekalkan hukuman mati. Masih hukuman mati tetapi bukan lagi mandatori dan diberi budi bicara ini. Saya rasa, prinsip ataupun budi bicara ini akan dilaksanakan secara *judiciously*, dengan izin oleh hakim-hakim. Saya rasa itulah kerana apabila seseorang itu tidak berpuas hati, maka peringkat akan ada lagi ialah peringkat rayuan. Sekiranya peringkat rayuan seseorang tidak berpuas hati ataupun pendakwa raya sendiri juga tidak berpuas hati, maka ada tahap yang lebih tinggi lagi untuk dibuat rayuan sehinggalah kepada mahkamah yang akhirnya Mahkamah Persekutuan.

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini juga mengekalkan sabitan ataupun hukuman mati. Cuma yang kadang kita kena jelaskan kepada rakyat di luar sana apa yang kita buat ataupun kerajaan masih melindungi rakyat negara ini dan tidak meringankan hukuman kepada pesalah-pesalah dadah ini. Hukuman mati tetap ada cuma ditambahkan bahawa seperti mana yang disebut di sini apabila ada sabitan, hukuman mati atau *imprisonment for life*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan. Dikekalkan di sini, disebut sini perkataan "*imprisonment for life*", dengan izin, dan tidak disebut sebagai "*life imprisonment*." Saya rasa dari segi kefahaman pengamal undang-undang, ia membawa konotasi yang berbeza. *Life*



*imprisonment* kalau dahulunya ia membawa kepada penjara selama 20 tahun dan telah ditambah iaitu sekarang maksimumnya selama 30 tahun. Jadi *life imprisonment* ini bagi kefahaman saya ialah seumur hidup. Itu tafsiran yang saya faham. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi cadangan pindaan ini ialah *imprisonment for life*. Adakah ia membawa konotasi bahawa ini adalah sepanjang hayat? Bahawa ia tidak ada tempoh untuk dia dipenjarakan sehinggalah dia berakhirnya nyawa di dalam penjara. Saya rasa mesejnya ialah kita memang memandang berat dengan kesalahan dadah.

Apabila hakim tidak menjatuhkan hukuman mati, apa yang hakim sekarang ada ialah untuk hukuman penjara dan juga hukuman rotan tidak kurang daripada 15 rotan. Jadi ada dua. Apabila dia tidak- seseorang yang disabitkan tidak dijatuhkan hukuman mati tetapi dia terpaksa terima dua hukuman lain iaitu *imprisonment for life*, yang saya sebut tadi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya kira saya minta di awal tadi- saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sepanjang hayat ataupun tidak? Kita kena perjelaskan kepada rakyat di luar sana sepanjang hayat ataupun seumur hidup. Apabila hakim-hakim ini sudah mempunyai pilihan seperti mana yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Dato' Isa...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Cuma hendak tambah sedikit kalau boleh semasa jawab soalnya, hendak tumpang sahaja. Sama ada *Penal Code*, sama ada perbezaan di antara *life imprisonment* dan *imprisonment for life*, sama ada perbezaan itu telah ditetapkan oleh *Penal Code*? Kalau tidak salah, *I think some countries* ada *specified by the Penal Code*. Kalau boleh, Yang Berhormat masuk dalam- masa dia jawablah. *To see whether definition* itu *provided by the Penal Code*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di setengah tempat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Bukan tafsiran kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setengah tempat dia *is a for life* ataupun *natural life*. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak sambut dan saya juga ada akan menyebut bahawa soal mati mandatori ini masih kita kekalkan lagi di dalam Kanun Keseksaan ataupun *Penal Code*, *Firearm (Increased Penalty) Act* dan juga *Kidnapping Act*. Jadi soal hukuman mati mandatori ini masih ada. Saya- seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Tuan Chandra, definisi yang ditetapkan di bawah Kanun Keseksaan. Apakah yang membawa tafsiran tersebut? Natural, seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, yang mewakili kerajaan ini di mana persamaan ataupun adakah atau tidak perbezaan yang jelas?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, mohon menceleh Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya rasa Yang Berhormat pun kena jelaskan sebab kalau tidak salah sayalah, hukuman penjara seumur hidup ia berjalan lebih kurang 20 tahun, kalau tidak salah saya. Selepas itu bukan dia- sebab ada dua benda. Satu, mati

hukuman sepanjang hayat ataupun hukuman mati, penjara seumur hidup? Kenapa Yang Berhormat ada dua benda ini? Oleh sebab sebagai peguam, saya rasa Yang Berhormat lebih tahu, lebih maklum. Oleh sebab ada negara yang kita tahu ia tidak ada melalui proses-proses ini. Pegang, tembak dan mati sahaja. Ada proses yang tidak ada proses *justice*, dengan izin. Dia pegang, tembak dan mati. Itu yang kita takut ada yang ambil kesempatan.

Saya sebagai polis di kawasan, saya tidak puas hati atau berdentam dengan seseorang. Daripada saya tangkap dia kalau kita ada hukuman yang macam itu, saya tidak puas hati fasal berkenaan lain, cemburu atau apakah saya pergi tembak, saya letak dadah saya kata dia pengedar dadah. Kadang kita ini, sekarang ini kita ada hukuman mandatori. Ini pun kalau kita dalam kapal terbang, sebelum mendarat kapal terbang apa sekali, apa jenis *airline* sekali pun sebelum mendarat ke Kuala Lumpur kita akan dimaklumkan bahawa hukuman di sini adalah hukuman mandatori kalau bawa dadah.

Dia tidak kata menghisap dadah, yang bawa dadah. Kalau dia datang sini dia beli dadah, itu cerita lain. Ini dia bawa dadah masuk ke negara kita. Ini pun kita dikecam orang kerana kita menjalankan hukuman mandatori ke atas pengedar dadah. Itu pun kita dikecam orang. Akan tetapi dalam semua *airline* yang masuk ke negara kita akan memaklumkan kepada ini. Akan tetapi apa bezanya di antara ini Yang Berhormat kena jelaskan. Jadi kita pun boleh faham betul atau tidak macam saya katakan tadi 20 tahun. Kalau hukuman – dihukum seumur hidup. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia pun hendak minta dengan Yang Berhormat Menteri jelas.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak, dia sebagai *lawyer*, saya hendak tanya dia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar. Nama yang diberi untuk perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 ini kalau diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini saya tidak akan benarkan mereka mencelah. Mereka boleh berbahas masa yang diberikan kepada mereka. Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, respons saya kepada yang dibangkitkan oleh Presiden Majlis Senator ini, kefahaman saya dan saya minta supaya kalau saya-*stand to be corrected*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau disebutkan sebagai penjara seumur hidup, bermaksudnya ada tempoh tertentu. Seumur hidup, maksudnya tempoh ada. Kalau dahulunya tempoh maksimum adalah 20 tahun dan sekarang ini sudah dinaikkan tempoh penjara itu selama 30 tahun.

Jadi ada yang membezakan yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ini ialah disebut sini bukan *life imprisonment*, yang disebut di dalam fasal cadangan pindaan ini disebut fasal 39B(2) ini disebut ialah *imprisonment for life*. Jadi, biar kita jelaskan apabila kerajaan memberi suatu tafsiran yang mana tafsiran ini kita sebagai penggubal undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini saya rasa mahkamah akan menerima pakai apa yang dimaksudkan pada kita hari ini. Maksud di sini bagi saya dan akan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ialah sepanjang hayat. Iaitu seorang itu akan dipenjarakan sehingga dia mati di dalam penjara. Itu yang saya faham dari segi maksud *imprisonment for life*.

## ■1450

Jadi, cuma kuasa ini kita memberi mesej kepada pesalah ataupun orang-orang yang berhajat ataupun orang-orang yang hendak melibatkan diri dalam dadah ini, hukuman di Malaysia bukan ringan. Dengan erti kata, seseorang itu akan dihukum hidup dia di dalam penjara selama-lamanya sehingga dia hembus nafas yang terakhir.

Respons saya kepada presiden tadi, Yang Berhormat Presiden, jelas apabila kita naik pesawat, kapal terbang Tuan Yang di-Pertua, selalunya sebelum kita *landing* sama ada tempatan, selalunya *foreign airlines*, dengan izin, dia akan sebut. Dia akan sebut bahawa *mandatory death penalty*, dengan izin, iaitu maksudnya peringkat antarabangsa sedar hukuman di Malaysia ini cukup berat sehingga kita akan-secaranya kita tidak ada pilihan. Apabila disabitkan, maka ia akan menjadi kematian menunggu dia. Untuk pesalah-pesalah dadah ini hanya kematian. Jadi, mesej dia jelas.

Bagi cadangan pindaan ini juga di dalam Dewan yang mulia ini, adakah ia membawa konotasi yang sama dengan *mandatory death penalty* ataupun disebut sebagai *capital punishment* ini, dengan izin? Tuan Yang di-Pertua, adakah ia juga mesej yang sama? Cuma dari segi terminologinya sudah berubah di mana pilihan sahaja. Pilihan kepada hakim-hakim ini bukan secara yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Isa, bukan secara budi bicara yang biasa. Apabila dia tidak jatuhkan hukuman mati, maka dia akan boleh menjatuhkan hukuman *imprisonment for life* dengan rotan.

Jadi seolah-olah kita memberi suatu panduan kepada hakim-hakim ini. Yang Arif Hakim, apabila tidak jatuhkan mati, maka ini hukumannya. Hukumannya penjara sepanjang hayat dan yang teruk sekali ialah rotan tidak kurang daripada 15 dan mungkin lebih. Di mana fasal ini menyebut, "...with whipping of not less than fifteen strokes." Bukan 15, kemungkinan boleh lebih apabila hakim mendapati seriusnya ataupun memang secara sengaja, dengan niat untuk mengedar, menjual, bertransaksi dalam urusan pengedaran dadah.

Di samping itu, apabila hakim memilih- apabila keterangan ada di hadapan dia dengan pelbagai saksi yang dikemukakan, dengan keterangan- *in the* proses pengadilan yang dijalankan oleh mahkamah ini, apabila seorang hakim itu memilih, hanya boleh memilih yang *imprisonment for life*, dengan izin, dan sabitan rotan tidak kurang daripada 15 tetapi dia kena patuhi juga syarat-syarat yang ditetapkan di bawah 2A iaitu ada (a), disebut di sini, "*No evidence...*" dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*No evidence of buying and selling*".

Jadi, ini melibatkan soal keterangan. Jadi proses-proses mahkamah ini, Akta Keterangan ini akan dipakai segala dalam proses pengadilan *you know*. Ini sebab saya pun tidak hendak kembali kepada soal macam mana kesalahan jenayah, kesalahan di bawah cara apa yang diperlukan. Cuma apabila disabitkan, proses yang terakhir ini, proses hukuman. Saya cuma *confined*, dengan izin, kepada soal hukuman ini. Apabila hakim itu berpendapat atau memilih- saya kira tidak tepat..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini peringatan kepada pegawai-pegawai. Kalau hendak bincang, tolong keluar Dewan. *I don't want any noise. Excuse me. You* hendak bincang-bincang, tolong keluar Dewan. Ini bukan tempat perbincangan. Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, prasyarat yang saya kata di bawah fasal 2A ini, ada prasyarat dia.

Seterusnya saya akan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Di bawah 2A, disebut dalam (a), (b), (c) dan (d) subseksyen (a), maksudnya tiada keterangan yang adanya transaksi jual dan beli apabila seseorang itu ditangkap, bukan proses di mahkamah lagi.

Apabila ada keterangan bahawa pihak penyiasat, *enforcement* pihak penguat kuasa misalnya PDRM, kastam, AADK memang tidak ada elemen jual beli. Syarat pertama. Kedua, tidak ada penglibatan pihak ketiga iaitu yang disebut di sini, agen provokator. Itu pun kerajaan sendiri tidak memasang ataupun memasukkan seseorang *third party* ataupun pihak ketiga untuk membuatkan seseorang itu melakukan transaksi tersebut. Itu syarat-syarat. Bukan senang Yang Berhormat Dato' Isa, untuk dipilih kepada bukan hukuman mati.

Di bawah (b), disebut Tuan Yang di-Pertua, ialah 'or'. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ini, perkataannya (a) jelas. Akan tetapi (b) ada, dan kemudian apabila hendak masuk kepada (c), disebut 'or' dan di bawah (c) pula dan, 'and' dipakai di situ. Jadi, ada hasrat kerajaan ini untuk hakim-hakim ini harus memakai kehendak-kehendak di bawah (a) atau (b), (c) tetap sudah iaitu membawa, *transporting*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, membawa, hantar dan serah dan syarat yang saya rasa yang di peringkat Dewan Rakyat ini yang telah diujahkan sehingga berlakunya pindaan di peringkat Jawatankuasa, pindaan dalam Jawatankuasa, dan dihapuskan perkataan yang asal, "*the Public Prosecutor certifies in writing to the Court that in his determination*" Itu telah ditiadakan pada peringkat Dewan Negara dan cuma ditambah perkataan "*that*". Seterusnya di bawah 2B, memang dibatalkan langsung cadangan asal.

Jadi, kerajaan mengiktiraf bahawa soal menjatuhkan hukuman ini adalah di peringkat mahkamah. Seperti mana saya sebut di awal tadi ialah kerajaan mengiktiraf dan mengesahkan bahawa kita kerajaan ini tidak akan campur tangan di dalam pengurusan keadilan seperti mana yang di luar sana selalunya kita dikecam dan dituduh bahawa kerajaan ini campur tangan di dalam segala urusan penguatkuasaan. Jelas pindaan ini dan kerajaan bersetuju supaya cadangan pindaan asal ini dibatalkan. Apa yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini ialah tanpa melibatkan *Public Prosecutor* ataupun Peguam Negara.

Saya ucapkan syabas kerana kerajaan mengambil sikap terbuka di dalam isu ini apabila dibahaskan di peringkat Dewan Rakyat, maka isu Peguam Negara ataupun pendakwa raya ini sudah ditiadakan. Jadi, pihak pembangkang tidak boleh kompelin ataupun tidak boleh menuduh kepada kerajaan ini bahawa kita ada campur tangan di dalam pengurusan kes-kes ataupun dalam proses keadilan seseorang seperti mana selalu kita dengar. Selalu kita dikatakan bahawa kita selalu campur tangan dalam urusan-urusan penyiasatan tertentu. Saya rasa Dewan ini jelas bahawa soal campur tangan ini jelas, tiada langsung apabila cadangan pindaan dasar dikeluarkan. Ada di hadapan kami ini Tuan Yang di-Pertua, ialah tiada campur tangan. Jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua minit. Sila gulung.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Panjang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada banyak lagi. Banyak lagi?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Banyak lagi. Saya tidak masuk lagi kes- tidak apa. Saya akan pendekkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya tidak cakap dua minit, *you* tidak akan habiskan. Silakan Yang Berhormat.

■1500

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini juga selari ataupun *parallel*. Saya hendak *quote* kan yang inisiatif oleh kerajaan ini bukan kita berseorangan dalam mengemukakan prinsip undang-undang. Seperti mana saya ingin sebutkan suatu kes yang mana di negara India iaitu satu prinsip dalam kes saya sebut ini Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam apa yang dipakai atau *parallel*, yang selari dengan apa yang kita akan gunakan di Malaysia ini, bagaimana dan apakah prinsipnya.

Di dalam satu kes '*Bachan Singh versus State of Punjab*'- 19802SCC684, di mana Mahkamah Agung- *Supreme Court*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, menyatakan soal *capital punishment* ataupun hukuman mati ini, izinkan untuk saya *quote* kan perkara ini Tuan Yang di-Pertua ialah, "*Made it very clear that capital punishment in India can be given only in the rarest of rare cases.*"

Dalam bahasa yang mudahnya, ia tertakluk kepada seserius, setakat serius mana yang kes itu serius. Ia bukan sewenang-wenangnya, Yang Berhormat Dato' Isa. Ia bukan sewenang-wenangnya *capital punishment* atau hukuman mati ini boleh dijatuhkan. Kecuali nampak betul-betul serius. Mungkin dalam segi isu dadah ini mungkin kandungan ataupun muatan yang terlalu besar, memang pelik, sampai beratus juta nilai. Itu jadi suatu benda yang begitu *rarest* atau benda yang begitu serius sehinggakan melibatkan satu keluarga ataupun itu terpulang kepada dari segi keterangan yang dikemukakan di mahkamah nanti, adakah itu suatu benda yang betul-betul serius.

Jadi, saya rasa ini prinsip yang kita telah *adopt* dan kita terima pakai apa yang diamalkan di India, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila seseorang itu disabit dengan kesalahan 39B, mahkamah tidak ada pilihan melainkan hukuman mati. So, apakah pendapat Yang Berhormat berkenaan dengan akta ini bila seseorang itu dijadikan 'unta' dadah, anak-anak muda kita semua. Pilihan ini yang baik kah tidak?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Bagi saya, cadangan ini cadangan yang baik oleh kerana ia memberi pilihan. Kadangkala ia melibatkan walaupun mereka itu membawa, macam keldai yang disebut oleh pembahas pertama tadi, Yang Berhormat Dato' Hoh iaitu keldai dadah. Ada juga keadaan-keadaan di mana orang yang terlibat itu adalah umurnya terlalu muda, Tuan Yang di-Pertua. Kita harus memberi peluang kepada dia untuk meneruskan kehidupan walaupun di dalam penjara. Kita hormati soal hak asasi iaitu soal nyawa ini bukan soal suatu yang boleh sewenang-wenangnya kita cabut daripada seseorang. Itulah prinsip undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan ini, bahawa kita mengiktiraf dan kita menghormati hak asasi seseorang.

Pemakaian juga untuk pilihan kepada bukan mati mandatori haruslah dipatuhi di bawah fasal 2A yang dicadangkan ini. Ujian ataupun beban yang diletakkan kepada pemilik pilihan di bawah fasal 2A ini cukup ketat juga, bukan senang-senang untuk seorang hakim itu memilih tidak menjatuhkan hukuman mati. Hakim masih boleh menjatuhkan hukuman mati. Akan tetapi apabila dia memilih untuk

tidak menjatuhkan hukuman mati, maka itulah tersebutnya *imprisonment for life* dan rotan tidak kurang daripada 15.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah ditegur untuk mengakhiri perbahasan saya. Walaupun ada perkara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bertanya penjelasan, saya benarkan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak jawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri, tidak boleh lah.

**Tuan Ramli bin Shariff:** *Insyah-Allah* saya harap saya tidak mencerooboh kepada bidang kuasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Saya juga hendak sebut perkara-perkara yang boleh, yang harus di ambil kira oleh hakim-hakim ialah soal faktor-faktor *mitigating*. Iaitu misalnya rekod-rekod jenayah dari segi kapasiti mental seseorang pesalah itu dan juga setakat mana tahap kerjasama dan *cooperation* yang telah diberi kepada pihak penguatkuasaan. Apa usaha, peranan yang dia mainkan di dalam transaksi dadah itu. Di mana transaksi kadangkala yang saya sebut awal tadi ialah soal teraniaya.

Saya rasa mahkamah tidak menganiayai seseorang sebab prinsip hakim di mahkamah di Malaysia ini lebih baik melepaskan seseorang yang bersalah daripada mensabitkan orang yang tidak bersalah. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan ini mengakhiri perbahasan saya dengan menyatakan sokongan penuh kepada cadangan pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Pada Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas ucapan ataupun perbahasan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, kalau hendak cakap perkara yang sama itu, janganlah. Cakap *you* bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli, cukup. Terima kasih, silakan.

### 3.06 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan dengan perbahasan saya, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Masyarakat India kawasan Bukit Bendera, Pulau Pinang ke Dewan Negara dan diharapkan lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tuan, puan, tetamu yang hadir pada hari ini... [Tepuk] Terus kepada perbahasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Pertamanya, hukuman adalah suatu kaedah terakhir bagi mengurangkan jenayah. Hukuman dalam Islam adalah kaedah paling akhir dalam usaha mengurangkan jenayah. Kaedah paling utama, tentu sekali pendidikan untuk membina jati diri dan sahsiah melalui pembentukan akidah bagi umat Islam dan tentu sekali kepercayaan ketuhanan bagi agama-agama lain. Melalui ini, pembentukan etika, akhlak, disiplin, intelek dan sebagainya adalah satu keperluan bagi membendung masalah jenayah.

Kaedah hukuman tidak bertujuan menyakiti pesalah tetapi lebih utama memberi pengajaran dan peringatan kepada masyarakat agar tidak terjebak membuat kesalahan yang sama dan daripada sudut pesalah, agar beliau tidak mengulangi kesalahan. Daripada aspek hukuman mati dalam Islam.

Hukuman mati juga dikenali sebagai hukuman utama ataupun *capital punishment*. Ia merupakan hukuman paling berat berbanding hukuman lain yang dikenakan ke atas pesalah. Ini kerana hukuman ini mencabut nyawa seorang insan yang pada asasnya adalah hak Allah SWT.

Nyawa manusia adalah antara aspek maqasid syariah yang wajib dilindungi, malah nyawa individu dilindungi dalam banyak perlembagaan di dunia ini. Ia tidak boleh diganggu gugat atau dicabuli oleh sesiapa pun tanpa kebenaran undang-undang. Hatta, tuan empunya badan tidak boleh mengambil nyawa sendiri. Maka, hukuman mati hanya dikenakan bagi kesalahan yang kritikal, berat dan juga besar.

Merujuk kepada undang-undang Islam, hukuman mati boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu hukuman mati dalam kesalahan hudud, hukuman mati dalam kesalahan *qisas* dan juga hukuman mati di dalam kesalahan takzir. Bagi kesalahan mengedar dadah, ianya adalah dikira sebagai jenayah takzir dalam Islam, di mana ia tidak termasuk di dalam hudud mahupun *qisas*. Kesalahan takzir ini terdiri daripada sekecil-kecil kesalahan seperti membuang sampah merata-rata sehinggalah seberat-berat kesalahan seperti mengedar dadah.

Manakala bagi hukuman kesalahan takzir ini ialah hukuman yang paling ringan seperti denda RM10, RM20 dan juga hukuman paling berat iaitu hukuman mati. Hukuman mati dan hukuman sebat adalah antara hukuman yang diterima pakai dalam Islam. Perbezaan hukuman sebat syariah. Namun, terdapat perbezaan kaedah hukuman ini dalam Islam. Sebagai contoh, hukuman sebat, pelaksanaan hukuman sebat mestilah disaksikan oleh sekumpulan manusia.

#### ■1510

Firman Allah dalam surah An-Nur ayat dua... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, hendaklah pelaksanaan hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan daripada orang yang beriman. Ini adalah suatu elemen hukuman syariah yang tidak ada di dalam hukuman jenayah sivil dan saya di sini ingin menyarankan supaya berlaku suatu bentuk asimilasi sebat syariah di dalam sebat sivil. Kemungkinan tidak dalam jangka masa pendek tetapi untuk dilihat pelaksanaannya dalam jangka masa panjang. Dalam aspek pelaksanaan hukuman sebat, saya mencadangkan agar ciri-ciri hukuman sebat dalam Islam turut diasimilasikan dalam hukuman sebat kes dadah terutamanya daripada aspek mesti ada sekumpulan orang yang menyaksikan hukuman ini selain daripada pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam prosedur pelaksanaan hukuman.

Kerajaan juga boleh menetapkan lokasi pelaksanaan hukuman rotan selain daripada dilaksanakan di penjara. Aspek saiz rotan, teknik libasan rotan dan bahagian badan yang dirotan juga perlu dilihat semula. Jadi saya kira jumlah bilangan rotan tadi kalau 15 minimum adalah dengan kaedah yang digunakan oleh sebatan sivil pada hari ini, satu rotan pun sudah cukup memadai untuk mencederakan apatah lagi dengan 15 rotan. Jadi mungkin perlu dilihat semula aspek ataupun kaedah pelaksanaan rotan ini. Kemungkinan boleh cuba untuk diasimilasikan.

Seterusnya tujuan hukuman. Tentu sekali adalah untuk mendidik masyarakat dan memberi pengajaran kepada masyarakat umum di samping pengajaran kepada pesalah berkenaan. Maka mekanisme atau kaedah pelaksanaan hukuman mestilah melihat kepada kemaslahatan dan kepentingan umum orang ramai sebagai aspek yang lebih penting berbanding maslahat perseorangan. Objektifnya adalah menghindari orang ramai daripada melakukan kesalahan dengan mengambil iktibar

daripada pelaksanaan hukuman di hadapan orang ramai berbanding pelaksanaan hukuman secara tersembunyi dan sorok-sorok.

Seterusnya saya sebut berkait dengan pengasingan kuasa kehakiman dan eksekutif. Merujuk kepada pindaan seksyen 39B(2) di mana mahkamah hendaklah mengambil kira akan perakuan secara bertulis pendakwa raya di mana tanpa perakuan ini, mahkamah tidak boleh menjalankan kuasanya untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang 15 kali. Bukankah keadaan ini telah mewujudkan elemen kuasa eksekutif yakni di pihak pendakwaan mencampuri dan mempengaruhi kuasa kehakiman secara langsung. Ini telah menjadikan kehakiman sebagai suatu badan yang tidak bebas dalam menentukan keputusannya.

Saya kira sepatutnya prinsip pengasingan kuasa atau *separation of powers* antara kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman ini dimurnikan dan tidak cuba dipengaruhi demi memastikan keadilan terhadap tertuduh. Biasanya bagi tujuan rayuan dan pembelaan terhadap tertuduh, representasi-representasi boleh dibuat oleh pihak pembelaan bagi membolehkan hakim memberikan hukuman yang sesuai dan setimpal.

Sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, menurut perundangan Islam, apabila berlaku kekacauan dan masalah sosial yang tidak dapat diatasi serta boleh mengancam keselamatan dan keamanan awam, sebagai contoh kes-kes pengedaran dadah yang mengancam seluruh masyarakat kita, pemimpin boleh menggubal serta mengenakan undang-undang yang berat ke atas kesalahan tersebut berdasarkan prinsip siasah syariah dan mengutamakan maqasid syariah yang mengambil kira maslahat umum selagi mana ia tidak bercanggah dengan kehendak syarak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Belum balik lagi? Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor. Silakan.

### **3.15 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas laluan untuk saya turut sama bangun dan membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 sebelum ini telah dibentang, dibahas dan diluluskan di Dewan Rakyat di mana hasil pengamatan saya, antara pindaan utamanya ialah rang undang-undang ini bakal memperuntukkan pindaan supaya hakim mempunyai budi bicara dalam menjatuhkan hukuman selain mati mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, fasal yang ingin saya bincangkan di sini di bawah pindaan yang dicadangkan dalam RUU ini bertujuan meminda subseksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Fasal pindaan ini adalah bagi memberi mahkamah kuasa untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 kali bagi kesalahan pengedaran dadah. Namun daripada RUU ini juga, jika mahkamah membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman pemenjaraan seumur hidup dan tidak kurang 15 kali sebatan, mahkamah hanya boleh



mengambil kira mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan baharu 39B(2A), (a), (b) atau (c) yang dicadangkan.

Dalam fasal ini, mahkamah hendaklah mengambil kira akan perakuan secara bertulis oleh pendakwa raya yang mana pada penentuan pendakwa raya, orang yang disabitkan di bawah subseksyen 39B(2) sudah membantu agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aktiviti pengedaran dadah di dalam dan luar negara. Bantuan kepada agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aktiviti pengedaran dadah itu termasuklah pemberian maklumat yang membawa kepada penangkapan, penahanan atau pendakwaan mana-mana orang yang terbabit dengan apa-apa aktiviti pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi cadangan pindaan RUU itu juga, tanpa perakuan secara bertulis pendakwa raya, mahkamah tidak boleh menjalankan kuasa untuk menjatuhkan hukuman terhadap orang yang sudah disabitkan pemenjaraan seumur hidup dan sebatan tidak kurang 15 kali. Walaupun hal sedemikian dinyatakan dalam penerangan 39B(2A), (b) ataupun (c) yang dicadangkan itu wujud, dalam pada itu, RUU itu juga hendaklah terpakai kepada individu yang dituduh namun belum disabitkan di bawah seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh mahkamah.

Namun Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan baru ini tidak terpakai bagi kes yang menunggu rayuan di mana kes itu perlu melalui proses wajar sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan ini bakal memberi sedikit keadilan dan ruang kepada pesalah...

**Tuan Ramli bin Shariff:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat nak celah?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dah bahas.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Ada benda yang saya tak sebut tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat itu, sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Soal yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor, tadi soalnya ialah soal sabitan itu. Ada suara-suara di luar sana memohon supaya walaupun kes itu telah disabitkan dan menunggu rayuan proses-proses berikutnya, diminta juga dipakai dalam soal peralihan *the next* pindaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di apa? Pakai?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Maksud peralihan ini bukan sahaja kepada kes yang telah disabitkan, walaupun dia menunggu proses rayuan. Maksudnya diperluaskan kepada *even* selepas sabitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat setuju?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Okey Tuan Yang di-Pertua, saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan ini bakal memberi sedikit keadilan dan ruang kepada pesalah dadah yang teraniaya.

#### ■1520

Dalam erti kata lain, contoh kes-kes seperti keldai dadah di mana mangsa diperdaya dan hanya melakukan perbuatan membawa dadah untuk mendapat bayaran. Biar pun tidak tahu barang yang dibawa, namun peruntukan hukuman adalah mati mandatori. Ini kerana pindaan itu sebagai cadangan

fleksibel kepada kerajaan iaitu selepas hakim mahkamah menyuarakan mereka sukar menjatuhkan hukuman mati mandatori sekiranya tertuduh atau pesalah tidak patut dikenakan hukuman berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya ini, saya terpanggil untuk menyatakan betapa gejala dadah ini sudah sampai ke tahap yang amat membimbangkan. Begitu ramai anak-anak muda kita terjebak dengan najis dadah ini. Tidak kira kaum. Namun, yang ramainya ialah belia Melayu. Pusat serenti sudah penuh, Agensi Anti Dadah nampaknya masih belum mencapai matlamatnya. Saya secara peribadi setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini bahawa dadah tetap kekal sebagai musuh dan masalah nombor satu negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

#### 3.21 ptg.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017 seperti yang tertera sebagai nombor empat hingga nombor lima di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 18 Disember 2017.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, [Dato' Henry Sum Agong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seksyen 39(2A)(d) telah dikeluarkan. So, tidak payah bahas berkenaan dengan seksyen tersebut. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah, hendak bahas? Silakan.

#### 3.23 ptg.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Minta maaf, tadi dekat luar ukur baju tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya akan bahas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Pertama, saya sokong pindaan rang undang-undang kerana memberi ruang kepada yang disabit kesalahan, yang dianiaya boleh bela diri. Perkara ini memang sudah lama berlaku. Saya dahulu semasa jaga penjara- bukan saya masuk penjara. Saya jaga sebagai pegawai tadbir di Penjara Pudu, Penjara Malaysia. Ada seorang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kena masuk penjara jugalah untuk jaga.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Masuk penjara tetapi sebagai pegawai, bukan sebagai pesalah. Seorang pegawai penjara, dia pergi ke Rantau Panjang. Dia *parking* kereta dia dekat tepi sungai, dia terlupa tutup tingkap cermin kereta. Apabila dia balik, dalam kereta dia ada dadah dan dia di-*report*, dia disabit kesalahan.

Jadi dengan pindaan ini, siapa yang teraniaya akan dapat membela diri. Pada masa ini pun, banyak, kalau di peringkat negara atau antarabangsa, dipanggil keldai. Kalau dekat kampung saya Rantau Panjang itu, banyak budak yang menjadi orang suruhan. "*Tolong bawa beg aku ini.*" Maka dia bawa beg. Tiba-tiba kena tangkap. Apabila tangkap, ada dadah. Polis tanya, "*Siapa punya?*" "*Saya tak tahu.*", dia kata. Sebab dalam beg ini orang minta tolong bawa beg. Sebenarnya dia tahu sebab dia ambil upah. Kalau yang lepas itu, banyak sedikit, Yang tidak lepas itu, memang nahaslah. Jadi kes-kes macam ini dikategorikan sebagai teraniayalah sebab dia tidak tahu apa yang dia bawa itu. Cuma ambil upah. Dia tidak tahu beras kah, dadah kah dalam itu.

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, soal dadah ini saya tengok setiap tahun pinda akta itu dan akta ini tetapi benda itu semakin berleluasa, semakin bertambah. Peruntukan kerajaan banyak hendak biayai pusat dadah ini.

Paling mustahak, pengedar dadah itu. Saya hairan jugalah setiap tahun hukuman gantung, gantung, gantung tetapi akhir-akhir tidak ada hukuman gantung. Senyap dah walaupun disabitkan kesalahan tengok dalam TV keluar bawa dadah satu lori. "*Jika disabit kesalahan, hukuman gantung sampai mati.*" Tengok-tengok ada dekat rumah dah, bebas dah. Jadi saya pun kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, hairan. Satu lori dadah kena tangkap. Saya tak nak cakap soal integriti tetapi dadah, jika disabit kesalahan, hukuman mati. Duduk tidak lama tengok, eh, balik dah, ada di rumah dah.

Jadi saya duduk di sempadan ini, saya jika boleh kena- kalau sekarang menjelang pilihan raya dalam kawasan Parlimen ada *special branch* khas PM 10 orang, jadi kalau boleh yang dadah juga lantik orang khas. Jangan skuad khas. Kalau hendak bendung betul-betul.

Saya hairannya, Tuan Yang di-Pertua, IS, DAISH boleh tangkap, pengedar dadah tidak boleh tangkap. Ini terang-terang ini mengedar dadah ini. IS ini bergerak bawah tanah. DAISH ini kita tidak tahu tetapi ini boleh tangkap. Jadi, kena tengok. Tuan Yang di-Pertua pun hairan saya rasa kalau pengedar dadah- yang budak yang hisap ini tidak boleh buat apa dah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa. Dia kawan atas kawan. Pengedar ini.

Kalau di Thailand, Tuan Yang di-Pertua, Thailand dia tembak mati dah. Thailand dia tembak. Dia tembak, tidak payah dakwa, tidak payah mahkamah. Dah terang-terang dia ini pengedar, tembak. Tempat kita apabila sudah tangkap, saya tidak tahu apa tindakan dan hukuman selepas itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Polis kita ikut undang-undang. Dia tidak tembak. Kita tangkap, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sebab itu di Thailand, Tuan Yang di-Pertua, pengedar tidak ada. Tahu pengedar, tembak. Penghisap dadah apabila terlalu ramai sangat, saya difahamkan dia muatkan atas helikopter, dia tendang dalam laut sahaja. Kalau penghisap dadah ini kalau masuk dalam pusat serenti pun, keluar esok- hisap rokok pun tidak boleh tinggal, inikan dadah pula. Jadi, saya tengok kena buat sesuatu. Kerajaan kena buat sesuatu untuk membolehkan mengurangkan.

Saya tengok sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, didikan agama budak-budak tidak ada. Didikan agama peringkat awal lagi tidak ada. Kalau orang Islam ini, tidak tahulah, anak saya sendiri sekarang saya baru *appoint* lantik tok guru baca Quran untuk ajar Quran. Ini Al-Quran tidak tahu baca- *al-Fatihah* tidak tahu. Sembahyang pun tidak tahu. Sebab itu dia boleh hisap dadah, ubat nyamuk pun dia makan, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak ada didikan agama. Sebab itu dia boleh naik motor dia boleh duduk meniarap, duduk menelentang atas motor sebab bagi dia mati itu *nothing*, tidak ada apa. Sebab tiada didikan agama. Kena peringkat awal lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita main pinda akta macam ini pun tidak jadi. Hukum apa pun dia tidak kisah, saya ingat budak-budak sekarang ini, sebab dia tidak tahu mati itu apa, hidup itu apa. Dia tidak tahu. Kita *duk* marah dia mati kena langgar kereta, mati dilanggar lori, kita yang rasa. Dia tidak ada apa sebab dia tidak ada didikan. Sebab itu dia boleh hisap dadah boleh sampai koma, Tuan Yang di-Pertua. Jumpa dalam parit, dalam longkang sebab dia tidak tahu apa. Dia tidak tahu apa itu kehidupan, dia tidak tahu.

Jadi kalau bolehlah, kerajaan sebelum *duk* tangkap pengedar dan penghisap ini, didikan agama awal-awal. Saya tengok kurang didikan, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak tahu apa itu kehidupan. Dia tidak tahu apa- budak sekarang ini. Kita yang *duk* runsing, *duk* gerun tengok naik motor congekklah, lompat motor itu macam kapal terbang, lompat kereta. Dia tidak ada apa. *Nothing* pada dia. Kita sahaja.

#### ■1530

Jadi puncanya di situ Tuan Yang di-Pertua. Kita semua sibuk hari-hari, anak kalau bagi orang Islam hendak sembahyang macam mana Al-Quran pun tidak tahu. Kita *dok* marahkan anak, yang salah kita, didikan agama kurang Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah mengedar dadah ini kalau kita tidak buat langkah di peringkat awal lagi Tuan Yang di-Pertua, *you* buatlah berapa bilion bajet pun tidak akan selesai. Masuk jel masuk jel lah, masuk jel sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya jadi pegawai penjara dulu, dalam jel pun ada dadah Tuan Yang di-Pertua, mengedar dadah.

Beli mana? Saya hairan macam mana dia boleh beli dadah, ada duit. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua bila pergi penjara itu, pergi bicara mahkamah itu saudara mara pergi bagi duit, balik dekat penjara. Duit itu dia telan, kita yang biasa ini hendak telan biji rambut pun takut Tuan Yang di-Pertua, takut lekat dekat tekak. Dia duit RM400, RM500 dapat telan Tuan Yang di-Pertua, telan dan berak keluar duit. Dalam mesyuarat bawa keluar duit, busuk tahi. Itu sebagai *evidence*. Beli yang mengedarnya siapa? Yang mengedarnya orang dalam penjaralah sebab itu saya hendak lantik skuad khas, AADK atau narkotik kah biar ada skuad lain tengok dan pantau. Pantau atas pantau baru jadi.

Kalau kita terus bagi kepada orang berkenaan saya bimbang-bimbanglah Tuan Yang di-Pertua, takut mana tahu bukan semua sebab ini manusia, kadang-kadang kesempitan duit kah, sebab banyak polis-polis yang ditangkap kerana bersubahat, ada. Kita pernah tengok keluar TV ditangkap, jadi saya kalau boleh biar ada pantau atas pantau. SB khas pula kalau betul-betul hendak hapuslah. Kalau tidak,

bazir duit sahaja keluar peruntukan-peruntukan, pinda akta itu, tiap-tiap tahun pinda akta. Benda yang sama.

Kalau hendak benda ini betul-betul *ending*, hendak hapus itu payah sikitlah. Kalau hendak mengurangkan boleh buat, Tuan Yang di-Pertua. Cari kaedah-kaedah yang membolehkan kalau hendak bawa masuk dadah daripada Thailand itu pun biar ada satu langkah kawalan yang strategik untuk membolehkan kemasukan dadah itu berkurangan dan belia-belia kita ini didik agama di peringkat awal. Ibu bapa jangan sibuklah, kalau ibu bapa *dok* sibuk ke hulu ke hilir dan anak ramai terbiar ini yang menjadikan- Oh! Tahan buat akta lah, tahu hukum. Sekarang ini budak hukum mati biasa sahaja, tidak ada apa. Akan tetapi hendak kata hukuman mati pun sudah lama tidak dengar hukuman mati gantung kerana kes dadah ini.

Jadi dengan pindaan ini, harapan yang teraniaya itu boleh terbela. Oleh sebab kadang-kadang kalau dekat rumah pun Tuan Yang di-Pertua, pintu tidak tutup, malam orang letak dadah di rumah. Dia *report* polis pergi tangkap situ. Oh! Padan mewah pun, padahal kita bukan pengedar dadah tetapi dilihat dianiaya. Jadi dengan pindaan ini yang teraniaya akan terbela dan saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya biar ada skuad khas daripada JPM untuk memantau betul-betul supaya dadah ini terkawal dan pengedar dadah ini biar serius, sungguh-sungguhlah. Saya tidak salahkan penghisap dadah ini, tidak salahkan penghisap, pengedar itu yang salah dan pengedar ini macam saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, IS, Daish ini payah hendak tangkap sebab pergerakan dia itu tidak ada buat apanya, buat fahaman.

Cuma dia dapat gajilah, dapat elaun dapat duit tetapi tidak tahu boleh tangkap. Jadi saya minta kerajaan biar betul-betul praktikal dalam perkara ini supaya masalah ini betul-betul serius. Jangan *dok* pinda akta, pinda akta itu, pinda akta ini, benda sama. Jadi kalau betul serius, buat cara serius, lantiklah skuad khas untuk membendung kemasukan dadah dan boleh intip pengedar dadah supaya benda ini betul-betul terkawal dan belia-belia kita di masa hadapan terjamin hidupnya Tuan Yang di-Pertua. Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

**3.35 ptg.**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pihak termasuk SUHAKAM dan Majlis Peguam Negara di atas peranan yang dimainkan dalam usaha memansuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati ke atas pesalah-pesalah dadah. Apa yang penting dalam usaha tersebut, soal, dengan izin, *political will* yang diperlihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Sejurus dengan itu, kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini telah pun sampai ke peringkat untuk membuat keputusan yang bijak dalam memansuhkan hukuman mati mandatori terhadap pesalah-pesalah terlibat dengan kes dadah. Keputusan Parlimen untuk memansuhkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan mansuhkan, dia pilihan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Ya, *sorry*. Hukuman mati mandatori ini merupakan satu lagi catatan sejarah di negara ini. Ia merupakan satu lagi kemerdekaan dan pembebasan daripada era kegelapan zaman Tun Mahathir Mohamad semasa beliau menjadi Perdana Menteri. Satu pindaan akta telah dibuat pada tahun 1983, di mana mahkamah tidak lagi mempunyai pilihan selain mengenakan hukuman mati mandatori tanpa mengira tahap kesalahan dari segi kuantiti dadah yang dibawa, dengan izin, *merit of the case of one special circumstances*.

Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu sensitif serta prihatin terhadap tuntutan zaman dengan mengembalikan kuasa budi bicara sepenuhnya kepada para hakim iaitu, dengan izin, *empowerment of the judges*. Justeru, saya juga amat optimis bahawa pindaan ini juga akan diguna pakai secara retrospektif ke atas pesalah-pesalah yang sedang menunggu hukuman mati mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, sekian lama kita berasa serba salah apabila dunia luar melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang terlalu positif dalam mempertahankan hukuman mati mandatori walaupun dalam masa yang sama kita bersedia berbelanja tinggi untuk menerapkan nilai-nilai murni seperti belas kasihan dan perikemanusiaan yang berlandaskan kepercayaan agama dan budaya di negara ini.

Namun demikian, usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memansuhkan hukuman mandatori mati ini. Namun Majlis Peguam Negara dan pihak pembangkang bersikap prejudis dan tidak berani menyuarakan sokongan mereka terhadap langkah berani yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Ini jelas menunjukkan sikap pihak pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan yang tidak jujur. Mereka hanya suka membidas, dengan izin, *at every opportunity* dan tidak mempunyai sifat kesyukuran ataupun berterima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan terhadap hukuman mati mandatori ini perlulah dilihat secara holistik dan bukan sahaja kes-kes yang melibatkan pesalah-pesalah dadah berbahaya kerana hukuman mati mandatori adalah sesuatu yang mencabuli hak asasi manusia iaitu seperti mana yang terkandung dalam Pernyataan Umum tentang Hak-hak Asasi Manusia ataupun *Universal Declaration of Human Rights* di mana, dengan izin, *the right to life* merupakan salah satu hak asasi manusia yang paling utama yang tersenarai dalam dokumen tersebut.

Seiring dengan 141 negara yang telah pun memansuhkan hukuman mati sama ada dari segi perundangan mahupun secara amalan, adalah menjadi kewajipan kita bersama untuk menerima baik cadangan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori terhadap pesalah-pesalah dadah di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

### 3.39 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Akan tetapi sebenarnya saya ada dua isu ya. Satu isu pokok. Kalau kita tengok pindaan sebenarnya dia ada cuma dua seksyen sahaja.

## ■1540

Akan tetapi kalau dari segi pokok, kalau kita tengok pindaan-pindaan ini, ia balik kepada *situation* sebelum April 1993. Fasal hukuman mandatori cuma *start* pada bulan April 1983. Dia balik kepada senario tahun 1975, di mana hakim ada pilihan untuk itu. Sebenarnya dia bukan dihapuskan. Cuma dia ada pilihan seperti yang telah dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi penambahbaikan, saya tengok ada sedikit penambahbaikan walaupun hukuman mandatori itu masih ada. So dari segi pokok ini saya tengok akta ini, dia masih bercanggah dengan *independence of the judiciary*. Fasal masih ada, walaupun ada pilihan. Maksud saya bila ada pilihan itu, dia cuma ada dua saja pilihan, sekarang kalau kita tengok. Satu kalau kita tengok dari segi *independence of the judiciary* atau *ingredient fare trial* atau *ingredient* untuk *sentencing, consideration* untuk *sentencing* ialah hakim perlu ambil *consideration*. Bukan saja mengenai kesalahan tetapi *the circumstances leading to the offence* dan juga *offender*. So dari segi itu *I feel* masih ada kelemahan dalam akta itu. Masih ada mandatori dari skop ini.

Akan tetapi pada petang ini saya lebih hendak fokus kepada dua pindaan. Satu pindaan saja yang dicadangkan. Selepas pindaan jawatankuasa. Saya akan sentuh 2(a)(d). 2(a)(d) itu masih ada dalam pindaan. Cuma beberapa kuasa DPP, ayat-ayat berkenaan DPP semua telah di- bila I tengok 2(d)4 yang sekarang ini, saya sebenarnya ada dua, tiga soalan.

Pertama ialah 2(d) sekarang, siapa yang akan menentukan sama ada orang yang disabitkan dengan kesalahan itu telah membantu agensi-agensi penguatkuasaan. Ini penting fasal bila dia hendak buat pilihan antara hukuman penjara seumur hidup itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ulang balik?

**Tuan Chandra Mohan A/I S. Thambirajah:** D itu, soalan saya. Siapa yang akan menentukan. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, sekarang (d) ini ayat dalam (d) ini, banyak lepas dia buang ayat lepas *amendment* ialah *that the person convicted* ini, dengan izin ya- "*That the person convicted has assisted an enforcement agency in this refute, in this rafting trafficking activities within outside Malaysia. So that he has assisted enforcement agency.*" So soalan saya, siapa yang akan menentukan? Fasal dia banyak *enforcement agency*. Sama ada yang akan menentukan mahkamah atau *enforcement agency*. *That means* dia bagi satu *declaration* kepada mahkamah. Orang yang bersalah ini telah *assist* kita. Itu satu, siapa yang akan menentukan.

Soalan yang kedua ini, bila dia hendak menentukan orang itu telah bantu. *At what stage?* Maksud saya, *at what stage* ini, sama ada semasa *charge* itu di- *draft*. Dia sudah ambil *consideration* orang ini telah membantu *at the stage of drafting the charges which I* rasa tidak boleh.

*If not at the stage of drafting the charges, adakah that consideration* akan buat semasa *case management, possible* semasa *kes management* ataupun semasa *hearing*. Akan tetapi isu saya dengan *hearing* ini, *consideration* itu tidak akan di timbul oleh DPP. So kalau tidak di timbul oleh DPP, kena ditimbul oleh *defence lawyer* tetapi *defence lawyer* dia tidak ada *evidence that* pesalah ini telah bantu agensi penguatkuasaan. So soalan saya *just this two focus*. Siapa akan menentukan dan bila dia akan menentukan tapi *in principal*, saya masih tidak setuju dengan Akta Ibu *because* dia masih mengandungi *that sentencing*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Khairul Azwan, silakan

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak panjang, cuma sedikit. Akan tetapi selepas mendengar Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim berbahas, perbahasan saya jadi lebih pendek. Tinggal dua minit saja- pasal *Abe Lah* sudah pakai *point* saya semua.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lah. Kalau bagi nama lambat, Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal lagi teruk. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak panjang. Pendek saja. Saya mendengar perbahasan dari pelbagai ahli Dewan Negara tadi. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan juga Tuan Chandra Mohan A/I S.Thambirajah. Saya pendekkan Tuan Yang di-Pertua.

Merujuk kepada seksyen pada rang undang-undang ini iaitu 2(c) yang jelas menyebut agensi-agensi penguatkuasaan, antaranya PDRM termasuk juga *Royal Malaysian Customs Department*. Macam-macam dan yang penting sekali, nama yang paling jelas yang paling relevan dalam perundangan ini adalah tidak lain dan tidak bukan, agensi Antidadah Kebangsaan, *National Anti Drug Agency*.

Saya mendengar pada perbahasan Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah tadi. Apabila agensi-agensi ini dilihat di bidang eksekutif. Apabila mereka ini bekerja untuk mengumpulkan pembuktian, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini juga adalah badan yang akan menyiasat dan akan bergerak seluruh pelosok negara termasuk di sempadan-sempadan kita. Pertama, saya ingin lihat keupayaan setiap agensi ini mesti ditingkatkan. Berbalik kepada perbahasan saya pada hari Isnin yang lalu.

Ini kerana saya lihat, banyak badan-badan yang ada, *the enforcement agency* sekarang ini masing-masing mempunyai tugas yang berat. Antaranya PDRM juga mempunyai tanggungjawab untuk menangani jenayah-jenayah yang lain. Apatah lagi Kastam Diraja, *Maritime Enforcement Agency* dan juga agensi-agensi yang lain. Perlu ada komitmen dan juga usaha yang khusus daripada pihak kerajaan untuk kita menjamin Akta Dadah Berbahaya ini boleh kita benar-benar dukung dengan satu semangat yang tinggi untuk menangani gejala dadah yang semakin berleluasa ini.

Makanya agensi ini perlu dinaiktarafkan dan diberi keupayaan kerana apabila mereka ini menyampaikan informasi serta pembuktian kepada *public prosecutor*, informasi serta maklumat-maklumat itu adalah maklumat-maklumat yang tepat dan yang paling saya kira relevan dan paling *justifiable*, Tuan Yang di-Pertua dengan bukti-bukti yang ada. Ini supaya apabila mereka ini mencadangkan kepada *Public Prosecutor* keputusan yang dibuat oleh *Public Prosecutor* apabila menulis kepada pihak mahkamah, maka itu adalah berdasarkan kepada *findings*, penemuan, *discoveries* yang adil dan yang tepat Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, selepas ini, InsyaAllah apabila kita semua setuju untuk menyokong kelulusan akta ataupun rang undang-undang ini, maka kalau boleh diwujudkan juga satu panel yang bebas, Tuan Yang di-Pertua untuk melihat *findings* yang akan dikemukakan oleh agensi-agensi ini kepada pihak *Public Prosecutor*.



Kita ada sebagai contoh di Suruhanjaya Pencegah Rasuah, ada beberapa panel bebas yang diwujudkan untuk melihat siasatan-siasatan yang dibuat oleh SPRM sendiri. Maka saya rasa memandangkan banyak agensi-agensi kerajaan yang terlibat, dengan PDRMnya dengan AADKnya untuk mengangkat kertas-kertas siasatan mereka ini kepada pihak *Public Prosecutor*, mungkin molek dan elok di wujudkan satu panel bebas. Supaya apa yang dibangkitkan oleh Senator Hajah Khairiah tadi betul juga. Kita hendak lihat *the separation of-* badan-badan dalam kerajaan ini jelas dia punya *separation of powersnya*. Maka badan yang bebas itu mesti ditubuhkan dengan dianggotai oleh mereka-mereka yang mempunyai kredibiliti dan bebas daripada mana-mana pengaruh politik ataupun *the judiciary*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka saya haraplah dengan cadangan yang saya bangkitkan itu boleh diberikan perhatian dan saya secara peribadi amat menyokong Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya ini kerana inilah satu testimoni sikap progresif kerajaan.

#### ■1550

Mana undang-undang yang lama yang perlu diperbaiki, yang perlu di naik taraf kita buat kerana kita percaya masa itu berubah dan keperluan masyarakat juga berubah. Saya ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang hadir hari ini untuk mendengar dan *insya-Allah* dengan persetujuan yang akan kita kemukakan selepas ini saya yakin dengan komitmen yang ada, akta ini akan dapat membantu kerajaan untuk menangani masalah gejala dadah yang semakin berleluasa dalam negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Akta Dadah Berbahaya ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Siti Aishah.

#### 3.50 ptg.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang yang kedua, sebenarnya tadi saya uruskan pegawai peribadi saya yang baru sedar daripada penyakitnya. Akan tetapi terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kerana memberikan saya peluang.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua dalam isu dadah ini kita tahu dadah ini adalah isu yang paling dekat dengan masyarakat sekarang. Kalau kita bercakap soal apa pun ibu bapa dia akan tahu bila anaknya ada masalah sosial dia akan ambil pendekatan bahawa isu pertama dia akan fikir ialah dadah.

Jadi saya hendak bertanya beberapa persoalan sahaja, tidak panjang pun Tuan Yang di-Pertua, hanya ringkasan. Pertamanya dalam isu ini saya hendak tahu seandainya kita menetapkan hari ini kita menyokong usul ini berjalan, pendakwaan-pendakwaan yang sebelum ini adakah dia akan terpakai ataupun hanya pendakwaan-pendakwaan baru? Maknanya selepas akta ini disokong dan dibuat barulah ia terpakai ataupun melingkupi pendakwaan-pendakwaan yang sedang berjalan dan yang sebelum ini, itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit bimbang sebenarnya bila kita dilihat melonggarkan sedikit syarat ini walaupun itu adalah budi bicara yang kita beri kepada pihak hakim. Ini

kerana sebelum ini kita memberikan hukuman gantung ataupun bebas tetapi kita ada empat *choices* sekarang termasuk sebat dan juga penjara seumur hidup.

Kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah *consistency* kita dalam menyampaikan mesej kita kepada masyarakat luar. Ini kerana saya bimbang apabila kita mengatakan bahawa ada sekarang ini hakim diberi kelonggaran sedikit, token-token besar di luar sana dia tarik nafas lega. Maknanya kalau sebelum ini dia seludupkah, dia buat apakah, dia tahu dia hanya ada dua pilihan, satu bebas, satu ke tali gantung. Akan tetapi sekarang dia ada satu lagi pilihan iaitu seumur hidup dalam penjara.

Jadi saya khuatir kalau mesej itu kita tidak sampaikan secara betul kepada masyarakat, ini akan melahirkan ramai lagi keldai-keldai dadah di luar sana dan yang paling saya bimbang ialah anak-anak kita yang di peringkat juvana ini yang akan diguna pakai oleh mereka ini untuk meneruskan agenda mereka menjual dadah, seludup dadah dan sebagainya.

Jadi saya minta perincian daripada peringkat kerajaan, kementerian, bagaimana mesej ini akan disampaikan kepada luar sana yang kementerian hendak beritahu kepada masyarakat kerana saya rasa perlu ada ketegasan dalam isu ini bahawa bukanlah dengan mewujudkan penjara seumur hidup itu kita memandang remeh kepada isu dadah, tidak. Maknanya mesej itu perlu tegas di luar sana, kamu buat kerja dadah tali gantung menunggu kamu. Jadi saya hendak tanya yang keduanya itu ialah soal bagaimana kita akan menyampaikan mesej ini kepada masyarakat.

Ketiga yang akhir itu Tuan Yang di-Pertua ialah bila saya bercakap soal juvana ini, kategori-kategori kesalahan sebab sekarang Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat budak-budak muda malahan yang dalam persekolahan. Saya berkongsi sekolah anak saudara saya di Perak sendiri pun, pil 'ice' ini berlegar-legar di kalangan mereka walaupun masih lagi di Tingkatan 1 dan Tingkatan 2.

Jadi saya sangat khuatir apa pendekatan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan mereka-mereka ini yang pesalah-pesalah juvana ini sebab ada di kalangan mereka ini dia masuk itu dia kata tidak apa, dia masuk sekejap sahaja, esok dia keluar. Jaminan yang selalu token-token ini bagi, "*Tidak apa kamu buat kerja, kamu masuk, aku jaga keluarga kamu*". Jadi mereka pun rasa selesa walaupun mereka terpaksa di penjara. Akan tetapi inilah mesej yang berlegar di kalangan anak-anak muda juvana ini, "*Walaupun kamu masuk penjara tetapi kehidupan keluarga kamu di bawah jaminan kami*". Akhirnya bila dia keluar dia akan buat perkara yang sama berulang-ulang.

Jadi saya hendak tahu di pihak kementerian, kategori-kategori kesalahan di bawah Akta Dadah ini kalaulah budi bicara hakim itu dijadikan asas, apa yang membolehkan hakim itu berfikir bahawa seseorang itu boleh ke tali gantung? Seseorang itu boleh dipenjarakan seumur hidup dan seseorang itu boleh dikenakan hukuman sebat dan sebagainya. Saya minta perincian kategori itu. Itu sahaja saya kira Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberikan peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya harap pembantu Yang Berhormat itu akan sembuhlah. Silakan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

**3.55 ptg.**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak panjang, sekejap sahaja. Kita punya dadah menjadi musuh diisytiharkan hampir sudah 34 tahun tetapi

masih lagi menjadi musuh nombor satu. Walaupun dikategorikan siapa yang terlibat dengan dadah atau pengedar ini akan dijatuhkan hukuman mandatori.

Fasal dadah ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak tanya banyak cuma saya hendak tanya satu, dua perkara kepada pihak kerajaan, apakah jaminan masa depan negara amnya bila RUU Dadah Berbahaya ini dilaksanakan kepada negara? Begitu juga apakah jaminan kepada masyarakat? Ini kerana hari ini dadah macam tidak ada orang takut dengan undang-undang ini. Hari ini punya dadah boleh membunuh anak, isteri, ibu bapa, rakan dan sebagainya kerana dadah-dadah sekarang ini begitu dahsyat, dadah-dadah jenis sintetik ini.

Jadi kalau kita tengok undang-undang ini, RUU ini saya menyokong tetapi saya hendak tahu apa kesan akan datang bila kita punya undang-undang ini dilaksanakan? Ini kerana 34 tahun kita masih lagi gagal akhirnya kita terkebelakang daripada pengedar-pengedar ini. Pengedar-pengedar ini pula selalunya dia tidak pernah saya nampaklah yang dahsyat-dahsyat, yang jahat-jahat ini yang edar, token besar-besar ini, dia tidak pernah dapat macam- hukumannya kita tidak tahu. Dia ini lepas kah kerana duit. Saya tak nak tuduh siapa tetapi bila ada undang-undang ini diubah ataupun diperbetulkan yang kita bincang ini, saya hendak tanya sama ada hakim punya kekuatan, keberaniannya. Kalau yang teraniaya okey, kalau yang benar tetapi dia jatuhkan kepada yang teraniaya kononnya dia ini teraniaya, bagaimana?

Sejauh mana hakim itu dia punya kekuatan untuk memastikan ini betul-betul memang pengedar yang besar tetapi dia hendak buat macam mana, sejauh mana keberaniannya? Jadi saya tidak mahu berbahas banyak tentang dadah ini kerana semalam *accident* di Perak orang kena dadah jenis sintetik ini. Dia langgar satu keluarga ini, PA kepada Exco Negeri Perak, mati tiga orang. Lori dia boleh masuk *lane* yang bertentangan dengan dia dan bila polis siasat dia positif dadah dan mungkin dia rasa itu *lane* dialah itu. Dia punya laluan, sampai macam itu dia punya dahsyat dadah ini.

Begitu juga, minta kepada pihak kementerian tolonglah kerjasama, memang ada kerjasama tetapi kita hendak dadah ini dapat penjelasan jelas kepada budak-budak di sekolah. Ini kerana apabila mereka keluar sahaja sekolah mereka dibekalkan dengan ilmu pendidikan tetapi ilmu jati diri, ketahanan diri ini tidak ada. Jadi dia ditembusi oleh perkara-perkara seperti yang kita bincang. Sekarang ini gula-gula yang berunsur dadah telah pun diberikan kepada budak-budak untuk membawa ketagihan dan untuk mendapatkan *market* mereka.

Jadi saya harapkan saya punya persoalan satu itu, cuma saya risau kerana sedangkan hukuman tembak kah, mati kah, apa kita buat pun kita tidak boleh *control* ,apakah ini boleh menyebabkan keadaan menjadi lebih baik? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, memerangi dadah ini bukan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri yang membuat penggulungan undang-undang. Bila perbincangan isu dadah ini boleh bawalah kepada Kementerian Dalam Negeri, tetapi kita terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Sekarang yang akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**3.59 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas RUU Dadah Berbahaya 1952. Pokok persoalannya Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sekarang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap ya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**■1600**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terusakan.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan tadi undang-undang yang ada sekarang ini dengan tambahan yang hendak dibuat saya tidak mahu melihat secara *detail* tetapi saya hendak melihat secara *general*-nya, secara buruk baiknya undang-undang ini kepada kita sekiranya ianya diimplementasikan.

Cuma terlebih dahulu saya hendak bertanya kepada kerajaan, kepada kementerian, apakah undang-undang ini dibuat kerana kita merasakan dengan pindaan ini maka anak-anak kita akan terjamin daripada *pusher-pusher* yang ada sekarang ini sebab kita tengok dengan ada undang-undang *death penalty* ini pun, peningkatan demi peningkatan berlaku dan telah pun *penetrate* atau memasuki sekolah angkatan tentera, polis dan sebagainya. Ini dalam keadaan sekarang ini, dalam keadaan kita kata *death penalty*. Kita naik MAS, MAS dalam borangnya pun *death penalty*, dalam pengumumannya pun *death penalty* tetapi peningkatan masih berlaku.

Apakah kita hendak menukar undang-undang ini kerana kita bimbang dengan *human rights* yang sentiasa menyatakan bahawa kita tidak praktiskan *human rights* di negara kita? Mari kita lihat, *you will be sentenced*, dengan izin, *you will be sentenced in Malaysia- to death in Malaysia if you are caught with a little as 200 grams of drugs, that is about 2/3 can of CocaCola*. Dia perli kita. Di Malaysia dia kata tuan-tuan boleh mati sekiranya ditangkap kalau ada dua pertiga daripada *can CocaCola* tersebut. Ini sekiranya kita bawa dadah yang boleh dibuka, yang boleh dianalisis oleh makmal tetapi kalau dadah sekarang jenis NPS iaitu *non-psychoactive substance*, memang sudah kita hendak bukti Tuan Yang di-Pertua.

*So far almost half of the execution in Saudi Arabia are for drugs crime.* Dia cerita di sini dia kata ada juga penyalahgunaan *death penalty* ini untuk perkara-perkara lain yang berlaku di *Saudi Arabia*. Saya melihat angka-angka yang *execute*, yang mengambil tindakan *death penalty* ini. Antara tahun 1999 hingga 2014, di Indonesia tujuh orang sahaja. Iran, saya ambil Iran kerana saya melihat Iran sebuah negara Islam. Tahun 2008 di bawah 100 orang tetapi meningkat *first quarter* selepas 2015 kepada 241 orang.

Akan tetapi saya melihat juga angka di Iran sama ada dengan begitu banyaknya mereka yang telah dihukum mati, apakah angka dadah itu turun, tidak juga Tuan Yang di-Pertua, angkanya masih meningkat. China, *for the first month of 2014*, dengan izin, 8,000 orang. Pakistan setakat ini 8,000 orang sedang menunggu keputusan sama ada hendak digantung atau tidak.

Jadi kalau kita lihat daripada angka-angka ini dan negeri-negeri yang saya katakan tadi, trend dadah di dalam negara mereka masih lagi meningkat. Jadi sebab itu saya bertanya kepada kementerian, kita buat ini apakah kita ini di-*pressure* oleh *human rights* ataupun setelah kita mengkaji, beberapa kajian yang dibuat yang menyatakan bahawa kita kena buang *death penalty*, bukan buang *death penalty* ini, kaji balik supaya hakim dapat membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak cerita bab dadah ini memang banyak seperti mana rakan-rakan saya kata tadi tetapi punca yang dibuat kajian, itu yang mustahak Tuan Yang di-Pertua. Punca yang dibuat mengapa manusia ini, mengapa anak-anak kita ini ingin terlibat sangat dengan dadah itu, nombor satu sekali yang paling atas, yang paling wahid ialah pengaruh kawan. Jadi maknanya orang-orang yang menjual dadah ini dia tahu anak-anak kita berkawan dengan siapa. Maka mereka akan import anak-anak yang sudah mengambil dadah ini yang menjadi *pusher* mereka ini supaya berkawan dengan anak-anak kita. Maka anak-anak kita akan terlibat. Ini yang dilihat oleh mereka.

Kalau kita masukkan mereka ke dalam mahkamah, tiba-tiba dilepas keluar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, maka mereka akan keluar dan mereka akan fokus kepada anak-anak ini, yang berkawan ini. Yang dibuat kajian, tiga kajian yang saya lihat, semuanya menyatakan pengaruh kawan mengatasi segala perkara-perkara lain seperti perasaan ingin tahu. Anak-anak kita ini hendak tahu macam mana rasanya ganja. Saya dulu pun ingin nak tahu bagaimana rasanya ganja. Sampai dah umur tua, bawa anak saya ke *Amsterdam*, bagi makan ganja, kuih ganja, kulat ganja, semua makan, cuba kalau sudah hendak tahu sangat. Muntah mereka di situ Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya kata ganja yang anak-anak kita terlibat.

Jadi bila mencuba ini mereka akan, sama ada mereka akan menerus mencuba dan selepas itu mereka akan terus kepada proses ketagihan. Ketiga, untuk menyeronokkan. Mereka hendak ambil dadah ini kononnya kajian dibuat untuk hendak menyeronokkan, untuk bersuka-suka, untuk merasa gembira. Apabila kita makan dadah ini kita khayal. Jadi bila hendak menyeronokkan tentu sekali orang-orang yang menjual dadah ini mereka melihat siapa yang suka seronok ini. Maka mereka akan pergi tempat yang seronok, tidak datang ke Dewan ini, Dewan ini tidak seronok, *boring*, sejuk dan sebagainya.

Mereka akan pergi ke pub-pub, disko-disko dan tempat-tempat sekolah yang mana anak-anak kita bergembira kadang-kadang tanpa kita mengetahui. Apabila penjual-penjual dadah ini ke sekolah-sekolah, ke pusat-pusat disko, kita tangkap mereka, apakah kita hendak mengkaji lagi sama ada mereka ini hendak dihukum bunuh, apabila anak saya, anak tuan-tuan, anak pak ngah, anak pak long, anak pegawai-pegawai yang ada di belakang sana dah terlibat, kita buat kajian. Tiba-tiba hakim pada hari itu *mood* tidak baik, dia hukum gantung, *Alhamdulillah* lah orang yang menjual kepada anak kita. Hakim manusia seperti kita juga, hakim manusia seperti kita juga.

Pengaruh lagi katanya tekanan jiwa. Apabila tekanan jiwa kita, penjual-penjual dadah ini dia tahu 'Halimah dengan Halim' telah bercerai, ada anak lima, dia tahu dalam rekod dia sebab dia menjual dadah. Yang Berhormat-Yang Berhormat, menjual dadah sahaja dalam satu tahun, *United Nations* telah mengeluarkan angka *annual global drug trade is worth around USD435,000,000. Cocaine alone USD84 billion, favourite drugs*. Jadi maknanya mereka ini yang di dalam golongan yang mendapat duit

USD435 bilion ini melihat 'Halim dan Halimah' sedang bergaduh untuk bercerai, anak tiga. Maka mereka akan masuk...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan Halim saya ya? [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Bukan Tuan Yang di-Pertua tetapi Tuan Yang di-Pertua hendak cuba pun boleh juga. Jadi mereka akan masuk. Katalah mereka ini ditangkap, bawa ke mahkamah. Setelah proses di mahkamah tersebut, di dalam dadah tersebut dimasukkan satu *chemical* yang tidak ada di dalam senarai. Saya hendak tanya kepada kementerian, apa akan berlaku? Dalam dadah yang dikategorikan sebagai dadah, tiba-tiba ada satu *chemical* lain yang baru yang dimasukkan dalam dadah itu.

#### ■1610

Apakah orang ini juga akan dihukum? Tidak kiralah hukum mati kah, hukum penalti, hukum denda dan sebagainya. Akan tetapi apakah dia ini akan dihukum? Jangan sampai anak 'Halim dan Halimah' merebak kepada anak-anak kita. Ini tekanan jiwa, rangsangan dan menahan sakit. Menahan sakit ini mungkinlah bagi seorang askar. Kadang-kadang apabila *training* yang berlebihan- saya pergi berceramah, dan saya bertanya kepada mereka, kenapa ambil dadah? Kadang-kadang mereka kata *training is too hard*. Terlampau kuat, terlampau *pressure* di tempat *training* itu yang membuatkan mereka terpaksa dan kadang-kadang *constrain* kerja. Semasa saya tidur dengan seorang penagih dadah di Kedah, dia kata dekat saya dia askar, dia kerja bahagian radar, dia tengok radar- 24 jam dia tengok radar, *stress*, maka dia mengambil dadah.

Pertama kali, okey. Kedua kali, okey. Ketiga kali, sudah mula ketagihan. Keempat, kelima, keenam, maka dia akan menjadi seorang penagih dadah yang akhirnya dikatakan dalam kajian ini, mereka yang suka mengambil dadah ini adalah tidak sengaja. Tuan Yang di-Pertua, tidak sengaja. Tidak sengaja ini banyak berlaku di sekolah-sekolah. Anak-anak kita yang sekarang ini dijual berleluasa seperti mana menjual coklat, *sweets* kepada anak-anak kita yang kita pun tidak tahu.

Kadang-kadang pil yang datang pun kita tidak tahu. Bermacam-macam pil yang sama juga dengan pil-pil yang lain. Kita tidak tahu NPS ini, yang tiruan, *designer drugs* ini yang kita tidak tahu bentuk dan isinya, warnanya menarik. Apa akan jadi kepada anak-anak kita yang tidak tahu langsung, yang tidak sengaja mengambil barangan yang begini?

Soalannya, kalau dapat ditangkap *pusher* tersebut, apakah hukuman yang akan diadakan? Apakah hukuman yang akan dikenakan dengan undang-undang baru sekarang? Apakah dadah itu akan di analisa? Apakah cukup dengan fakta-fakta yang menyatakan dadah ini di dalam senarai yang dibolehkan orang ini disebut 15 kali atau dalam senarai kita ini tidak ada satu bahan, maka tidak ada satu elemen dalam bukti itu, maka ditolak? Celakalah anak kita nanti.

Oleh sebab itu, saya ingin bercakap secara global, akan ambil secara terperinci kerana mereka sudah mengkaji undang-undang ini. Akan tetapi kita perlu ingat bahawa sekiranya undang-undang ini diluluskan, maka saya hendak peringat bahawa *judges* itu juga seperti kita yang mempunyai emosinya yang tersendiri. Saya tidak mahu soal integriti, saya tidak mahu mempersoalkan.

Soal rasuah, saya tidak mahu mempersoalkan. Kita ada terbaca kadang-kadang di negeri-negeri lain, bukan di Malaysia, ada juga hakim-hakim yang menerima rasuah. Apakah orang yang mengedar dadah ini bukan orang miskin? Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan orang miskin. Sudah ada

satu manusia yang menjadi presiden kepada satu negara kerana menjual dadah. Banyaknya wang yang dia ada, dia boleh membeli semua rakyat di negeri itu dan akhirnya dia menjadi seorang presiden. Setakat hakim itu, *nothing for them*, Tuan Yang di-Pertua.

Tidak ada masalah dengan kekuatan, kekayaan yang mereka ada. Di *southern Thailand*, satu hamba Allah yang menjual dadah, empat *Ferrari* di rumahnya, semuanya diletak atas nama *drivers* nya. *Driver* ada *Ferrari*. Bukan sebiji, empat biji. Bukan sebiji, empat biji, Tuan Yang di-Pertua. Apakah dengan hakim sangat, *there is no problem*. Mereka ini mempunyai *networking* mereka yang tersendiri. Kalau kita tengok Al Pacino dalam *movie* nya, bagaimana mereka bergerak. Mafia ini bergerak dan teknologi-teknologi sekarang yang begitu canggih.

Apakah Malaysia sudah ada teknologi-teknologi canggih ini untuk mengesan dadah tersebut? Kita faham AADK telah pun mewujudkan STING dan sebagainya. Narkotik menubuhkan jawatankuasa. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Azwan Bro tadi yang menyatakan supaya kita mengadakan satu tetapi setakat mana sekiranya *commissioner* ini dibuat pun, sekalipun tetapi dengan wang ringgit yang ada pada penjual-penjual dadah ini, saya rasa kita akan angkat tangan. Dalam keadaan sekarang ini pun, dalam keadaan kita mempunyai *scanners* yang canggih di Bukit Kayu Hitam, di sempadan Singapura, itu pun masih terlepas dadah-dadah yang kita ini menjadi transit.

Transit ini maknanya masuk-keluar. Akan tetapi yang kita tahu hanya yang masuk, yang keluar kita tidak tahu berapa banyak yang keluar. Angka masuk kita tangkap, angka keluar kita tidak tahu berapa angka yang telah keluar. Saya selalu bertanya kepada bahagian narkotik, berapa angka yang keluar *every year*? Angka masuk kita tahu, angka keluar kita tidak tahu.

Jadi maknanya, dadah ini sudah pun terlekat di negara kita. Transitnya transit terus, Tuan Yang di-Pertua. Bukan transit sementara, transit terus. Apa yang menjadi mangsa, anak-anak kita. Pergi cek Yang Berhormat, di Pekan Singkir, Kedah. Seorang anak telah menjadi *pusher*, berumur 13 tahun. Jadi *pusher*, anak ibu tunggal, ibu tunggal anak tujuh. Balik ke rumah beritahu emak, "*Emak, ini duit RM50 untuk emak. Saya dapat satu motorbike emak, untuk saya berjalan petang-petang.*" Emak tengok anak yang sebegini- *alhamdulillah*. Baru 13 tahun sudah pandai cari duit untuk emak. Sudah pandai cari duit untuk emak. Ditangkap polis- 13 tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat, 13 tahun! Lumayan, lumayan mereka ini sanggup bayar kerana mereka mempunyai kemampuan hasil daripada penjualan dadah tersebut.

Kalau tangkap yang ini, Tuan Yang di-Pertua. Apa agaknya kita hendak buat? Apa agaknya kita hendak buat? Kita mesti mencari puncanya. Setakat punca *pusher* di kampung itu, saya kata tidak apa lagi, *pusher* selepas kampung, selepas kampung, selepas kampung dan yang kita berjumpa *main* pengedar itu. Kita tengok berapa banyak *profit margin* yang dibuat. Berapa *cycle* yang dibuat.

Ini yang kita bimbang dengan perubahan undang-undang ini. Ini yang kita takut kerana *pushers* ini sudah kata, "*Ah, bagus. Malaysia sekarang tidak ada death penalty mandatory. Sudah boleh di negotiate.*" Kita faham dengan hukum agama seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah tadi.

Akan tetapi kita perlu ingat, kalau ia menyebabkan lebih banyak masalah daripada kebaikan, kita perlu melihat dari segi pandangan agama. Saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian telah memanggil mereka-mereka ini untuk berbincang? Mufti-mufti, orang-orang agama dalam hal yang sedemikian. Kita lihat negara-negara Islam juga mempunyai *death penalty*. Kita melihat

hukum-hukumnya, mereka lebih mengetahui, mereka juga dekat, mereka juga mengkaji dari segi Kitabullah.

Saya yakin dan saya percaya, saya menambah kepada soalan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah. Apakah kementerian memanggil mereka-mereka ini untuk memberi nasihat? Sama ada perlu atau tidak ataupun apakah pandangan mereka sekiranya seorang *pusher* yang ditangkap dan sudah pasti dia menjual tetapi secara teknikalnya, mereka tidak dapat menjatuhkan hukuman kerana NPS atau *designer drugs* ini menggunakan *chemical* yang begitu banyak. *Chemicals* kita, contohnya tidak ada dalam undang-undang dadah tetapi terlibat dengan racun. Oleh sebab itu ketum Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang masih belum lagi dapat diputuskan.

■1620

Sudah 15 tahun, 20 tahun, masih belum dapat diputuskan. Kita tengok *vape*, tidak dapat juga diputuskan. Sampai sekarang *vape* berada di mana-mana, anak-anak sekolah telah mula menghisap *vape*. Jadi, yang ini pun, yang sekecil ini pun kita tidak dapat hendak buat keputusan. Apakah yang sebesar-besar itu kita hendak mendapat satu keputusan yang tepat?

Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu lagi rang undang-undang yang hendak dibahaskan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas usul ini. Saya akhiri dengan *wabillaahitaufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

Saya lihat ramai pada hari ini bercakap hal dadah ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya juga senang hati dapat mendengar sendiri tokoh yang begitu faham tentang dadah, perjuangan dadah ini. Maka, bak kata orang tua-tua, 'jauhari juga yang mengenal manikam'. Jadi, saya berterima kasih banyak ke atas pandangan yang bernas, baik oleh Yang Berhormat Dato' Sri.

Sekarang Yang Berhormat Menteri kita ada bersama kita, jadi kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**4.21 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017- Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli; Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdullah; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun'; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aisyah; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal; dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi.



Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab perkara yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan rang undang-undang ini mengikut beberapa isu utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan.

Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hendak jawab ada dalam Dewan ini. Kalau tidak, saya kena bagi jawapan bertulislah. Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, ada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Balik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tiada? Beliau tanya soalan berkenaan dengan beberapa isu, banyak isu yang telah beliau- ada dekat luar kah? Dia langsung tiada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia balik kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tiada? Saya bagi jawapan secara bertulis.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan saya. Pasal tadi kita ada nasihat dari Tan Sri supaya isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli yang lain, kita sudah bangkit. So, mungkin isu-isu itu mungkin kalau tiada, kita akan bangkit. So, ini cadangan saya. Walaupun tiada, saya rasa kena jawab supaya semua orang dapat tahu. Pasal *advice* tadi, jangan bangkitkan isu yang samalah. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya tiada masalah hendak jawab tetapi itulah, sepatutnya, elok ada dalam Dewan. Supaya bila saya jawab itu, ada sedikit *clarification*, dengan izin. Yang Berhormat telah menimbulkan isu tentang bilangan kes yang tertangguh, berapa melibatkan pesalah di bawah umur. Dimaklumkan, statistik Jabatan Penjara- 14 September 2017, menunjukkan terdapat 2,384 dalam *remand* di bawah seksyen 39b, Akta Dadah Berbahaya yang sedang ditahan di penjara kerana perbicaraan berlangsung di Mahkamah Tinggi masih belum selesai. Daripada jumlah di atas, tiga orang adalah reman juvana, di bawah umur 18 tahun.

Yang Berhormat juga tanya tentang mahkamah diberi budi bicara untuk menjatuhkan hukuman sebatan. Hukuman sebatan minimum perlu diberi pertimbangan. Jawapannya dalam kes yang melibatkan seksyen 39b, Akta Dadah Berbahaya 1952 ini, pindaan dibuat memberi mahkamah budi bicara menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 sebatan. Sebatan sebanyak 15 kali ini adalah kerana kerajaan ingin menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa bahaya gejala dadah ini dan jika terlibat dalam pengedaran dadah, hukumannya adalah berat.

Oleh itu, hukuman sebatan di bawah seksyen 39b adalah wajar. Yang Berhormat juga bertanya tentang pesalah, jika pesalah memberi maklumat atau keluarga pesalah- adakah jika pesalah memberi maklumat atau keluarga pesalah mendapat perlindungan. Di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009, hanya saksi sahaja akan diberikan perlindungan. Sekiranya syarat-syarat dipatuhi di dalam pindaan ini, pesalah yang memberi maklumat yang berjaya mengendalakan aktiviti pengedaran dadah, mahkamah ada budi bicara untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan rotan.

Bagi keluarga pesalah, jika ada sesiapa mengugut mereka, mereka boleh membuat laporan polis terhadap ugutan tersebut. Pihak polis akan menjalankan siasatan, dimaklumkan boleh diberikan perlindungan yang sewajarnya. Yang Berhormat juga bertanya tentang adakah pindaan ini adil terhadap keldai dadah yang tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan *kingpin* dadah? la

diperhatikan bahawa pindaan ini meletakkan kuasa di tangan mahkamah untuk memutuskan sama ada seseorang itu telah membantu agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aktiviti dadah.

Keputusan ini tidak lagi terletak di tangan pendakwa. Oleh itu, mahkamah boleh lah mengambil kira semua faktor relevan dalam menentukan sama ada seseorang itu telah membantu agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan penganjuran dadah, termasuk tahap pengetahuan tertuduh.

Yang Berhormat juga bersama dengan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra ada bertanya soalan yang agak sama iaitu apakah kedudukan kerajaan sekiranya orang yang disabitkan itu tidak mempunyai apa-apa maklumat untuk membantu agensi penguatkuasaan tetapi telah memenuhi mana-mana syarat 2(a), (b) atau (c) dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017.

Kemudian, siapakah yang akan memantau tahap bantuan yang akan diberikan? Jika tertuduh tidak dapat memberikan maklumat untuk membantu agensi penguatkuasaan, maka tertuduh berhadapan dengan hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan atas pertuduhan. Hal ini berbalik kepada tujuan pindaan ini diperkenalkan iaitu memperkasakan agensi penguatkuasaan dalam memerangi aktiviti penganjuran dadah. Walau bagaimanapun, tahap bantuan akan dinilai oleh mahkamah berdasarkan kepada fakta sesuatu kes.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bertanya berkenaan dengan perkataan “*and*” di hujung perenggan seksyen 39(2)(a)(d) yang di cadangkan, adakah perlu dipatuhi juga atau dibaca secara *disjunctive*? Dasar yang telah ditentukan adalah supaya perenggan (d) menjadi suatu kehendak yang mandatori iaitu perlu dipenuhi sekiranya mahkamah ingin mempertimbangkan untuk menjatuhkan hukuman pemenjaraan seumur hidup.

Dalam hal ini, (a), (b) dan (c) dibaca secara *disjunctive* tetapi akan dibaca secara *conjunctive* dengan (d). Yang Berhormat juga bertanya tentang apakah maksud “penjara seumur hidup.” Menurut seksyen 3, *Criminal Justice Act 1953*, “penjara seumur hidup” bermaksud satu tempoh pemenjaraan selama 30 tahun, *life imprisonment* dan *imprisonment for life* membawa maksud yang sama iaitu penjara selama 30 tahun. Mahkamah hanya boleh menjatuhkan hukuman penjara sampai mati jika peruntukan undang-undang itu berbunyi “*imprisonment for natural life*” yang tidak wujud dalam pindaan ini.

Sebagai contoh, dalam *Firearms (Increased Penalties) Act 1971*, *imprisonment for life* ditakrifkan sebagai “*imprisonment for the duration of the natural life of the person sentenced*” atau dalam keadaan yang lain dengan mengatakan bahawa *notwithstanding section 3 of the Criminal Justice Act 1953*.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor pula bersama Yang Berhormat Senator Siti Aisyah bertanya tentang, apakah tindakan kerajaan bahawa cadangan pindaan ini hanya terpakai bagi orang-orang yang telah dipertuduhkan tetapi belum disabitkan di bawah seksyen 39b, Akta 234 adalah rasional. Pindaan ini apabila dikuatkuasakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta hanya akan terpakai untuk kes-kes di mana tertuduh belum disabitkan kesalahan.

Keputusan ini adalah rasional kerana bagi orang-orang yang telah disabitkan kesalahan di bawah peruntukan yang lama, mereka masih mempunyai peluang merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan atau selanjutnya membuat petisyen ke Lembaga Pengampunan.

Adalah menjadi polisi kerajaan bagi proses perundangan sedia ada diteruskan bagi orang-orang yang telah disabit kesalahan di bawah peruntukan seksyen 39(b) yang sedia ada. Ini jelas menunjukkan kerajaan tidak bertolak ansur terhadap pengedar-pengedar dadah dan memberi mesej yang tegas kepada masyarakat bahawa pengedaran dadah berbahaya merupakan musuh utama negara.

Keputusan ini diambil untuk tidak mengikut cara di Singapura, di mana peruntukan di buat untuk menghukum semula tertuduh-tertuduh yang dihukum mati mandatori sebelum pindaan berkenaan atas sebab-sebab berikut- Singapura mempunyai satu peringkat rayuan sahaja iaitu Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Jika rayuan ditolak, wujud proses pengampunan yang di pohon daripada Presiden Singapura.

#### ■1630

Di Malaysia pula, kita ada dua peringkat rayuan iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang mana diikuti dengan proses pengampunan kepada Lembaga Pengampunan jika rayuan ditolak. Itu beza yang pertama.

Kedua, pendakwaan dalam menjalankan pertuduhan di bawah seksyen 39B, telah mengambil kira semua fakta termasuk kerjasama dan maklumat yang diberikan oleh tertuduh terhadap aktiviti pengedaran dadah yang tertuduh terlibat di dalam membuat pertuduhan di bawah seksyen tersebut. Pendakwaan dalam kebanyakan kes di bawah seksyen 39B telah menuduh tertuduh di bawah seksyen 39A jika fakta kes menunjukkan tertuduh dapat memberikan maklumat yang membantu mengendalakan aktiviti pengedaran dadah.

Pihak pendakwaan juga mengambil kira jumlah berat dadah yang dimiliki oleh tertuduh di dalam pertimbangan pertuduhan yang paling sesuai. Oleh hal ini, kes-kes yang telah disabit di bawah seksyen 39B adalah kes-kes yang telah dipertimbangkan sewajarnya oleh pendakwaan ataupun pendakwa raya di bawah pejabat, dengan izin, *Attorney General's Chamber*. Tiada maklumat yang diberikan oleh tertuduh serta jumlah dadah yang terlibat adalah tinggi. Dengan itu, tiada keperluan untuk memperuntukkan satu rejim semakan terhadap sabitan dan hukuman di bawah seksyen 39B yang sedia ada.

Fasal 3, pindaan ini tidak bercanggah dengan perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, kerana Perlembagaan Persekutuan membenarkan layanan berbeza, "*differential treatment*" kepada orang yang berada dalam kelas yang berbeza. Seperti yang dinyatakan dalam kes *Lord President Suffian* dalam kes, '*Public Prosecutor (PP) menentang Khong Teng Khen 1976*', 2 MLJ 166, dengan izin, "*The principal underlining Article 8, is that a law must operate alike on all persons under like circumstances, not simply that it must operate alike on all persons in any circumstances*".

Mahkamah Persekutuan dalam kes, '*Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan melawan Victoria Jayaseele Martin 2016*', 2 MLJ 309 telah mengesahkan di bawah Perkara 8 sesuatu undang-undang yang mendiskriminasikan adalah undang-undang yang sah jika diskriminasi tersebut adalah berdasarkan "*reasonable classification*". Oleh itu kerajaan mengambil kedudukan bahawa tertuduh yang telah disabitkan kesalahan di bawah undang-undang sedia ada adalah tidak tergolong dalam kelas yang sama dengan tertuduh yang belum disabitkan kesalahan.

Pemisahan pertuduhan berkenaan ke dalam dua golongan yang berbeza adalah berdasarkan kepada konsep "*reasonable classification*" dengan izin, kerana kedua-dua golongan ini adalah jelas terpisah iaitu wujudnya *intelligent differential*, dengan izin, antara mereka. Berkait dengan tujuan pindaan ini iaitu menetapkan sesuatu rejim hukuman alternatif bagi kesalahan mengedarkan dadah yang memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman di samping memperkasakan agensi penguatkuasaan dalam peperangan melawan pengedaran dadah berbahaya.

Perbezaan dua golongan tertuduh di bawah *reasonable classification* juga selari dengan tujuan pindaan ini iaitu untuk menggalakkan tertuduh supaya memberikan maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang dapat membantu mengendalakan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah. Di samping itu, peruntukan ini menghormati prinsip undang-undang mantap yang menyatakan bahawa harus ada kemuktamadan di dalam proses undang-undang, dengan izin, "*finality in law*". Diperhatikan bahawa tiada sebarang percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan jika pindaan ini dianggap bercanggah dengan Perkara 8.

Hal ini adalah kerana membawa maksud Parlimen, ia membawa maksud bahawa, kalau ia kata ia bercanggah, kemudian ia akan membawa maksud bahawa seolah-olahnya Parlimen tidak boleh mengurangkan hukuman bagi mana-mana kesalahan tanpa memperuntukkan bahawa semua tertuduh dijatuhkan di bawah hukuman peruntukan sebelum pindaan harus dikaji sebelum hukumannya. Maksudnya, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang.

Selain itu, apabila akta ini dipinda daripada tahun 1983 untuk menetapkan hukuman mati mandatori bagi tertuduh yang disabitkan kesalahan mengedar dadah, tiada keputusan mahkamah yang mengatakan bahawa pindaan itu bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan atas sebab tertuduh yang disabitkan kesalahan selepas pindaan itu yang dihukum mati mandatori adalah didiskriminasikan berbanding dengan yang tertuduh yang dihukum sebelum pindaan yang mendapat hukuman penjara seumur hidup. Ini adalah pindaan tahun 1983, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail, bertanya tentang apakah pindaan ini yang memperuntukkan kuasa budi bicara mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori menunjukkan kerajaan sudah berlembut dengan pengedaran dadah. Dadah masih lagi menjadi musuh utama kerajaan. Pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk membendung gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah dari dulu hinggalah sekarang. Peruntukan hukuman mati mandatori telah dimasukkan oleh kerajaan pada tahun 1983 untuk menunjukkan komitmen kerajaan dalam memerangi pengedaran dadah berbahaya secara besar-besaran di mana jika seseorang yang disyaki mengedar dituduh di bawah seksyen 39B, Akta 234, dan jika disabitkan akan dibawa hukuman mati mandatori.

Ramai pesalah di bawah seksyen 39B telah dijatuhkan hukuman mati mandatori oleh pihak mahkamah termasuklah warga Malaysia mahupun warga asing. Walau bagaimanapun, hukuman yang berat ini masih lagi tidak dapat membendung dan mengurangkan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah di Malaysia. Yang Berhormat Senator sendiri sudah tahu bahawa tidak adanya, dengan izin, "*linkages*" antara hukuman mati dengan pengedaran dadah. Ia tidak akan mengurangkan pengedaran yang bertambah dalam semua negara bukan sahaja negara kita, tambahan juga bila dadah itu berbentuk

*designer drugs*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, tidak macam dahulu lah, dulu kita boleh timbang, boleh rasa, boleh kira, boleh nilai tetapi sekarang ini macam-macam bentuk.

Saya dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Bahagian Narkotik Polis Diraja Malaysia bahawa *designer drugs* ini, datang dalam beribu Tuan Yang di-Pertua. *It is cannot be quantified* sebab ia berubah mengikut zaman. *It is a very fast motion of changes*. Ini jelas menunjukkan bahawa hukuman yang berat semata-mata tidak dapat memberikan jaminan untuk menitiknoktahkan pengedaran dadah di Malaysia. Hal ini mungkin disebabkan pulangan lumayan daripada hasil pengedaran dadah seperti kanabis sehinggalah lambakan dadah *synthetic* yang ada sekarang. Sindiket-sindiket pengedaran dadah ini juga telah mengubah modus operandi mereka dengan menggunakan keldai-keldai dadah untuk mengedar dadah di dalam dan di luar negara.

Tujuan pindaan ini diperkenalkan adalah sebagai satu strategi baru dalam peperangan melawan pengedaran dadah dengan menawarkan peluang kepada tertuduh untuk memberikan kerjasama kepada agensi penguat kuasa. Agensi tersebut diberikan *access* kepada maklumat yang boleh digunakan untuk mengendalakan aktiviti pengedaran dadah yang mungkin sukar di peroleh tanpa kerjasama daripada tertuduh. Maka adalah jelas bahawa pindaan ini tidak bertujuan menunjukkan kelembutan terhadap pengedar dadah tetapi bertujuan memperkasakan agensi-agensi penguatkuasaan negara dan juga untuk menghantar mesej yang tegas kepada masyarakat bahawa kerajaan tidak akan bertimbang rasa terhadap mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti pengedaran dadah.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah pula bertanya tentang di peringkat manakah maklumat yang diberikan oleh tertuduh itu akan dikemukakan ke mahkamah? Maklumat yang diberikan oleh tertuduh hanya akan dikemukakan di peringkat perbicaraan di mana mahkamah akan menentukan adakah maklumat tersebut berjaya mengendalakan aktiviti pengedaran dadah. Yang Berhormat Senator...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan berkaitan dengan itu mengenai di Dewan Rakyat kalau kita tengok di peringkat Jawatankuasa perenggan 2B telah di *delete*. Kalau dulu ada 2B, tanggungjawab itu pada DPP. Akan tetapi sekarang / cuma hendak tahu agensi mana yang akan kemukakan makluman ini sedangkan perenggan 2B itu tidak ada.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, ada tidak salinan rang undang-undang itu?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** / ada, Pindaan itu pun ada.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Masuk ke bawah *after paragraph 2*, tengok kepada perenggan seterusnya di bawah definisi penguatkuasaan ada empat jenis definisi. *Can you read it out loud?*

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *For the...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *The blue one. The blue bill. Do you have it?* Dengan izin.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *No, kenapa saya timbulkan, agency in...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *That's agency itu yang...*

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** 2C itu saya ada- 2C yang sebutkan agensi penguatkuasaan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Isu saya, kenapa saya timbulkan ini ialah semasa jawatankuasa 2B itu telah pun hilang- 2B kalau kita tengok dulu, tanggungjawab itu ada dengan DPP. So, siapa yang akan...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak, sebenarnya kalau kita baca kepada... Bagi satu *bill*, ada? Setiausaha, Setiausaha, boleh saya ambil satu *bill*- Rang Undang-undang Dadah. Yang mana dalam Peringkat Jawatankuasa, kerajaan mengeluarkan perenggan yang disebut dalam *blue bill*- yang original ini, kalau mana Yang Berhormat tengok perkataan (d), (2A) "*The public prosecutor certifies in writing to the court that in his determination.*"

#### ■1640

Jadi benda itu dibuang dalam pindaan ini yang mana disebutkan kalau kita baca dalam pindaan ini, akan dibaca bahawa dalam perenggan 39(2B) dalam pindaan yang putih ini dicadangkan dengan menggantikan perkataan, "*The public prosecutor certifies in writing to the court that in his determination*" dengan perkataan ia akan memotong perkataan "*Public prosecutor*" tersebut dan kemudian dikatakan "*The person convicted has assisted*". Maknanya "*and*" (d) itu, "*the public prosecutor certifies in writing to the court that in his determination*" dibatalkan dan kemudian disambung dengan ayat seterusnya selepas koma itu, "*the person convicted has assisted an enforcement agency in disrupting drug trafficking activities within or outside Malaysia*" ini kepada mahkamah.

Jadi dia pergi ke mahkamah, mungkin bersama dengan peguam bela dia ataupun di peringkat pendakwaan, dia akan membawa kepada (2C) lah, definisi *enforcement agency*. Maknanya kerajaan tidak mahu pendakwa raya yang menjadi penentu sebagai prasyarat. Akan tetapi definisinya mengatakan bahawa "*the person convicted has assisted*" perkataan "*has assisted*" ini Tuan Yang di-Pertua ialah perkataan yang begitu luas.

Oleh sebab "*has assisted*" ini tertakluk kepada hakim itu menentukan. Kadang-kadang memang betul, mungkin dia hanya keldai, *drug mule*, dengan izin, dan dia mungkin kata tidak ada maklumat tetapi kemungkinan daripada apa yang dia cerita, kemungkinan daripada benda yang dia ternampak ataupun dia terbau ke dalam keadaan itu, boleh didefinisikan oleh kerajaan sebagai ataupun hakim sebagai "*has assisted*". Maknanya itulah yang kita sebut sebagai budi bicara, kita memberi keputusan budi bicara kepada mahkamah.

Akan tetapi kalau kita tengok pindaan ini, dalam seksyen 39B. Kalau kita tengok yang asal, kerajaan tidak membuang hukuman mati. Memang kena hukum mati tetapi mahkamah boleh kurangkan daripada hukum mati kepada penjara seumur hidup campur sebat, dengan syarat dia membantu. Kalau dia tidak dapat membantu, sudah tentu dia akan dikena hukum mati.

Akan tetapi dalam banyak senario ini, senario mahkamah ya. Mungkin Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi sebagai orang kuat agensi dadah, dia tahu senario yang sebaliknya. Akan tetapi saya bukan kementerian yang bertanggungjawab dengan isu dadah, saya hanya Menteri yang menjaga undang-undang. Elemen dia ialah elemen mahkamah supaya kita memberi bidang kuasa kepada mahkamah. Kalau tuduhan pendakwa itu mengambil suapan, agensi mengambil suapan, hakim

mengambil suapan, tertakluk kepada laporan yang diberikan kepada pihak berkuasa sebagai contohnya SPRM boleh menyiasat.

Akan tetapi bagi peringkat kerajaan, kita pakai 39B kalau dia melengkapinya tetapi dalam keadaan tertentu kemungkinan yang mana mereka ditangkap akan hanya dibuat tuduhan di bawah 39A. Bererti hukumannya memang bukan hukuman mati dan tidak hukuman penjara seumur hidup. Kemungkinan bagi hukuman yang begitu kurang. Itu strategi yang diwujudkan oleh kerajaan. Seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat, ini adalah strategi baru kerajaan dengan harapan pendekatan ini dapat membantu kerajaan untuk melawan gejala perang dadah yang berleluasa dalam negara kita dan juga negara-negara yang lain.

Akan tetapi berbanding dengan Singapura, Singapura ada sijil yang diberi oleh pendakwa raya. Saya jumpa dengan peguam bela, *Attorney General* Singapura bersama *Attorney General* Malaysia. Dia beritahu kepada kami bahawa Singapura tidak mahu berganjak sebab mereka percaya pindaan ini membantu agensi penguatkuasaan. Mereka menyatakan bagi pihak Peguam Negara Singapura, mereka meletakkan keyakinan kepada agensi kerajaan untuk memberi *guidance* kepada mahkamah.

Oleh sebab mereka percaya bahawa agensi kerajaan mereka bertemakan kepada ketulusan dan keikhlasan. Jadi mereka berkata tidak ada waswas dalam pendakwa raya, itu Singapura, begitu ketat. Maknanya hakim di Singapura tangan terikat dan mahkamah di Singapura, satu *level* Mahkamah Rayuan. Tidak dapat, tidak dapat, lepas itu dia pergi Presiden, sekarang pula Presiden dia orang perempuan, kemungkinan lembut hati, *wallahualam*.

Akan tetapi dalam negara kita, mahkamah kita dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan lembaga-lembaga pengampunan di peringkat negeri masih ada peringkat-peringkat untuk merayu. Inilah ketulusan sistem kehakiman dalam negara kita. Jadi Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bertanya tentang sejauh manakah pindaan ini akan membantu pihak kerajaan dalam menangani dan membanteras dadah yang semakin menular dalam kalangan masyarakat.

Melalui pindaan ini, tertuduh yang membantu agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aktiviti penagihan dadah, akan dapat membantu agensi penguatkuasaan mengatur langkah yang lebih efektif dalam membendung gejala pengedaran dadah berdasarkan maklumat dan bantuan yang diberikan oleh tertuduh.

Pindaan ini juga akan memberi peluang kepada tertuduh-tertuduh yang mempunyai maklumat yang dapat membantu agensi untuk memberi maklumat tersebut dan melepaskan diri mereka dari hukuman mandatori. Pindaan ini adalah bersifat sesuatu rejim hukuman alternatif yang diberikan peluang kepada yang tertuduh untuk mengaku salah kepada peringkat awal dan menyalurkan maklumat kepada agensi penguatkuasaan. Keadaan ini bukan sahaja membolehkan agensi penguatkuasaan mengambil tindakan yang lebih efektif terhadap sindiket dadah tetapi juga menjimatkan masa dan kos mahkamah. Walau apa pun kerajaan tidak berlembut dalam isu memerangi dadah.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi menyatakan adakah kerajaan tertekan dengan tekanan *human rights* sehingga membawa pindaan sebegini. Seperti yang dinyatakan sebentar tadi semasa pembentangan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dicadangkan

oleh kerajaan setelah membuat kajian yang menyeluruh dan komprehensif yang dibuat oleh I-CeLLS di bawah Jabatan Peguam Negara bersama-sama dengan pakar-pakar antarabangsa dan pakar-pakar dalam dan luar negara, pihak-pihak berkepentingan sejak tahun 2012.

Kerajaan tidak pernah terburu-buru dalam membuat pindaan ini daripada tahun 2012 yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat untuk mengkaji. Kita membuat pindaan ini pada tahun 2017, maknanya sudah lima tahun kita mengambil dan kerajaan berhati-hati. Yang Dihormati Tan Sri Peguam Negara telah menghadiri mesyuarat Kabinet semasa pembentangan pindaan ini untuk memberi makluman kepada kerajaan bahawa hukuman mati mandatori tidak ada kaitan dengan strategi untuk berperang dengan kewujudan mereka-mereka yang terlibat dalam dadah.

Tan Sri Peguam Negara telah memaklumkan kepada Kabinet bahawa kaitan itu tidak ada. Maka Peguam Negara bersetuju bahawa pendekatan yang baru ini, kemungkinan ia akan dapat membantu. Kita mesti ingat dalam pembentangan saya, sebelum tahun 1983 pindaan hukuman mandatori, sebelum itu kita mempunyai hukuman budi bicara. Kemudian kerajaan tukar kepada mandatori daripada tahun 1983. Sehingga hari ini tahun 2017, kita tengok seperti mana Yang Berhormat sendiri mengatakan seluruh dunia tidak mempunyai apa yang disebut sebagai perang dadah ini bertambah dan harapan kerajaan dengan mewujudkan pindaan ini secara berhati-hati akan dapat mencapai objektif dan matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, apa mesej yang hendak disampaikan oleh kerajaan hari ini dengan pindaan ini. Kita mengambil kira perang dadah ini satu perang yang begitu serius. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi memberikan senario-senario dan beliau terlibat dalam agensi yang terlibat dalam kepakaran isu dadah ini. Saya sendiri dapat tahu, banyak yang saya rasa Yang Berhormat sendiri pun hendak rasa dan boleh rasa kah, sudah rasa dadah, hendak tahu kesan. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua sudah rasa dadah atau belum, tengok kepada dadah yang mana Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah, tetapi Yang Berhormat berani sebab Yang Berhormat ini pakar dadah. Dadah ya, bukan benda lain ya [*Ketawa*]

Saya dengan Yang Berhormat ini kena cakap sedikit, dia dadah ini nanti dia cakap dia pakar lain. Dadah-dadah [*Ketawa*] Sahabat lama saya. Betul Yang Berhormat? Sebenarnya Yang Berhormat buat cara ini, saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan cara ini yang betul. Kita bagi budak-budak semua rasa dadah sebagai contoh, yang dilakukan.

Saya pergi ke Amsterdam Yang Berhormat, jumpa dengan peguam-peguam Amsterdam. Dia orang kata yang hisap dadah, makan dadah Amsterdam semuanya adalah pelancong. Orang dia tidak hisap dadah. Dia tengok ini sebagai industri pelancongan, dia buat perniagaan. Akan tetapi dia tengok keganasan tidak begitu tinggi sebab diberikan kebenaran. Ini pandangan di Amsterdam. Akan tetapi di Malaysia seperti mana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi katakan, anak-anak di rumah di kawasan luar bandar, dia tidak faham. Dahulu lagi, anak-anak muda yang hendak pergi ke luar negara diberikan tiket percuma, tidak *check* beg, tidak tahu apa yang dibawa, kadang-kadang bawa *teddy bear* naik kapal terbang, dalam itu penuh dengan dadah, apabila sampai kena tangkap.

Sebenarnya Yang Berhormat, saya sebagai yang melaksanakan, sebagai peguam bela dan peguam cara, sebenarnya kadang-kadang tidak semua orang 100 peratus *innocent*. *Not many is 100 percent innocent*. Kadang-kadang bila kita terima tiket hendak pergi keluar negara kah, hendak ambil



barang kah, kita kena tanya. Kita pergi ke kaunter kapal terbang, kita hendak *check in* beg. Dia akan tanya, “*Did you pack your bag yourself?*” Atau- tidak? “*What did you pack in your bag?*” Beg kita kah, beg orang. Maksudnya dia sudah tanya, macam mana Yang Berhormat tanya, kita naik kapal terbang, pihak antarabangsa pun dia ada memberi *warning*, senarai memaklumkan.

■1650

Jadi, maksudnya *ignorance of the laws is no excuse*. Kita tidak boleh mengatakan dia tidak tahu, tiba-tiba ini bukan dia punya. Dalam banyak kes Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa *enforcement agency*, dengan izin, memang tahu bahawa adanya *trailing* yang berlaku.

Itu sebabnya mereka berkata bahawa, perang dadah ini tidak akan berhenti dengan begitu mudah dan mesti menjadi komitmen semua masyarakat. Sama ada pihak kerajaan, sama ada pihak pembangkang, sama ada ibu bapa dan ibu bapa tidak boleh hanya lepas tangan kalau anak itu dengan lain yang dia tahu, kita mesti peka pada perkara.

Saya tahu juga agensi-agensi yang membantu dan juga NGO-NGO yang membantu dalam memerangi dadah dan juga membantu *rehabilitation*. Ia bukan perkara yang senang. Selalunya, kes-kes dadah seperti Yang Berhormat cakap itu *repetitive*. Dia masuk dia keluar. Lepas itu dia masuk balik dan macam-macam dia buat aktiviti.

Itu sebabnya, musuh ini memang kata orang ini memang satu perang yang *nameless* dan kita pun tidak tahu siapa yang datang, dari mana dia datang. Akan tetapi, inilah yang akan membawa kepada masyarakat kita yang akan diwujudkan- kita hendak capai masyarakat TN50. Dengan masalah isu dadah ini, masalah realiti yang kita kena perangi dan harapan kerajaan daripada pindaan ini kemungkinan bukan sahaja kita beri mandatori hukum bunuh macam dahulu tetapi kita bagi peluang untuk dia membantu.

Saya harap pindaan ini pada tahun 2017 ini, Tuan Yang di-Pertua akan mewujudkan satu pendekatan yang akan dapat membantu kerajaan kita memerangi isu dadah. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya. Saya sekali lagi ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017. Kami bagi pihak kerajaan sedia maklum dan ambil segala cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sebarang isu yang tidak sempat saya bentangkan dalam ucapan akan saya beri jawapan secara bertulis.

Dengan itu, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Yang Berhormat. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana saya ramalkan Yang Berhormat Menteri memang orang yang berilmu tentang ini dan dialah penjaga kepentingan mengawasi dadah tadi dan tahniah Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.55 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang Tara 2005, Akta 646 digubal bertujuan untuk menggantikan Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing 1985. Akta 646 ini juga diwujudkan untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan award dan bagi-bagi perkara yang berkaitan dengannya. Ia bertujuan untuk menggalakkan keselarasan antarabangsa mengenai rejim timbang tara berdasarkan undang-undang contoh yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa pada 21 Jun 1985.

Pada 3 Mac 1978, Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) diwujudkan melalui perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan *Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)* bagi menyediakan tempat yang neutral dan bebas untuk mengendalikan prosiding penyelesaian pertikaian alternatif yang terunggul di Asia. Pentadbiran kes penyelesaian pertikaian alternatif yang efektif oleh KLRCA telah mencatatkan peninggian daripada 22 kes pada tahun 2010 kepada 2,000 kes bagi tempoh 2011 hingga November 2017.

Selain itu, KLRCA juga merupakan pusat timbang tara yang pertama di dunia yang menerima dan mengguna pakai Kaedah-kaedah Timbang Tara 2010 yang disediakan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa iaitu pada Ogos 2010. KLRCA juga telah dianggarkan telah menyumbang sebanyak RM23.7 juta kepada ekonomi negara. Satu kajian bebas telah disediakan oleh Strategy Plus Framework Sdn. Berhad yang mengesahkan bahawa bagi

setiap Ringgit Malaysia yang diberikan oleh KLRCA, nilai pulangan kepada ekonomi Malaysia adalah sebanyak RM5.20.

Sebagai institusi latihan dan pentadbir proses adjudikasi, KLRCA juga telah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan penyelesaian pertikaian dalam industri pembinaan. Dalam hal ini, KLRCA telah sama-sama merangka Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (CIPAA) 2017 yang telah berkuat kuasa pada 15 April 2014. Dari segi pembinaan keupayaan kapasiti *building*, KLRCA telah menjalankan 36 kursus latihan untuk mengiktiraf pakar-pakar baru dari Malaysia dan luar negara sebagai penimbang tara dan *adjudicator*. Selain itu, KLRCA juga telah menyebarkan maklumat mengenai *alternate dispute resolution* (ADR) kepada lebih daripada 4,090 peserta bermula 2011 hingga 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri pada 29 Jun 2016 telah bersetuju supaya KLRCA mempergiatkan usaha memperkukuh, pemasaran dan promosi dengan lebih berkesan untuk menjana pendapatan. Bagi tujuan tersebut, KLRCA telah menganjurkan satu bengkel konsultasi bersama-sama dengan pihak berkepentingan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta pada 30 Mac 2017 untuk membincangkan cadangan usaha penjenamaan dan memperkasakan semula KLRCA. Satu laporan penjenamaan dan pemerkasakan semula KLRCA telah dirangka berdasarkan hasil bengkel tersebut.

Sehubungan dengan itu, memorandum Jemaah Menteri berkenaan usaha penjenamaan dan pereka hiasan semula Pusat Timbang Tara Serantau (KLRCA) telah dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2017. Antara cadangan-cadangan yang di usahakan adalah:

- (i) penjenamaan semula KLRCA dari segi nama dan logo serta keupayaan KLRCA di mana nama pusat ini akan diubah dan diganti kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) atau *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)* (AIAC);
- (ii) penubuhan *Asian International Arbitration* (AIA) menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan ADR termasuk untuk menyediakan kursus akreditasi ADR di Malaysia dan *standing Chartered Institute of Arbitrators United Kingdom* sebagai pelopor bidang ini;

#### ■1700

- (iii) meluaskan rejim adjudikasi dalam mengendalikan isu-isu aliran tunai dalam industri pembinaan. Untuk tujuan ini, KLRCA akan melatih lebih banyak *adjudicator* dan menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai adjudikasi seluruh pelosok Malaysia;
- (iv) penyelesaian pertikaian berkenaan inisiatif *One Belt One Road* (OBOR) di KLRCA. Untuk tujuan ini, KLRCA akan mewujudkan satu hubungan kerjasama timbang tara dengan Institut Timbang Tara di Republik Rakyat China dan Institut Timbang Tara di Rantau OBOR;
- (v) mempergiatkan penyelesaian pertikaian dalam bidang sukan. KLRCA telah meningkatkan usahanya untuk melancarkan platform bagi penyelesaian pertikaian sukan secara penyelesaian pertikaian alternatif dengan kerjasama Majlis Olimpik Malaysia;

- (vi) mempromosikan KLRCAs sebagai pusat timbang tara antara pelabur dan kerajaan di kalangan negara ASEAN;
- (vii) mempromosi dan memfasilitasikan kepakaran ADR untuk pelajar-pelajar universiti tempatan; dan
- (viii) penubuhan *ASEAN International Chambers of Commerce (AICC)* untuk mewakili komuniti perniagaan dan komersial yang berkepentingan di Malaysia di peringkat penggubalan polisi dan penggubalan dasar khususnya agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 November 2017, Nota Jemaah Menteri berkenaan cadangan pindaan tambahan yang sedang dipertimbangkan oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur terhadap Akta Timbang Tara 2005 dibentangkan.

Pertama, cadangan pindaan terhadap perenggan 36(6)(a) Akta 646 bagi membenarkan atau memberi atau meng-*award* faedah atas apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar oleh suatu *award* dari tarikh kausa tindakan itu berbangkit hingga ke tarikh penyelesaian berbanding dengan dari tarikh *award* itu hingga ke tarikh penyelesaian seperti dalam Akta 646.

Kedua, cadangan pindaan pemotongan seksyen 42 dan 43, Akta 646 untuk mengubah persepsi antarabangsa mengenai Malaysia sebagai sebuah pusat timbang tara yang menarik dan efektif.

Selain itu, cadangan pindaan ini juga akan meningkatkan profil negara dan memperlihatkan komitmen berterusan Malaysia dalam membangunkan kepakaran dan keupayaan dalam *Alternative Dispute Resolution*, dengan izin. *Insyaa-Allah* kerajaan akan mengadakan konsultasi dengan semua pihak-pihak berkepentingan khususnya yang terlibat dalam bidang timbang tara dalam mempertimbangkan cadangan pindaan kepada perenggan 36(c)(a), seksyen 42, dan seksyen 43, Akta 646.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta 646. Rang undang-undang ini dicadangkan bertujuan untuk menukarkan nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) sebagai inisiatif kerajaan dalam usaha penjenamaan semula, *rebranding*, dengan izin, dan menggiatkan semula Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju pusat penyelesaian pertikaian alternatif di rantau Asia Pasifik dan di persada antarabangsa.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah daripada fasal 1 hingga 3 seperti yang terkandung dalam naskhah biru rang undang-undang yang diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas sekarang.

Nama yang ada dua, tiga dan empat orang nama di sini hendak membahaskan. Saya bagi dahulu laluan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

### 5.03 ptg.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang.

Cadangan pindaan kepada Akta Timbang Tara 2005 ini, daripada penelitian saya tidak mencakupi kepada fungsi KLRCA seperti mana akronimnya KLRCA seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan sekarang hendak ditukarkan kepada *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)* kalau saya tidak silap akronimnya dengan izin akan menjadi AIACM, saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua, timbang tara ini akan berlaku apabila pihak-pihak pertikaian telah bersetuju untuk merujukkan pertikaian *commercial*, dengan izin, kepada timbang tara. Apabila tidak ada suatu urusan ataupun persetujuan pihak-pihak kepada transaksi komersial ini, maka pusat ini tidak menjadi suatu tempat penyelesaian pertikaian.

Jadi apa yang saya hendak cadangkan ialah untuk masa hadapan ini, Kerajaan meletakkan suatu syarat ataupun suatu prasyarat di dalam sebarang urusan kerajaan, kontrak oleh kerajaan hendaklah dimasukkan suatu peruntukan di dalam kontrak ini iaitu secara *boilerplate*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua supaya *boilerplate* ini dapat digunakan di dalam perjanjian kontrak antara pihak-pihak yang berkontrak untuk suatu urusan komersial.

Dari segi penelitian saya juga, di dalam KLRCA sekarang yang akan menjadi penjenamaan baru menjadi *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)*. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah penjenamaan ini terjadi di atas sebarang tekanan ataupun saranan daripada masyarakat antarabangsa ataupun masyarakat tempatan? Bagi saya saranan ataupun tekanan ini tidak sepatutnya berlaku kepada imej kerana kalau nama sekarang ialah *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* pun sudah cantik, KLRCA.

Akan tetapi, apabila ada cadangan untuk menukar kepada *Asian International Arbitration Centre*, saya mengambil kira bahawa ini suatu penjenamaan yang memberi satu imej antarabangsa kepada- dan dengan senanglah pihak Timbang Tara Kuala Lumpur ini membuat pemasaran di luar negara.

Saingan, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pusat timbang tara ini juga menyumbang sebanyak RM200 juta lebih kepada ekonomi negara. Perkara ini boleh dipertingkatkan apabila pemasaran yang lebih agresif dibuat kerana kalau pemasaran di buat di dalam negara sahaja tidak melibatkan masyarakat antarabangsa, maka urusan ini kurang dapat dipertingkatkan.

Oleh kerana kita mempunyai saingan dengan negara jiran iaitu negara Singapura untuk sebarang pertikaian. Jadi kalau dengan pindaan ini boleh memberi keuntungan yang lebih baik lagi kepada negara maka saya memang tanpa belah bahagi menyokong cadangan pindaan ini.

So, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ini apa keperluan ataupun kerana dari segi bentuk ataupun dari segi *substance* yang telah dicadangkan pindaan ini? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adakah ia bentuk *form* ataupun secara berbentuk *substance*? Oleh kerana kita menjangka bahawa inilah suatu proses pertama ataupun proses awalan untuk pusat timbang tara ini memasarkan produknya di luar negara.

Saya dapati bahawa dalam pusat timbang tara ini mempunyai panel penimbang tara ataupun *panel of arbitrators*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan jumlahnya sebanyak 1,400 lebih. Jadi saya hendak tanya soalan saya ialah adakah kita akan membuka lagi peluang kepada *arbitrator* daripada luar negara untuk menjadi *panel arbitrator* bagi *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)*.

Di samping itu juga, saya ingin menyatakan bahawa Pusat Timbang Tara Kuala Lumpur ini harus melihat kepada soal kos dan kalau pusat timbang tara ini dapat meletakkan kosnya yang lebih kompetitif iaitu kos yang lebih berdaya saing dengan tempat-tempat pusat timbang tara yang lain maka dengan senanglah kita untuk memasarkan produk negara ini untuk dipakai oleh masyarakat antarabangsa.

Jadi saya tidak adalah yang berniat untuk bercakap panjang kerana poin pun tidak banyak.,Tuan Yang di-Pertua, untuk perubahan nama sahaja. Sekian itu sahaja dan saya dengan ini menyokong penuh cadangan pindaan ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1710

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang memberi sumbangan baik dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

#### 5.10 ptg.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama berbahas mengenai pindaan kepada Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017.

Saya tidaklah hendak mempertikaikan tentang pindaan nama timbang tara ini iaitu daripada Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia). Saya rasa pindaan ini adalah sesuatu yang *very timely* kepada zaman ini, keadaan ini kerana sejak ia diwujudkan dalam tahun, akta ini ada dalam tahun 2005, Akta 646.

Akan tetapi ianya pada saya sebagai satu bentuk untuk memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang berwajib, pihak-pihak yang terlibat, sama ada pihak-pihak perniagaan ataupun rakyat biasa betapa pentingnya kewujudan timbang tara seperti ini. Sekarang kita berada dalam tahun 2017. Sejak Akta 646 dalam tahun 2005, ini bermakna bahawa lebih sedekad telah berlalunya usia akta ini. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah bahawa kesedaran rakyat tentang wujudnya akta seperti ini kerana kita sekarang ini berada di dalam era globalisasi dan juga kita berhadapan dalam satu bentuk pasaran bebas digital.

Kita bercakap tentang digital ekonomi. Jadi dalam kita rancak bercakap tentang digital ekonomi ini, kita juga harus tahu bahawa bila kita terlibat dalam transaksi-transaksi perniagaan, mungkin akan ada berlakunya perkara-perkara yang tidak memuaskan hati kita. Hari ini kita membuat *shopping* kita

dari Malaysia, dari Kuala Lumpur, dari Kuching, dari Pulau Pinang dan sebagainya di Penang, dari Kedah tetapi kita *shopping* di China. Kita *shopping* di tempat-tempat lain, di merata-rata dunia. Kita buat *online shopping* membeli barang di peringkat antarabangsa, di pasaran terbuka dunia. Jadi dalam kita pembelian seperti ini mungkin berlaku sesuatu yang akhirnya kita tidak puas hati tentang apa yang kita beli.

Adakah *online shopping* seperti ini, sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk dirujuk kepada timbang tara seperti ini? Adakah *online shopping* ini boleh kita buat pendengaran di bawah timbang tara ini? Ini kerana kita tahu bahawa kita bercakap tentang digital ekonomi, negara kita, kita kata hendak buat digital ekonomi. Negeri-negeri seperti negeri saya sendiri negeri Sarawak hendak memperhebatkan digital ekonomi. Kita menggalakkan rakyat khususnya pengusaha kecil dan sederhana untuk membuat perniagaan transaksi perniagaan di peringkat antarabangsa dengan negara-negara. Kita ada PKS kita, kita suruh, kita buat pasaran di luar negara dengan menghantar barang-barang perusahaan mereka yang kita katakan buatan tempatan. Yang saya katakan kita hendak buat keropok, kita hendak buat kerepek, kuih lapis dan sebagainya, kita hendak hantar dengan pembeli kita yang ada di negara lain.

Kita hantar *shipment* beberapa kontena barang-barang kita. Sampai ke negeri mana kita hendak buat pasaran, yang *partner* kita di sana yang hendak kita buat pasaran itu *reject*. *Reject* apa yang kita hantar di dalam kontena itu. Katanya kualiti tak baik, mereka *reject*. Jadi mungkin ada *agreement* antara pihak kita dengan pihak sana sebelum kita membuat penghantaran sesuatu barang. Akan tetapi apabila *direct* adakah *rejection* ini, perkara ini kalau kedua-dua pihak hendak merujuknya kepada timbang tara ini adakah *online marketing* seperti ini boleh diterima di bawah timbang tara ini?

Juga sekarang kita buat *online shopping* berlaku juga penipuan. Saya dengar ada satu kes di mana seseorang itu hendak membeli kamera, membeli satu unit kamera. Dipesan di luar negara dan akhirnya barang yang dikatakan hendak dipesankan itu, hendak dibelikan itu sampai ke rumah si pembeli. Bila dibuka bungkusan, yang di dalam kotak bungkusan itu bukan kamera tetapi diisi dengan pasir yang sama berat seperti kamera. Dia rujuk kepada si penjual, dia kata memang dia hantar kotak seperti itu. Jadi ini seolah-olah ada macam kes penipuan. Akan tetapi si penjual itu kata memang dia hantar begitu, dia kata mungkin barang itu bertukar di dalam *shipment*, *courier service* itu menukar barang itu.

Jadi dalam kes penipuan seperti ini, di manakah perlindungan pembeli kita khususnya rakyat kita, adakah layak untuk dirujuk di bawah timbang tara seperti ini. Ini kerana adakah pembelian *online* secara *contractual obligation* iaitu *willing buyer-willing seller* tetapi bila berlakunya sesuatu macam penipuan seperti itu adakah ianya layak untuk dirujuk di bawah timbang tara seperti ini dan apakah had nilai sesuatu barang yang boleh dirujuk kepada timbang tara seperti ini. Jadi saya melihatnya dari segi bukanlah dari segi pasaran syarikat-syarikat yang terlalu global, yang besar tetapi biarlah apakah timbang tara seperti ini memberi kesedaran kepada rakyat kita bahawa dengan adanya timbang tara seperti ini ada perlindungan kepada mereka apabila mana mereka membuat pembelian secara *online* seperti mana yang berlaku begitu rancak sekarang pada masa ini.

Jadi saya rasa walaupun penukaran nama ini pada saya, saya menyokong sepenuhnya tetapi di sebalik itu, ianya memberi kesedaran kepada kita. Sama ada perkara-perkara yang kita buat hari-

hari sekarang ini, kita buat secara *online shopping* merupakan satu perkara yang dapat dilindungi kepentingan pengguna sekiranya berlaku pertikaian dalam perdagangan oleh sebab kekhilafan ataupun masalah-masalah kekangan dalam perniagaan *online*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa pertukaran nama timbang tara ini akan lebih memberi banyak lagi kesedaran kepada pihak-pihak yang terlibat.

■1720

Saya juga ingin hendak tahu lah, sejak akta ini, Akta 646 berapa banyak sudah kes yang telah dirujuk dan diputuskan ataupun dikendalikan oleh badan timbang tara ini? Juga akhir kata, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Terima kasih banyak. Dijemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

5.21 ptg.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas keizinan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi global dan *free-trade zone* di pasaran Malaysia memerlukan satu kerangka perundangan timbang tara yang lebih sempurna dan efektif untuk memuktamadkan sebarang pertikaian dagangan yang berlaku di rantau Asia. Justeru, melalui penamaan semula Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di dalam Akta Timbang Tara 2005, saya berharap sebarang pertikaian bagi kontrak dagangan atau surat cara dagangan dapat dimuktamadkan secara prosiding yang paling aktif.

Persoalan yang ingin saya kemukakan dalam pindaan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai isu bahasa yang akan dijadikan sebagai rujukan dalam proses timbang tara. Pada kebiasaannya bahasa Inggeris akan digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam timbang tara di bawah peruntukan akta ini. Namun demikian, pertumbuhan dagangan serantau dengan negara China, India dan Thailand menyebabkan berlaku sedikit kesulitan dalam memuktamadkan proses timbang tara. Jadi soalan saya, apakah persediaan kerajaan bagi menangani kekangan bahasa, terutamanya bahasa Mandarin, Thailand, India dan Jepun?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih pula kepada minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.22 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Timbang Tara 2017. Saya akan menjawab semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dalam perbahasan.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff tanya apakah rasional keperluan di sebalik pertukaran nama KLRCA? Pertukaran nama kepada *Asian International Arbitration Centre (Malaysia)*



adalah sebagai asas untuk menjadikan KLRCA sebagai hab global Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR). KLRCA yang dahulunya dikenali sebagai *Regional Centre for Arbitration Kuala Lumpur* telah ditukar nama kepada *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* pada tahun 2010 sebagai salah satu langkah penjenamaan. Perkataan “*regional*” terdahulunya digunakan untuk menggambarkan dimensi antarabangsa. Namun, selaras dengan perkembangan dan penubuhan institut antarabangsa lain seperti *Singapore International Arbitration Centre* dan *Hong Kong International Arbitration Centre*, nama *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* memberi persepsi yang terbatas berbanding dengan Singapura dan Hong Kong.

Oleh yang demikian, penjenamaan bagi Malaysia adalah penting dengan memasukkan perkataan Asian atau nama bersifat antarabangsa bagi membolehkan Malaysia memberi perkhidmatan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) melebihi pertikaian di Malaysia sahaja. Secara contoh, negara Nairobi terdahulunya dikenali sebagai Pusat Timbang Tara Serantau Nairobi di bawah naungan AALCO kini telah menjanakan semula dirinya sebagai Pusat Timbang Tara Antarabangsa Nairobi untuk menonjolkan sifatnya yang tidak terbatas kepada penyelesaian pertikaian serantau.

Kini dengan peningkatan prestasi semenjak 2010, penjenamaan semula harus dilakukan agar KLRCA ini dapat bersaing dengan lain-lain institut di rantau Asia dengan lebih mantap. Ini adalah memandangkan inisiatif-inisiatif seperti *One Belt One Road* adalah penting bagi KLRCA untuk menonjolkan dirinya sebagai melangkaui batasan sebagai satu pusat serantau. Niat kerajaan adalah untuk mewujudkan satu pusat timbang tara bertaraf antarabangsa sejak awal penubuhannya.

Pemilihan nama ini adalah selaras dengan langkah-langkah yang diambil oleh lain-lain institut antarabangsa seperti ICC Paris. Kewujudan nama Malaysia adalah untuk menonjolkan kedudukan geografi dan hubungan baik yang sedia ada dengan lain-lain negara seperti China dan negara-negara Timur Tengah. Yang Berhormat juga bertanyakan tentang usaha-usaha KLRCA dalam mempromosi KLRCA sebagai satu pusat timbang tara utama. Pertukaran nama ini adalah amat penting. Penggunaan nama ini adalah sebagai refleksi kapasiti KLRCA yang kini bersedia mengambil peranan yang lebih besar. Dengan penggunaan nama baharu ini juga adalah penting agar persepsi masyarakat di arena timbang tara antarabangsa dapat diubah. Jurang prestasi jika dibandingkan dengan pusat timbang tara di Singapura dan Hong Kong adalah berdasarkan persepsi walaupun dari segi perkhidmatan, kebebasan institusi dan tenaga kepakaran timbang tara KLRCA adalah sama tarafnya.

Timbang tara antarabangsa adalah sangat kompetitif di mana setiap institusi sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukannya. KLRCA kini harus cuba mengurangkan jurang di antara mana yang dibuat sekian lama. KLRCA telah jauh ketinggalan berbanding dengan Hong Kong dan Singapura. Usaha penjenamaan semula bermula 2010 adalah sebagai asas untuk mengurangkan jurang yang wujud ini. Langkah seterusnya adalah untuk mengembangkan potensi KLRCA dan melangkaui lain-lain institut timbang tara yang merupakan pesaing yang terdekat. Penggunaan perkataan “*Asian*” dalam nama pusat ini akan memberi impak yang lebih luas dan memberikan keyakinan yang lebih kepada para pengguna.

Bagi melaksanakan usaha-usaha lain, adalah penting agar usaha-usaha untuk memperbaharui jenama, nama dan persepsi masyarakat antarabangsa. Walaupun Singapura dan Hong Kong dianggap pelopor dalam bidang timbang tara, kedudukan institut lain seperti ICC mempunyai reputasi dan

keyakinan yang lebih tinggi. ICC juga menggunakan nama jenama seperti ICC *Permanent Court of Arbitration*, ICC Asia dan sebagainya.

Yang Berhormat juga bertanya tentang sama ada kerajaan mengambil tindakan untuk memasukkan klausa atau prasyarat di mana pertikaian diselesaikan melalui timbang tara, terutamanya dalam perjanjian dimasuki oleh pihak kerajaan. Pada setakat ini, klausa berkenaan timbang tara telah dimasukkan dalam perjanjian yang di meterai kan oleh pihak kerajaan supaya pertikaian-pertikaian dirujuk kepada proses timbang tara dan diselesaikan di KLRCA. Ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri sebelum ini.

Yang Berhormat juga bertanya adakah penimbang tara antarabangsa boleh menjadi panel timbang tara di KLRCA? Penimbang tara antarabangsa boleh menjadi panel penimbang tara di KLRCA sejak permulaan lagi. Keadaan kedudukan ini juga selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan kesemua institut timbang tara antarabangsa juga membenarkan penimbang tara antarabangsa dalam panel mereka.

Yang Berhormat juga tanya tentang nama singkatan yang digunakan sepatutnya AIACM dan bukan AIAC. Nama singkatan yang digunakan adalah AIAC yang bermaksud *Asian International Arbitration Centre*. Manakala 'Malaysia' akan digunakan secara nama penuh tempat singkatan di mana akan digunakan seperti AIAC (Malaysia). Kerajaan amat komited dalam memastikan nama Malaysia turut digunakan dalam penjenamaan KLRCA supaya di peringkat antarabangsa juga ia dapat memasarkan nama negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili bertanyakan tentang adakah *online shopping* yang berlaku di peringkat antarabangsa dan pertikaian timbul boleh dirujuk kepada timbang tara di Malaysia? Jawapannya semua pertikaian di bawah kontrak komersial boleh dirujuk kepada timbang tara tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak sama ada digital ataupun tidak. Selain itu, penguatkuasaan antarabangsa boleh dilaksanakan di negara asing walaupun pertikaian dilaksanakan di Malaysia.

Yang Berhormat juga bertanya, adakah kes *online fraud* boleh dirujuk kepada KLRCA? Jawapannya kes penipuan *online fraud* adalah berunsur jenayah. Kes jenayah tidak boleh dirujuk ke KLRCA kerana ia tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah jenayah.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah bertanya, apakah bahasa pengantaraan yang digunakan dalam prosiding timbang tara? Apakah langkah menghadapi kekangan bahasa seperti Cina, Jepun dan India? Pihak-pihak kepada pertelingkahan boleh bersetuju untuk memilih mana-mana bahasa untuk dijadikan sebagai bahasa perantaraan dalam proses timbang tara. Ini adalah selaras dengan prinsip timbang tara antarabangsa.

#### ■1730

Kaedah Timbang KLRCA terdapat dalam beberapa bahasa dan ini termasuk bahasa Mandarin, Spanish, Korea, Rusia dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kelebihan di Malaysia bila kita melihat kepada potensi pasaran di negeri China dalam *One Belt One Road* ialah Malaysia mempunyai banyak dialek daripada negeri China. Kita ada Hokkien, Mandarin dan Kantonis. Itu kelebihan kita yang saya yakin Singapura dan Hong Kong pun tidak ada kelebihan macam kita. Kemudian kita pula ada bahasa Tamil, Urdu dan kita ada lebih bahasa-bahasa daripada negara India, kemudian pula bahasa Timur

Tengah. Kita ada banyak kepakaran. Itu sebabnya ini adalah langkah permulaan kerajaan untuk menjana semula Pusat Timbang Tara supaya kita menjadi terkenal di peringkat dunia.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian ke atas Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017. Saya harap segala isu yang tidak dapat saya huraikan akan saya jawab secara bertulis. Pihak kerajaan sememangnya mengambil maklum akan semua saranan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Azalina yang telah memberi penerangan panjang lebar, bernas dan bijak yang kita faham. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal- fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih banyak. Perjuangan kita diteruskan dan saya senang hati melihat Ahli-ahli Yang Berhormat masih ada dalam Dewan memperkatakan benda yang baik-baik untuk kepentingan negara. Perkara yang penting juga hendak saya tahu dan bagi fikir-fikirkanlah supaya kita tahu bahawa siapakah yang bersalah. Bak kata orang-orang tua tadi.

*Cubalah kita melihat masalah,  
Dadah, disiplin atau ponteng sekolah,  
Cubalah fikir siapa yang bersalah,  
Apakah ibu bapa yang benar menghelah.*

Ahli Yang Berhormat, dengan itu Ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, pada 18 Disember 2017. Sekian.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]***